

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 07 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

- Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)
- Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)
- Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)
- Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)
- Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)
- Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)
- Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)
- Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)
- Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)
- Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)
- Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)
- Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)
- Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)
- Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)
- Y.B. Datuk Halimatun Saadiah Binti Bohan
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)
- Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)
- Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Teepah a/p Athimoolam
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbahasan

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Encik Saifulnizam bin Hasmawi

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 7 November 2017 dimulakan dengan bacaan doa.*

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhammadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in*

Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadirat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu jua pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadiran Mu agar memberikan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu jua Ya Allah kami berserah.

Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'iin Walhamdulillah Robbil 'Alamiin.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Seri Serdang

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : KERAJAAN NEGERI MENJADI PERANTARAAN UNTUK
MEMUDAHKAN PERMOHONAN MEMPATENKAN PRODUK**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bolehkah Kerajaan Negeri menjadi perantaraan untuk memudahkan permohonan mempatenkan produk-produk ciptaan mesin pembuatan oleh Industri Kecil Sederhana agar tidak ditiru oleh pihak lain?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Tuan Speaker dan juga Seri Serdang yang bertanyakan soalan beliau. Pertamanya Kerajaan Negeri sememangnya cukup yakin dan menyedari tentang usaha-usaha pempatenan kerana selain daripada memastikan produk-produk dan juga hasil yang dikeluarkan oleh usahawan-usahawan Negeri Selangor dapat dipelihara untuk hak milik mereka. Ia juga dapat memastikan produk-produk yang dikeluarkan dan juga hasil-hasil yang dikeluarkan oleh usahawan-usahawan Negeri Selangor dapat mengekalkan standard dan kualiti hasil-hasil produk yang mereka keluarkan. Justeru mulai tahun 2014 lagi kita telah memaklumkan kepada usahawan-usahawan supaya melihat dengan lebih serius untuk mempatenkan produk-produk mereka sahaja bukan hanya *machine-machine* sebagaimana yang ada di dalam soalan ini tetapi semua produk, perkhidmatan dan sebagainya untuk dipatenkan dan kita menganjurkan beberapa kursus-kursus yang memberitahu bagaimanakah cara dan kaedahnya untuk kita mempatenkan ataupun meletakkan harta-harta intelek ini sebagai satu yang telah didaftarkan. Sebenarnya di Malaysia, paten merupakan salah satu daripada kategori untuk melindungi harta intelek yang ditadbir oleh Pernerbadanan Harta Intelek Malaysia atau MYIPO di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Penggunaan. Terdapat beberapa prosedur yang dilalui sebelum persijilan dan pewartaan paten diberikan. Selain daripada paten terdapat 4 jenis harta intelek lain yang boleh melindungi produk usahawan iaitu cap dagang, reka bentuk industri, petunjuk geografi dan hak cipta. SIRIM Berhad selaku Institut Piawaian Dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia yang mengendalikan pendaftaran harta intelek dan memastikan produk di pasaran mematuhi piawaian yang ditetapkan dan bermutu tinggi. SIRIM Berhad juga menjalankan kajian dari masa ke semasa bagi memastikan tiada penyelewengan daripada segi kualiti. Justeru di bawah program Kerajaan Negeri, kita mempunyai dua program yang secara langsung membantu usahawan-usahawan di Negeri Selangor untuk memastikan harta intelek mereka itu dipelihara. Pertama program kita di bawah Program Dana Usahawan Mikro. Dana Usahawan Mikro merupakan penjenamaan baru daripada Dana Industri Kampung dengan kita meletakkan skop yang lebih luas dan salah satu daripada skop itu selain daripada pensijilan halal, membelikan *machinery* dan peralatan dan juga mengubahsuai pejabat ada juga kemudahan-kemudahan sehingga RM30,000 kepada usahawan-usahawan mikro di Negeri Selangor untuk mempatenkan ataupun mendaftarkan produk-produk yang dimiliki oleh mereka. Keduanya program yang secara langsung juga membantu

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

kepada usahawan-usahawan Negeri Selangor untuk mempatenkan serta menjaga harta intelek produk mereka ialah melalui Program Pembungkusan Produk Made In Selangor atau pun nama sebelum ini dinamakan sebagai nama 4P dan melalui program ini kita bekerjasama dengan SIRIM Sdn. Bhd. dan melalui SIRIM juga memastikan aspek-aspek sebagaimana yang saya sebutkan tadi kerana SIRIM juga merupakan salah satu daripada badan yang akan menjaga harta intelek supaya produk dan hasil yang dikeluarkan oleh usahawan-usahawan Negeri Selangor dapat dipelihara dan dijaga. Komitmen Kerajaan Negeri ditunjukkan dengan lebih jelas pada tahun depan Tahun 2018 dalam Belanjawan yang kita berikan untuk Dana Usahawan Mikro ada pertambahan dana sekitar RM450,000 dan untuk program 4P ataupun pempakejan ataupun pembungkusan produk Made in Selangor kita mensasarkan lebih banyak usahawan-usahawan tahap tiga iaitu usahawan-usahawan yang *packaging* mereka itu mampu untuk di bawa eksport di luar negara dan kita menjangkakan daripada sekarang tiap-tiap tahun sekitar 26, tahun depan kita menjangkakan lebih 30 atau lebih 40 usahawan kita dapat bantu untuk program pempakejan mereka sekali gus meletakkan sijil halal mereka, pempatenan projek mereka dan juga *labelling* terhadap produk-produk yang mereka perolehi. Terima kasih.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Terima kasih. Seri Serdang ingin bertanya berapa lamakah masa yang perlu diambil untuk dipatenkan memandangkan baru-baru ini usahawan kampung tradisi pertandingan inovasi tujuh mesin yang telah dipertandingkan mendapat johan di Daerah Petaling sebab itu kita amat prihatin berkenaan untuk *machine* ini dipatenkan. Berapa lamakah masa untuk diambil? Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Mereka harus melalui beberapa proses-proses tertentu dan sudah pasti proses-proses ini memerlukan mereka memenuhi semua proses-proses untuk projek-projek ataupun produk-produk seperti mesin dipatenkan dan boleh dirujuk dan boleh dipastikan. Saya pasti kalau mereka ingin mendaftarkan ada beberapa konsultan-konsultan di luar ataupun SIRIM sendiri akan membantu untuk memastikan agar projek-projek, produk-produk atau mesin sebagaimana yang disebut tadi Seri Serdang itu dapat kita patenkan untuk menjamin harta intelek mereka.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO dari segi paten ini ada kaitan juga dengan *landform* relevannya kalau apabila kita patenkan bagi peluang kepada anak-anak muda, usahawan untuk berniaga dia perlukan tempat. Ada tempat yang suka ada tempat yang bukan dibenarkan kawasan *reserve* dan kawasan simpanan. Jadikan kita nak bertanyakan soalan, apakah perkara ini boleh dikaitkan sekali kita mempatenkan produk dan *property* mereka kepada *landform*. Ada kaitan tak? Kalau tengok dalam Internet ada gandingan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Setakat ini kita menumpukan kepada produk-produk ataupun hasil-hasil yang dikeluarkan daripada usahawan untuk kita patenkan. Untuk berkaitan *landform* itu saya kira perlu dari pihak Jawatankuasa Tetap namun setakat ini penumpuan kita kepada produk, hasil dan juga perkhidmatan yang dikeluarkan oleh mereka untuk memastikan kelangsungan produk, resepi atau apa-apa produk mereka dapat dijamin. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin buat soalan tambahan memandangkan Kerajaan Negeri Selangor menjadi perantara bagi program ini untuk permohonan paten produk ini saya ingin bertanya apakah mekanisme publisiti untuk program ini memandangkan ramai usahawan-usahawan luar tersebut inginkan perkara ini boleh mereka perolehi tetapi mereka tidak tahu bagaimana dan tidak ada publisiti program ini dapat mereka garap terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Untuk Program Dana Usahawan Mikro ini yang diusahakan oleh pihak Kerajaan Negeri pendaftarannya sepanjang tahun dan prosesnya hujung tahun dan proses pemilihan diadakan setiap dua bulan dan kita telah membantu lebih daripada 120 usahawan satu tahun untuk pelbagai aktiviti termasuk dalam 4 kategori yang telah kita tetapkan tadi iaitu pemberian peralatan, naik taraf premis dan juga pempatenan ataupun pendaftaran harta intelek dan ke empatnya promosi. Empat perkara ini Dana Usahawan Mikro boleh rujuk Pejabat-Pejabat Tanah / Daerah. Biasanya kita menggunakan agensi-agensi Kerajaan yang paling iaitu Ketua Kampung, Ahli-Ahli Majlis dan juga Penghulu-Penghulu untuk memeriksa mengenal pasti usahawan-usahawan yang terbabit. Untuk program pempakejan ataupun *packaging* ini jumlahnya agak kecil sekitar 26 satu tahun dan biasanya pendaftaran

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

atau pun promosinya dilaksanakan melalui *website-website* Kerajaan Negeri dan Alhamdulillah mereka kebanyakannya itu kadang-kadang sampai 40-50 tapi akhirnya sampai ke hujung sesi sekitar 20 – 25 orang perlu melalui beberapa proses dimulakan dengan bengkel, mengenal pasti, *interview* dan sebagainya. Jadi saya memang akui selepas kita tambah lagi nilai program ini dengan dana dan sebagainya, di samping juga saya percaya untuk menyeragamkan ataupun menyelaraskan dengan beberapa agensi-agensi pembangunan usahawan negeri sebagai contoh PKNS mempunyai program pembangunan usahawan, HIJRAH mempunyai jaringan usahawan sampai 30,000 orang dan saya percaya kalau kita dapat mengumpulkan mereka menjadi satu agensi lebih mudah dan capaian kita terhadap usahawan-usahawan itu lebih besar dan lebih lebar sifatnya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Tapak pelupusan sampah di Negeri Selangor tidak boleh menampung keperluan rakyat sedangkan sampah semakin meningkat dan tapak pelupusan semakin terhad. Apakah rancangan masa depan Kerajaan Negeri Selangor menggunakan teknologi terkini untuk mengatasi masalah ini?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Ijok. Kemudahan-kemudahan dan jangka hayat tapak-tapak pelupusan semasa saya nak bagi satu gambaran kepada Yang Berhormat dahulu. Kita ada beberapa tapak pelupusan di Selangor.

Tempat	Jumlah Sisa Sehari (Tan)	Jangka Hayat Tamat
1. Tapak Pelupusan Sanitri Jeram	3,100	2027
2. Tapak Pelupusan Sanitri Tanjung 12	1,600	2027
3. Tapak Pelupusan Terbuka Panjang	80	2026
4. Tapak Pelupusan Sanitri Bukit Tagar	400	2047

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

5. Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil	250	2029
6. Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang	290	2022
7. Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sungai Kertas	350	2018
8. Tapak Pelupusan Sisa Lengai Pulau Ketam (penggunaan penduduk Pulau Ketam)	2 tan seminggu	2020
9. Tapak Pelupusan Sisa Lengai Misi Restu Sdn. Bhd	270	2030

Untuk jangka masa panjang Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke-16/2016 yang diadakan pada 11 Mei 2016 dan disahkan 18 Mei 2016 telah menimbang dan bersetuju supaya anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holding Berhad (WHB) menerajui usaha untuk membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC) bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Kuala Selangor. *Integrated Solid Waste Management Centre* adalah satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut :-

1. Loji Waste To Energy (WTE);
2. Loji Kitar Semula;
3. Loji Pencernaan Anerobik (AD);
4. Loji Kompos;
5. Loji Kitar Semula Sisa Binaan;
6. Pusat Penyelidikan dan Pembangunan

Dengan adanya ISWMC ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan saja dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambahbaik kepada aktiviti ekonomi Selangor. Sekian Tuan Speaker.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Ijok

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Cara sekarang cara lama. Menimbulkan banyak masalah. Walaupun banyak. Saya dapati dia terhad. 2027 tak lama. Jadi apa, saya nak tanya: 1. Bila akan dimulakan pengurusan sisa yang baru. Sebab banyak *complaint* saya dapat lagi-lagi di Jeram pasal apa dekat dengan kawasan saya. Bau busuk dan I think kita Negara, negeri yang paling maju di Malaysia sepatutnya

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

melangkah ke hadapan, take the lead, cara untuk nak melupuskan sampah kita. Jadi saya nak tanya bila akan dimulakan rancangan-rancangan yang terperinci.

Y.B.TUAN EAU YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Y.B atas prihatin tentang isu pelupusan sampah di Selangor. Saya setuju terhadap apa yang dikatakan oleh Y.B tadi bahawa untuk tapak pelupusan sanitary cara yang jangka masa panjang. Itu sebab Kerajaan Negeri telah mula melantik Worlwide Holding Berhad dan mereka akan mulakan perancangan seperti apa yang saya katakan Integrated Solid Waste Malaysia Center ini pada tahun depan.

Y.B.DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B.DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya dapati indicator utama tapak landfill di Selangor ialah bau busuk. Tapi saya pergi Landfield Negara luar dia tak bau busuk. Boleh tak Exco cuba mengkaji bagaimana mereka boleh dan saya boleh kita buat kenduri sebelah Landfield tak apa. Di luar negeri. Bagaimana supaya Exco boleh belajar teknologi ini.

Y.B.TUAN EAU YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Kota Anggerik. Saya tak pastilah Landfield mana Y.B. maksudkan kerana

Y.B.DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya sedia nak bawa Exco untuk melawat

Y.B.TUAN EAU YONG HIAN WAH: Ya, tapi Landfield, apa landfield memang berbau busuk. Jadi saya harap kalau Y.B. dapat bagi

Y.B.DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya ada gambar Y.B. , tengok Landfield tak bau busuk.

Y.B.TUAN EAU YONG HIAN WAH: Ok, Y.B. boleh serah kepada saya selepas Dewan, ya, terima kasih banyak.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Telok Datok

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Tuan Speaker soalan saya ke 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B.TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK: PEMULIHAN SUNGAI-SUNGAI DI NEGERI SELANGOR

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka panjang dan pendek dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memulihkan kebersihan dan ekosistem Sungai-sungai di Negeri Selangor, khususnya Sungai Langat dan Sungai Klang yang telah dicemari dengan sampah sarap?
- b) Sila menyatakan kos pembersihan yang telah dibelanjakan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Assalamualaikum warahmatullahi wabaraqatu dan salam sejahtera Tuan Speaker dan Telok Datok yang bertanya. Pembersihan Sungai Klang telahpun diambil alih oleh MBI dan melantik syarikat ABADI untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan sepanjang Sungai Klang. Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut bermula dari sempadan Negeri Selangor hinggalah ke muara Sungai Klang. Kos siling bagi penyelenggaraan Sungai Klang telah diberikan sepenuhnya kepada MBI melalui UPEN iaitu sebanyak dua puluh empat juta ringgit Malaysia dalam RMK 11.

Bagi Sungai Langat pula JPS menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan "log boom" sepanjang tahun dengan anggaran perbelanjaan ringgit Malaysia tiga ratus ribu setahun dan hanya terdapat satu unit "log boom" merentang Sungai Langat iaitu di Bukit Changgang Daerah Kuala Langat. Bagi perancangan jangka masa panjang pula pihak Lembaga Urus Air Selangor telah melaksanakan program Intergrated River Basin Management, (IRBM) bagi Sungai Selangor 2008 dan Sungai Langat 2005. Objektif keseluruhan projek adalah merangkumi aspek perlindungan, pemuliharaan dan pengurusan secara sepadu di lembangan-lembangan sungai. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH ISMAIL: Menurut apa yang Exco jawab tadi, saya nak tanya sebab memandangkan kebetulan pulak hari ni pagi ni Sg. Rasau banjir, jadi ataupun kawasan sekitar Sg. Rasau banjir, soalan saya, berapa kerap sebenarnya sungai yang *hot spot* banjir ni dibuat penyelenggaraan. Apakah ia sama dengan sungai-sungai biasa ataupun diberikan tumpuan lebih. Itu saja soalan saya.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Batu Tiga. Sudah pasti semua makluman-makluman insiden-insiden yang berlaku adalah dalam capaian ataupun dalam data yang diambil kira yang mana nanti ianya akan reflek kepada jumlah penyelenggaraan yang perlu dibuat. Di semua sungai. Maksud katanya ia tidaklah sekata ataupun sama sahaja tetapi ia melihat kepada keperluan dan juga insiden yang berlaku.

Y.B. PUAN RODZIAH ISMAIL: Tambahan lagi. Terima kasih. Sebenarnya saya lihat di Sg. Rasau itu sendiri mendapan terlalu tinggi dan kalau dilihat sebenarnya penyelenggaraannya setahun mungkin sekali begitu saja tetapi saya ingat mohon sebagai Exco bukan sahaja di sungai-sungai seperti Sg. Rasau semua sungai-sungai di hotspot itu diberikan tumpuan. Jadi soalan saya tadi berapa kerap kawasan-kawasan yang tumpuan ini diberikan penyelenggaraan yang lebih kerap dan juga supaya kawasan itu bebas daripada banjir sebab bila hujan air tidak dapat ditakung. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih. Saya mengambil keprihatinan Batu Tiga dan dari sudut jumlah atau bilangan kekerapan itu mungkin saya secara spesifik akan serahkan kepada Batu Tiga khusus untuk Sg. Rasau. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya soalan 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B.TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK: HAK MILIK STRATA

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bangunan yang masih belum memperolehi hak milik strata mengikut daerah.
- b) Nyatakan factor utama yang melambatkan proses pengeluaran hak milik strata.
- c) Sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap isu tersebut?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Assalamualaikum waramatullahiwabaraqatuh, selamat pagi. Terima kasih kepada Y.B. Untuk makluman Y.B Kinrara jumlah skim pembangunan yang telah memperolehi hak milik strata adalah sebanyak lapan ribu lapan ratus lima puluh satu skim yang melibatkan sejumlah lima ratus dua puluh lima ribu dan dua puluh lima hak milik secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun siasatan oleh pihak PTGS ataupun mendapati bahawa terdapat 276 skim pembangunan yang layak mengemukakan permohonan tetapi pihak pemaju atau pemilik tanah masih belum mengemukakan permohonan bagi memperolehi hak milik strata. Di samping itu juga PTGS sedang menyemak status 849 skim pembangunan lagi bagi menentukan sama ada layak untuk membuat permohonan hak milik strata.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Statistik skim pembangunan yang belum mempunyai hak milik strata mengikut pihak berkuasa tempatan adalah seperti berikut:

Majlis Bandaraya Shah Alam	220 skim
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	212 skim
Majlis Perbandaran Subang Jaya	284 skim
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	269 skim
Majlis Perbandaran Kajang	306 skim
Majlis Perbandaran Klang	258 skim
Majlis Perbandaran Selayang	310 skim
Majlis Perbandaran Sepang	299 skim
Majlis Daerah Hulu Selangor	86 skim
Majlis Daerah Sabak Bernam	2 skim
Majlis Daerah Kuala Langat	35 skim
Majlis Daerah Kuala Selangor	19 skim

Keseluruhannya 2307 skim. Daripada skim-skim tersebut, ada maklumat tentang jumlah skim yang belum memohon strata dan jumlah skim yang masih dalam siasatan. Pecahannya saya akan edarkan secara terperinci sebab senarainya adalah terlampau panjang. Diantara faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan proses pengeluaran hak milik strata adalah urusan tanah yang belum diselesaikan sebagai contoh tanah belum disatukan atau pecah sempadan, premium yang masih belum diselesaikan dan tanah yang masih berstatus hak milik sementara. Terdapat juga tanah-tanah ataupun projek-projek yang dibangunkan di zaman Barisan Nasional tanah masih lagi tanah Kerajaan tetapi pemaju dibenarkan untuk membangunkan tanah tersebut. Ada juga tanah yang masih berstatuskan pertanian tetapi dibenarkan untuk dibangunkan. Jadi bermakna Kerajaan hari ini lah yang terpaksa menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Yang kedua, bangunan yang tiada CF atau sijil kelayakan menduduki atau CCC perakuan siap dan pematuhan dan bangunan yang dibina terlebih daripada sempadan lot. Yang ketiga, pemilik atau pemaju yang mempunyai masalah kewangan atau pemilik ataupun pemaju yang telah digulung dan masih di dalam tindakan Insolvensi. Untuk perkara yang ketiga apakah inisiatif Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telahpun mengambil beberapa tindakan Pro aktif dengan mengadakan aktiviti turun padang dari masa ke semasa secara giatnya. Inisiatif ini dapat membantu meningkatkan kesedaran pihak pemilik hartanah, pemaju dan juga pihak-pihak kepentingan lain tentang kepentingan dokumen dan hak milik strata serta kepentingan kelulusan strata efektif. Aktiviti-aktiviti seperti mesyuarat dan perjumpaan bersama pihak pesuruhjaya bangunan Badan Pengurusan Bersama

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

JMB telah pun diadakan dan sejumlah 209 skim telah terlibat di dalam aktiviti ini di mana secara tidak langsung telah membantu dalam meningkatkan lagi permohonan hak milik strata. Dalam isu ini Jawatankuasa tetap perumahan Pengurusan Bandar dan juga Pembangunan sentiasa mengadakan mesyuarat dengan pihak PTGS dari masa ke semasa untuk memantau akan progress atau kemajuan permohonan-permohonan juga menyalurkan akan aduan atau permohonan-permohonan yang telah disalurkan melalui jawatankuasa tetap ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih. Terutamanya kepada pemaju yang dah bankrap dan jelas mereka tidak akan membuat usahalah untuk memohon membuat pelan dan sebagainya untuk strata title ini, apakah Kerajaan Negeri boleh buat untuk membantu pemilik rumah dalam proses permohonan boleh tak dari segi kewangan Kerajaan Negeri boleh membantu flat-flat ini.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Bagi pemaju ataupun pemilik yang telah digulungkan ataupun yang telah bankrap, selalunya ianya akan diserahkan kepada "liquidator". "Liquidator" untuk menyelesaikan masalah ini ataupun ianya boleh diuruskan oleh JIM ataupun Jabatan Insolvensi Malaysia. Untuk Kerajaan Negeri mengambil alih tugas untuk memecah ataupun membuat permohonan ianya terlampau rumit dan kita tidak ada satu team yang khusus untuk perkara-perkara tersebut. Lebih baiklah ianya dilaksanakan ataupun diuruskan oleh pihak "liquidator". Walaubagaimanapun, masalahnya liquidator akan memohon akan bayaran. Inilah yang terutamanya akan membebankan mereka di rumah-rumah kos rendah. Kita akan tengoklah dari segi satu demi satu akan case by case. Memang ada permohonan, bukan dari rumah kos rendah tetapi malah daripada rumah kos sederhana rendah yang memohon untuk Kerajaan Negeri membantu tetapi ianya kosnya adalah terlalu tinggi. Tetapi walau bagaimanapun kita akan duduk berbincang dengan pihak-pihak tersebut. Terima kasih.

Y.B. NG SZE HAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kinrara dulu.

Y.B. NG SZE HAN: Terima kasih. Saya ingin nak tanya kenapa pada zaman dulu sebuah bangunan berstrata boleh didirikan di tapak pertanian.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Itu kena tanya sebelah sanalah. Bukan tanya kat sinilah. Sebab memang ada banyak kes yang apabila kita nak memberi malah ada kes daripada CF, kita nak bagi CF tetapi ianya di bawah ianya

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

masih di tapak pertanian yang perlu kita convert dulu kita tukar syarat dulu. Dan juga ada banyak kes di mana premium tidak dibayar. Saya ambil satu contoh lah. Di kawasan saya sendiri di Chempaka, di Taman Lembah Maju. Bermakna premium tidak dibayar tapi bangunan telah 20 tahun dah telah didirikan. Jadi ini adalah perkara-perkara yang berlaku zaman pentadbiran yang lepas. Saya tidak mahulah mengungkit tapi saya cuma ceritakan saja. Tapi ini tugas Kerajaan sekaranglah untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok, saya ada soalan tambahan nak bertanyalah kepada Kerajaan yang kata tadi Barisan Nasional yang tidak dapat menyelesaikan masalah, beberapa masalah tu. Berapa peratus pencapaian Kerajaan Pakatan Harapan ini dalam usaha menyelesaikan hak milik strata yang bermasalah?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kita boleh tengok statistik tadi, saya kena ambil kalkulator saya nak kira balik lah. Sebab kita dah bagi statistik dah. Ataupun saya bagi kemudianlah Statistik ada Cuma tidak...nak kena convert kepada peratusan. Saya bukan nak menyalahkan. Bukanlah tugas saya sekarang nak mengungkit perkara lama, tapi saya nak ceritakan kalau orang kata nak salahkan Kerajaan sekarang yang tidak selesaikan. Kita mewarisi perkara ini daripada Kerajaan dulu. Tapi kita terima tanggungjawab tu. Kita nak selesaikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya, Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih Speaker. Soalan No. 22

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK: AJARAN SESAT DI SELANGOR

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana JAIS dan MAIS Berjaya membantenas ajaran sesat di Selangor. Nyatakan.
- b) Senaraikan ajaran-ajaran di Selangor yang masih aktif.
- c) Di antara yang tersenarai tersebut nyatakan yang boleh mengancam ketenteraman awam atau berbahaya.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Lembah Jaya bertanya berkaitan dengan ajaran sesat di Negeri Selangor. Setakat ini terdapat 39 ajaran amalan dan fahaman yang menyeleweng dan sesat dan difatwakan di Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, hanya 19 ajaran direkodkan masih aktif. Sepanjang tahun 2017 Kerajaan Negeri merekodkan sebanyak 246 tangkapan. Berbanding tahun 2016 yang mencatatkan 31 tangkapan dan 75 tangkapan pada tahun 2015. Sebagai negeri yang dihuni oleh masyarakat daripada pelbagai negeri dan rakyat asing, usaha membanteras ajaran seumpama ini mengambil masa yang panjang bukannya mudah dan memerlukan kerjasama berterusan daripada semua pihak seperti yang telah dilaksanakan sekarang. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang memberikan kerjasama dan maklumat kepada Jabatan Agama Islam di dalam program untuk membanteras ataupun mengurangkan gejala ajaran sesat di Negeri Selangor. Senarai ajaran-ajaran sesat di Negeri Selangor yang masih aktif adalah seperti berikut adalah :

- i) Golongan Anti Hadis
- ii) Ajaran Kardiani Atau Ahmadiyah
- iii) Fahaman Syiah
- iv) Pemikiran Liberalism Leberalisa Agama
- v) Risbuktahrir
- vi) Ajaran Islam Jemaah
- vii) Ajaran Kumpulan Negara Islam Indonesia
- viii) Ajaran Milah Abraham
- ix) Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Bin Junid
- x) Al- Arqam, Terfokak
- xi) Ajaran Al-Azhar Bin Rohab
- xii) Ajaran Al-Mansur
- xiii) Ajaran Ilmu Makrifat Dan Mengenali Diri Peninggalan Tok Kenari Kelantan Oleh Saari Bin Yusuf.
- xiv) Persatuan Penganut Buddhis Suci Sejati
- xv) Perbedahan Batin
- xvi) Tarikan Nasobandiah Al-Aliah Sheikh Nazim Al-Hakadu
- xvii) Tarikat Nasabandiah Kadirun Yahya
- xviii) Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol
- xix) Aurat Islamiah Mahmud Bin Hj. Abdul Rahman
- xx) Kumpulan Militan IS (Islamic State)

Di antara ajaran tersebut yang boleh mengancam ketenteraman awam dan berbahaya kepada negara adalah ajaran Syiah yang menimbulkan perpecahan di dalam masyarakat Islam dan menolak prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dominan di

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Negeri Selangor. Ajaran Milah Abraham menjalankan usaha mendirikan negara baru dan menghasut ahli untuk melakukan apa jua tindakan bagi mencapai objektif pembawaan ajaran meskipun bertentangan dengan undang-undang dan norma kemasyarakatan. Dan Kumpulan Militan Islamic State yang mempromosikan ideologi salaf tiga hadis serta merekrut anggota untuk aktiviti-aktiviti keganasan. Terima kasih.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Setakat ini saya nak tahu ada sebut IS tadi, jadi berapakah tangkapan yang telah dibuat di Negeri Selangor? Sebab dia mengancam negara.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih. Berkaitan dengan tangkapan yang berkaitan dengan IS di Negeri Selangor daripada senarai yang saya ada ini tidak ada rekod. Cuma saya nak sebutkan bahawa daripada tahun 2017, daripada lapan ajaran tadi, seperti yang saya maklumkan jumlah yang begitu besar ditangkap iaitu 246 tangkapan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Exco, dalam senarai-senarai banyak yang dibentangkan tadi ada tak sedikit kemungkinan, mereka-mereka ini memiliki tauliah mengajar di masjid-masjid dan surau?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya kira daripada kumpulan-kumpulan yang kita telah fatwakan tergolong dalam ajaran sesat, mereka ini tidak akan diberi tauliah dan saya tidak tahu sejauh mana kalau mungkin ada mereka-mereka yang tidak ada tauliah ini juga mengajar di surau-surau ataupun masjid di Negeri Selangor. Saya akan cuba dapatkan maklumat itu dan saya akan serahkan kepada Paya Jaras kemudian.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker, di kalangan nama yang dinyatakan sebagai ajaran sesat di bawah IS. Di kalangan IS ada yang ditangkap di bawah SOSMA. Jadi SOSMA menangkap sekitar 80 orang tapi kategori IS saya tak pasti. Tapi ada di antara gelandangan yang ditangkap kerana gelandangan didapati ada I/C ada di dalam *handphone* dia ada cerita fasal IS. Jadi isu yang timbul ni, kita berdepan dengan dua keadaan, satu benda yang dihukum tanpa perbicaraan untuk dua bulan maksimum. Kena ke tahanan dua tahun bawah SOSMA, kesalahan IS. Kita ada kategori bawah JAIS, ajaran sesat. Jadi bagaimanakah keadilan nak kita nak tanamkan kalau dia *prefer*, kalau macam tu dia kena ajaran sesat daripada kena SOSMA. SOSMA dia lebih berat, mungkin boleh 10 tahun 11 tahun kemudian. Jadi macam mana pihak kita Kerajaan dapat mengadili perkara ini.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ingat kalau tangkapan yang dikaitkan dengan SOSMA itu di luar daripada bidang kuasa Kerajaan Negeri. Cuma apa yang kita boleh lakukan dari pihak Kerajaan Negeri adalah untuk membuat tangkapan kepada mereka-mereka yang terlibat di dalam ajaran sesat ini dan kita bawa ke mahkamah untuk diadili di peringkat mahkamah senat di negeri Selangor. Saya kira untuk yang SUSMA itu *is beyond on* daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya lihat soal ajaran sesat ini soal yang berulang. Dan data yang disebutkan tadi memang macam tidak pernah semakin menyusut. Bidang kuasa Kerajaan Negeri selepas tangkapan itu, apa seterusnya? Supaya bagi memastikan yang pengasas, pembiaya itu tidak berulang lagi dalam kontrak ajaran sesat.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, seperti mana yang saya katakan pada awal tadi, isu ajaran sesat ni bukan perkara yang mudah kerana kebanjiran daripada masyarakat luar daripada negeri Selangor, pendatang asing daripada luar negara juga membawa ajaran-ajaran seperti ini. Dan selepas berlaku tangkapan biasa mereka akan dihadapkan ke pengadilan Mahkamah Syariah dan beberapa tindakan ataupun keputusan arahan mahkamah akan diberikan dan antara usaha yang kita lakukan di peringkat negeri adalah Program Pemulihan Modulis Kitabah atau pun Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, MAIS yang kita ada.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Maksud saya tangkapan itu berapa lama? Maksud saya denda, penjara itu berapa lama yang *extreme* yang kita pernah buat kepada mereka yang mengasaskan ajaran sesat ni?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Maklumat *detail* itu saya tidak ada buat masa ini. Nanti akan saya serahkan kepada Sg. Panjang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, soalan nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KEBAJIKAN DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar kemiskinan yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor, untuk bandar dan luar bandar?
- b) Kemiskinan di Selangor telah mencapai 0% pada 2016, apakah kayu ukur yang digunakan bagi mengukur pencapaian ini?
- c) Apakah program-program bantuan yang dilaksanakan sehingga matlamat ini tercapai, nyatakan?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, usaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Dengan membantu masyarakat meningkatkan tahap pendapatan dan keadaan sosio ekonomi untuk berhijrah keluar daripada kitaran kemiskinan untuk itu pendapatan garis kemiskinan negeri Selangor yang diguna pakai oleh semua jabatan, agensi di negeri Selangor yang menyelaras dan melaksanakan program bantuan adalah berjumlah RM1,500 seisi rumah. Bagi kedua-dua, di bandar dan di luar bandar. Ini adalah berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-40/2016, bertarikh 7 Disember 2016 bersetuju bahawa paras garis kemiskinan di negeri Selangor dikekalkan pada paras RM1,500 seisi rumah. Terdahulu paras garis kemiskinan RM1,500 seisi rumah ini mula diguna pakai sejak 2009. Berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 1/2009 pada 7 Januari 2009. Paras garis kemiskinan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Selangor ini juga dilihat lebih realistik dan bersesuaian dengan senario ekonomi semasa berbanding dengan paras garis kemiskinan nasional iaitu RM930 seisi rumah mulai tahun 2014 dan RM960 mulai tahun 2016.

Tuan Speaker, model pengukuran paras garis kemiskinan yang diguna pakai di Malaysia telah dikaji secara mendalam pada tahun 2005 oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan *Department Of Statistik Malaysia* dengan kerjasama *United Nation Development Program (UNDP)*. Kaedah *cost of basic need* yang mengambil kira tiga komponen asas, iaitu keperluan makan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi rumah yang berkaitan telah digunakan. Pengukuran paras garis kemiskinan ini telah diterbitkan di dalam laporan *Malaysia Measuring And Monitoring Poverty In Quality (UNDP)* pada tahun 2007. Bagi keperluan paras garis kemiskinan makanan, kumpulan pakar daripada Kementerian Kesihatan dan Institusi Pengajian Tinggi telah mengkaji dan menetapkan kadar minimum kalori yang diperlukan oleh seseorang untuk terus hidup sihat dan selesa mengikut jantina, umur dan lokasi tempat tinggal mereka. Jumlah keperluan kilo kalori bagi satu isi rumah seramai lima orang ialah sebanyak 8,725 sehari. Keperluan harian kilo kalori bagi setiap individu adalah mengandungi pemakanan seimbang yang terdiri daripada bijirin dan produk bijirin, beras, tepung gandum dan sebagainya. Ayam, telur dan ikan. Susu, minyak dan lemak, gula, sayuran-sayuran, buah-buahan dan kekacang. Keperluan kilo kalori tersebut ditukarkan kepada nilai ringgit mengikut harga runcit semasa setiap kawasan.

Bagi penentuan paras keperluan paras garis makanan bukan makanan. Kumpulan dari pelbagai agensi berkaitan telah mengkaji dan menetapkan keperluan minum yang diperlukan oleh seseorang merangkumi pakaian, perumahan, pengangkutan dan keperluan bukan makanan ialah mengikut jantina dan umur seseorang. Komponen paras garis kemiskinan bukan makanan dikira berasaskan kepada pola perbelanjaan isi rumah berpendapatan rendah yang dikenal pasti melalui penyiasatan perbelanjaan isi rumah. Komponen paras garis kemiskinan bukan makanan ialah pakaian dan kasut sewa kasar bahan api dan utiliti, perabot, peralatan dan kelengkapan isi rumah, pengangkutan dan perhubungan. Item bukan makanan yang lain, hasil daripada kajian dan penetapan tersebut makanan dan bukan makanan maka penentuan item barangan untuk pengiraan paras garis kemiskinan dibuat dan diselaraskan dengan harga semasa berdasarkan indeks harga pengguna. Bagi pengiraan paras garis kemiskinan, paras garis adalah berpendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya. Untuk membolehkan mereka hidup dalam keadaan sihat dan selesa. Isi rumah yang mempunyai bilangan ahli yang ramai memerlukan lebih perbelanjaan untuk makanan dan bukan makanan bagi mencapai taraf hidup yang sihat dan selesa untuk semua ahlinya. Oleh kerana keperluan berbeza di antara jantina dan peringkat umur maka

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

paras garis kemiskinan makanan juga akan berbeza mengikut komposisi demografi isi rumah. harga bagi makan dan bukan makanan berbeza antara negeri dan antara kawasan bandar dan luar bandar. Justeru, paras garis kemiskinan yang mengambil kira perbezaan harga tersebut. Bagi membolehkan Negeri Selangor mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendapatan peduli rakyat. Kerajaan Negeri juga sentiasa menyediakan peluang saksama kepada semua rakyat untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi akan menghasilkan komposisi ekonomi yang seimbangan dalam pekerjaan dan pemilikan perniagaan urusan tanpa mengira kaum, gender dan latar belakang. Maka kita menetapkan paras garis kemiskinan sehingga RM1,500. Berdasarkan kepada laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas tahun 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Negeri Selangor mencatatkan tiada insiden kemiskinan, konsep kemiskinan yang digunakan adalah mengambil kira paras garis kemiskinan makanan dan paras garis kemiskinan bukan makanan bagi setiap isi rumah. So, sebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan mereka kurang daripada nilai paras garis kemiskinan yang diperlukan. Ini bermaksud isi rumah tersebut kekurangan sumber pendapatan untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya.

TUAN SPEAKER : Alam Shah boleh ringkaskan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : *Yes, wait a minute.* Justeru itu, kayu pengukur yang digunakan bagi mengukur pencapaian ini adalah dari segi jumlah pendapatan isi rumah dan bilangan isi rumah di bawah paras garis kemiskinan. Pengiraan kadar kemiskinan merangkumi kesemua isi rumah yang mempunyai pendapatan kasar bulanan di bawah paras garis kemiskinan. Negeri Selangor bukan sahaja penyumbang utama kepada KDNK negara bahkan sentiasa ke terkedepan dan menjadi peneraju di kalangan negeri-negeri lain dalam menyediakan pelbagai inisiatif yang berpaksikan rakyat sebagai usaha membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Antara inisiatif ialah Program Inisiatif Peduli Rakyat, terdiri daripada 42 program. Program-program IPR merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan taraf sosioekonomi berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari dimensi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan jawapan EXCO tentang adanya satu perangkaan daripada nasional mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor ataupun negeri Selangor telah pun miskin sifar pada 2016. Saya yakin Kerajaan Selangor tidak berpuas hati dengan *finding* berikut tetapi memandangkan kayu ukur itu digunakan di dalam DJK960 jadi *reflex* kepada peratusan yang diberi. Jadi, soalan saya, dengan BGK Selangor Dengan 1,500 yang digunapakai, pernahkah Kerajaan Negeri Selangor mendapatkan satu statistik sebenar, berapakah sebenarnya orang miskin di Selangor yang diberikan bantuan. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Batu Tiga. Tuan Speaker, memang sebenarnya Kerajaan Negeri tidak puas hati, tidak menerima paras garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan yang hanya menetapkan RM960.00 pada tahun 2016. Sebab itu kita kekalkan RM1,500 sebagai paras garis kemiskinan. Dalam pada itu juga kita pada tahun 2014 kita telah melantik universiti UNISEL dan juga Universiti Tunku Abdul Rahman dalam membuat kajian menyeluruh berkenaan dan kajian ini telah dalam tahap telah disiapkan dan dalam sedang dikaji oleh pihak UPEN supaya ia dapat diselaraskan dan ditetapkan satu garis yang untuk merangka program-program yang akan datang melibatkan kos, sosio dan politik nanti.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Soalan saya nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: ORANG KURANG UPAYA (OKU)

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Nyatakan jumlah OKU yang terdapat di Selangor?
- (b) Senaraikan Keistimewaan yang diberikan kepada OKU oleh Kerajaan Negeri?
- (c) Nyatakan jumlah peruntukan khusus bagi membantu OKU di Selangor?

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sungai Panjang, Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 15 Oktober 2017 terdapat seramai 69,216 Orang Kurang Upaya (OKU) pelbagai kategori yang berdaftar dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pecahan statistik mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Jumlah Pendaftaran
1.	Petaling	19,046
2.	Klang	12,341
3.	Hulu Langat	12,323
4.	Gombak	8,862
5.	Kuala Selangor	3,930
6.	Hulu Selangor	3,785
7.	Kuala Langat	3,668
8.	Sabak Bernam	2,945
9.	Sepang	2,316
JUMLAH KESELURUHAN NEGERI SELANGOR		69,216

Bagi menjawab soalan (b) dan (c), Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai keistimewaan dan program untuk dimanfaatkan oleh semua rakyat di negeri Selangor tanpa mengira bangsa, kaum dan fahaman politik. Walau bagaimanapun, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) tetap merupakan golongan yang istimewa untuk menerima pelbagai manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan Negeri Selangor, sebanyak RM220,000.00 telah diperuntukkan bagi pelbagai program pemberdayaan dan pembangunan bagi golongan ini. Antaranya, baru-baru ini kita telah melaksanakan Karnival Kerjaya dan Pemeriksaan Ekonomi golongan OKU yang baru sahaja dilaksanakan pada 14 dan 15 Oktober 2017. Melalui program ini, Kerajaan Negeri telah menjadi platform antara golongan OKU dan majikan untuk memilih serta mendapatkan pekerjaan yang sesuai sekali gus dapat membantu golongan ini berdikari dalam mencari pendapatan dalam meneruskan kehidupan seharian. Daripada program ini, seramai 113 orang OKU telah berjaya untuk menghadiri temu duga kedua oleh majikan-majikan yang terlibat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan keistimewaan kepada golongan OKU melalui Program Inisiatif Peduli Rakyat seperti Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Skim Peduli Sihat. Golongan OKU perlu berdaftar di mana-mana Pusat Khidmat Masyarakat bagi melayakkan mereka menerima manfaat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Sehingga Oktober 2017, seramai 10,570 permohonan SMUE telah diterima daripada golongan OKU manakala bagi Skim Peduli Sihat seramai 8,329

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

golongan OKU telah membuat permohonan dan akan menerima manfaat RM200.00 bagi setiap individu OKU yang berdaftar.

Bagi memastikan golongan OKU mendapat kemudahan dan hak yang sama rata dengan masyarakat normal, Kerajaan Negeri dalam tindakan untuk mewujudkan Jawatankuasa Bebas Halangan OKU peringkat Negeri Selangor yang bertujuan untuk memastikan setiap Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan keperluan reka bentuk sejagat ataupun *universal design* yang mesra OKU dan khusus dalam projek pembangunan baru dan sedia ada di sekitar kawasan PBT masing-masing.

Selain daripada itu, terdapat pelbagai bentuk bantuan kebajikan lain di bawah Insentif Peduli Rakyat ataupun IPR yang memberi manfaat kepada golongan OKU yang memerlukan. Antara yang disediakan adalah:

- (1) Bantuan Kesihatan Sihat Selangor
- (2) Skim Peduli Sihat
- (3) Bantuan Perniagaan iaitu Skim Pengembangan Usahawan oleh Hijrah Selangor yang menyediakan pinjaman sehingga RM50,000.00 bagi usahawan OKU yang ingin mengembangkan perniagaan.

Dan selain daripada itu beberapa program lain untuk dimanfaatkan untuk golongan ini seperti

- (1) Bas SmartSelangor percuma
- (2) Bantuan bulan barangan keperluan asas *Food Stamp dan sebagainya*.

Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Saya nak pergi ke soalan yang seterusnya kerana jawapan sudah panjang lebar, yang tidak hadir saya tidak benarkan soalan diambil ye. Balakong tidak hadir. Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B.TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN EKONOMI GOLONGAN BELIA

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

(a) Adakah Kerajaan bersetuju pengangguran dan kesempitan hidup golongan belia antara faktor utama perlakuan jenayah dalam masyarakat?

(b) *Sub-soalan telah ditolak.*

(c) Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menaikkan taraf hidup golongan di Selangor?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Dusun Tua di atas soalan yang dikemukakan. Untuk jawapan a), Sudah pasti ia merupakan ada hubungan kolerasi di antara pengangguran dan kesempitan hidup di Malaysia tidak kira golongan belia dan faktor-faktor utama kelakuan jenayah. Dan ini bukan dibuat berdasarkan kepada asumsi atau pun tanggapan biasa kerana daripada ketika menyediakan jawapan, kita sempat menilai beberapa kajian-kajian yang telah dibuat. Di antara kajian yang kita rujuk adalah Kajian Ahmad Azam Sulaiman dan juga Mohd Fazli Hashim di Universiti Malaya pada tahun 2011 yang menunjukkan berapa indeks, beberapa perkara memberikan kesan kepada indeks jenayah di Malaysia. Ada dua perkara:

(i) Kitaran Ekonomi dan

(ii) Isu inflasi yang secara langsung memberi kesan kepada jenayah-jenayah yang berlaku di Malaysia.

Rujukan-rujukan yang dibuat yang juga pada tahun 1998 kajian yang menunjukkan rada dan rafail pada sekitar tahun 1998 menunjukkan bahawa pengangguran-pengangguran yang besar sekali gus pengangguran yang tinggi akan memberikan peningkatan kepada indeks jenayah yang besar.

Untuk soalan c), Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan beberapa pelan. Antaranya sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Modal Insan, kita telah menganjurkan Program Karnival Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan *Job Malaysia* dan program yang dilaksanakan telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung sehingga 10,000 orang dan melibatkan 5,818 jawatan tawaran kosong. Program Karnival Kerjaya ini juga telah diadakan di daerah-daerah seperti daerah Kuala Langat dan Kuala Selangor dengan sambutan yang menggalakkan dengan pengunjung yang melebihi 1,000 orang setiap daerah.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Yang keduanya, kita telah menggalakkan keterlibatan golongan muda dalam program-program pembangunan usahawan dalam Program Dana Usahawan Mikro, Pameran/Ekspo, Karnival Usahawan, kursus-kursus dan latihan-latihan termasuk juga menyertai dan mengambil pinjaman-pinjaman daripada Hijrah untuk mereka memulakan perniagaan. Dan di antara inisiatif yang telah dimulakan pada tahun lepas sebagai contoh, kita memulakan program ini spesifik untuk masyarakat India dengan peruntukan RM3 juta pada tahun ini dan RM3 juta pada tahun hadapan dan satu juta pada tahun ini.

Selain ini ada juga program-program dilaksanakan oleh PKNS sebagai contoh yang telah melibatkan RM32,662 bilion untuk menggalakkan mereka dalam program-program pembangunan usahawan semenjak beberapa tahun yang lalu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam masa yang sama melalui penggerak belia tempatan kita turut menggalakkan keterlibatan anak-anak muda dalam pelbagai program yang dilaksanakan dengan 10 dasar yang kita laksanakan dan selain daripada keterlibatan program-program sosial ini akan mengikatkan *bonding* dengan izin ataupun mengikatkan jalinan kerja dan jalinan hubungan dengan mereka dan kita melihat faktor rakan sebaya merupakan antara faktor terbesar yang memberi nampak terhadap sikap laku golongan muda di Malaysia jadi kita telah mengenal pasti beberapa program-program sosial di samping tawaran-tawaran program ekonomi sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi.

Y.B. TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan nombor 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : BAS PERCUMA SMART Selangor

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa kos keseluruhan untuk mengendalikan Bas Smart Selangor sehingga 30 Oktober 2017?
- b) Berapa pecahan tanggungan kos Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan?

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

c) Berapa laluan Bas Smart Selangor setakat ini?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini dengan soalan 120 (b). Tuan Speaker, sejak diperkenalkan pada 1 Julai 2015 hingga 30 September 2017, kos keseluruhan bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor telah mencecah sebanyak RM43 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM30 juta adalah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri manakala sebanyak RM9 juta adalah kos yang dibiayai oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi tahun 2015 perbelanjaan adalah RM3.48 juta. Semuanya ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor di Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang.

Bagi tahun 2016, jumlah keseluruhan yang dibelanja adalah RM11.36 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sementara jumlah RM3.14 juta adalah dibiayai oleh Majlis Bandaraya Shah Alam sebanyak RM1.8 juta dan bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya RM1.25 juta, dan yang selainnya ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri.

Bagi tahun 2017, sebanyak RM19 juta telah pun diperuntukkan oleh pihak Kerajaan Negeri sementara sebanyak RM58 juta adalah ditanggung oleh Majlis Bandaraya Shah Alam sebanyak RM1.5 juta, Majlis Perbandaran Subang Jaya RM626,000.00, Malis Perbandaran Klang RM626,000.00, Majlis Perbandaran Ampang Jaya RM939,000.00, Majlis Perbandaran Kajang RM851,000.00, Majlis Perbandaran Selayang RM626,000.00 dan Majlis Perbandaran Sepang RM939,000.00.

Tuan Speaker, sejak diperkenalkan, Bas Smart Selangor mempunyai 30 laluan di sebelas kawasan PBT dengan jumlah panjang laluan 938.49 kilometer dengan jumlah 100 buah bas dan jumlah penumpang sehingga 30 September 2017 adalah 11,831,037 orang dan butir-butirnya adalah seperti berikut:

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Laluan	Jumlah Bas
1.	Bandaraya Shah Alam	5 laluan	22
2.	Perbandaran Subang Jaya	4	16
3.	Perbandaran Klang	2	8
4.	Perbandaran Ampang Jaya	3	11
5.	Perbandaran Kajang	3	8
6.	Perbandaran Selayang	2	10
7.	Perbandaran Sepang	3	10
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	2	4

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2	4
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2	3
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2	4

Sehubungan itu Tuan Speaker, seiring dengan peningkatan teknologi terkini, perkhidmatan Bas Smart Selangor perlu tambah baik dengan penggunaan aplikasi, supaya capaian maklumat bas dapat diakses dengan lebih cepat dan lancar. Dengan adanya aplikasi terkini, perkhidmatan bas boleh disesuaikan dengan lebih *flexible* mengikut waktu puncak dan keadaan *traffic* di jalan raya. Lanjutan itu Kerajaan Negeri melalui Smart Selangor *Delivery* Unit dan MBI telah pun membangunkan aplikasi Bas Smart Selangor iaitu Selangor *Intelligent Transport System* yang telah pun digunakan sekarang ini. Boleh digunakan, boleh dimuat turun mulai hari ini dan kelebihanannya ialah, penumpang dapat menyemak 30 laluan bas Smart Selangor seluruh Selangor dan kemudiannya dapat mengenal pasti hentian bas yang terdekat iaitu sebanyak 1300 hentian bas di seluruh Selangor dan dapat juga menyemak jangka masa ketibaan bas. Kalau bas perlu 15 minit lagi, boleh pergi ke Starbuck minum dulu. Kalau bas tinggal 3 minit pergilah hentian bas dan kita juga dapat mengetahui jadual bas. Jadi untuk aplikasi ia boleh dimuat turun mulai hari ini kalau menggunakan telefon *android*. Kalau menggunakan *iPhone* dia perlukan sedikit masa selagi kerana memang proses di *ios* tu lambat sedikit. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik dulu.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Apakah syarat-syarat pihak kalau kita memerlukan laluan tambahan kerana keperluan masih mendesak lagi.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Ya, Tuan Speaker, kawasan mana yang difikirkan memerlukan perkhidmatan ini maka cadangan boleh dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk dibuat kajian. Tetapi perlu diingat bahawa tujuan utama Kerajaan Negeri menyediakan bas Smart Selangor adalah yang pertama untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan. Jadi kadang-kadang di kawasan luar bandar itu dia tidak dapat memenuhi syarat ini. Kerana ini adalah tujuan utama dan kemudiannya ia dapat menghubungkan ke Stesen LRT, MRT, KTM dan juga Jabatan Kerajaan, Sekolah dan sebagainya. Semua syarat ini perlu dipenuhi. Jadi saya mohon maaf sekiranya Kerajaan Negeri pada masa ini tidak dapat memenuhi ia kehendak kawasan tertentu yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat tersebut.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Soalan tambahan.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, memandangkan sambutan pengguna rakyat terhadap bas Selangor Percuma Selangorku atau Smart Selangor ini begitu hebat dan saya nampak perbelanjaannya semakin tinggi RM43,000,000.00. Jadi pengguna-pengguna rakyat tempatan yang mengatakan kita tak ada bezanya dengan rakyat asing. Adakah Kerajaan bersedia untuk mengenakan satu kutipan khas kepada pendatang-pendatang atau warga asing dan rakyat tempatan hanya guna mykad tak perlu bayar. Adakah supaya, ada perbezaan sikit baru rakyat tempatan ada merasakan kelainan sedikit.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Tuan Speaker, buat masa ini sebenarnya pengguna daripada warga asing adalah sedikit. Kadarnya adalah rendah. Jadi kita merasakan tidak perlu kita mengenakan bayaran kepada warga asing yang menggunakan ini.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. YB EXCO soalan saya adalah adakah sistem ini yang pertama dan utama di Malaysia dan belum ada di Singapura, eh di Petaling Jaya. Sistem untuk jadual bas dan sebagainya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Saya percaya ini adalah penggunaan aplikasi untuk perkhidmatan bas yang pertama di Malaysia. Belum ada lagi di tempat lain. Saya difahamkan pihak Majlis Perbandaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah pun juga menggunakan *apps* tapi hanya untuk kawasan Majlis Bandaraya, tapi ini *apps* ini adalah untuk keseluruhan Selangor dan sekiranya boleh kita akan juga gabungkan bersama supaya kita ada satu *apps* yang merangkumi semua perhentian bas di seluruh Selangor dan juga semua perkhidmatan laluan bas percuma di seluruh Selangor ini.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN ABDUL AZIZ : Saya nak bertanya kepada EXCO adakah keseluruhan Selangor telah memperolehi Bas Smart Selangor ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Ya Tuan Speaker, saya telah pun memberikan butir-butir laluan keseluruhan 30 laluan di seluruh Selangor.

Y.B. DATUK JOHAN ABDUL AZIZ : Ok, maksud saya itu diwar-warkan ke seluruh Selangor itu cukup hebat cara persembahan itu. Tetapi ada banyak lagi kawasan yang tak dapat lagi.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Saya tak tahu di mana Semenyih berada sebentar tadi. Bila saya dah sebut 30 laluan dan kena mengikut syarat-syarat, tempat

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

luar bandar mungkin tidak dapat memenuhi syarat-syarat tertentu iaitu kita ada masalah kesesakan jalan raya. Semua dah saya jelaskan dah, dan 30 laluan itu hanya bas Smart Selangor di bandaraya Petaling Jaya ada 4 laluan dan juga sejumlah 22 bas percuma yang disediakan oleh Petaling Jaya sendiri. Bererti di seluruh Selangor ini ada 34 laluan dan 122 bas yang semuanya kita boleh menyemak jadual dan hentian bas dengan menggunakan aplikasi yang telah pun dimajukan oleh MBI dan juga *Smart Selangor Delivery Unit*.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Saya amat tertarik dengan *mobile* aplikasi yang dicadangkan oleh Kerajaan. Tetapi saya nak dapatkan penjelasan daripada Kerajaan sama ada laluan-laluan bas lain yang tidak percuma yang dari Rapid KL ataupun *supplier* yang lain ada di *include* dalam aplikasi ini untuk menyenangkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Bagi bas bukan Smart Selangor dan bukan di bawah Petaling Jaya mereka mungkin kebanyakannya tidak ada kemudahan yang membolehkan mereka naik kepada aplikasi ini. Jadi kalau bas yang lain, sama ada operator-operator lain kalau mereka ada kemudahan ada kelengkapan negeri Selangor sebagai negeri yang Ehsan sudah tentu kita tak ada masalah kalau dia nak gabung dengan kita. Kita sentiasa lain dengan negara yang lain. Memang Selangor ini terunggul sedikit.

TUAN SPEAKER : Baiklah Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN ABDUL AZIZ : Tuan Speaker, Soalan 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BANTUAN MEMBAIKI RUMAH

28. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Sebagai Kerajaan yang prihatin, apakah Kerajaan Negeri mempunyai tabung atau peruntukan untuk membiayai pemohon-pemohon yang ingin membaiki rumah yang buruk atau kerana bencana alam?
- b) Berapa banyak kah bantuan seumpama itu yang telah diberikan dan berapakah jumlah pemohon atau penerima sehingga kini?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

- a) Untuk makluman YB Semenyih, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin berperanan untuk membantu keluarga yang miskin dan kurang berkemampuan bagi mendapatkan sebuah rumah yang selesa dan selamat untuk didiami. Bantuan ini termasuklah membina baru atau membaiki rumah pemohon yang mengalami kerosakan yang serius akibat bencana alam atau kebakaran namun tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Di bawah program ini, terdapat dua jenis bantuan iaitu bina baru sebuah rumah 3 bilik yang berkeluasan 660 kaki persegi dengan kos sebanyak RM50,000.00 bagi seunit rumah dan bantuan baik pulih rumah dengan kos tidak melebihi RM20,000.00 bergantung kepada kerosakan yang dialami.

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,000,000.00 bagi tahun 2017 dan juga menerima sumbangan daripada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan untuk menikmati rumah yang selesa dan selamat untuk didiami.

- b) Bagi senarai yang telah menerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin daripada tahun 2014 sehingga 2017 adalah seperti berikut. Di Klang seramai untuk baik pulih seramai, saya percaya saya boleh bagi Tuan Speaker. Saya boleh bagi sebab dia dalam carta. Tetapi namun begitu saya akan baca seberapa yang boleh. Di Klang jumlah ya, bina baru dan juga baik pulih sebanyak 16. Petaling 8, Kuala Langat 44, Hulu Langat 22, Sabak Bernam 80, Kuala Selangor 60, Gombak 41, Hulu Selangor 22, Sepang 30 sejumlah keseluruhannya bina baru adalah 106, baik pulih adalah 217. Jumlah keseluruhannya 323 daripada tahun 2014 hingga tahun 2017. Terima kasih.

Y.B. DATUK JOHAN ABDUL AZIZ : Speaker.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN ABDUL AZIZ : Saya nak tanya dengan EXCO tentang kalau berlaku bencana alam. Sekarang ini dah musim tengkujuh, kalau ribut berlaku apakah kaedah dan adakah telah dibuat taklimat kepada ketua kampung dan sebagainya, macam mana kaedah untuk memohon jika bumbung terbang dan sebagainya.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih YB Semenyih. Sebenarnya memang daripada Kerajaan prihatin bantuan adalah berbeza daripada bantuan bencana alam. Ia berbeza sebenarnya, semua ketua kampung, penghulu dan juga ketua kampung baru, ketua komuniti telah pun diberitahu, telah dijelaskan

bagaimana untuk membuat permohonan untuk bantuan dalam keadaan begitu daripada Pejabat Tanah Daerah masing-masing. Namun di bawah STANDCO Kerajaan prihatin permohonan dapat dibuat dalam keadaan bencana ataupun kebakaran tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang apa itu yang ditetapkan dalam Kerajaan prihatin. Nanti syarat-syarat sekali saya akan kepilkan kepada YB nanti.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : **PEMBANGUNAN BELIA**

29. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Sejauh manakah Dasar Belia serta pelan tindakan pembangunan belia berkesan?
- b) Berapakah tokoh belia di Selangor dalam bidang industri keusahawanan, sukan, pendidikan, sains dan teknologi dan kebudayaan?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima Kasih Teratai atas soalan yang dikemukakan. Pada tahun 2014 Kerajaan Negeri telah mengumumkan ataupun melancarkan satu dasar pembangunan generasi muda ataupun belia negeri Selangor yang telah berpandukan kepada 10 teras dalam dasar tersebut dan ia telah dilaksanakan secara berperingkat melalui Bahagian Pembangunan Belia Selangor di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor untuk memastikan lebih 200 pemimpin-pemimpin generasi muda dan belia kita lantik di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri melaksanakan program-program yang dilaksanakan. Untuk rekod dari tahun 2009 sehingga tahun 2012 dan 2013, 70-80 % daripada program yang dilaksanakan saban tahun menumpu kepada program-program pembangunan sukan dan kecergasan. Namun begitu, setelah kita melaksanakan program yang berpandukan 10 dasar ini kita telah mendapati beberapa peningkatan khususnya program-program belia itu lebih seimbang tidak hanya menumpu kepada program-program pembangunan sukan. Sebagai contoh pada tahun lepas sebanyak 419 program yang telah dilaksanakan oleh generasi muda dan belia negeri Selangor berdasarkan 10 teras tersebut sebanyak 137 program adalah di bawah teras dan sukan kecergasan, 129 program di bawah teras kemasyarakatan, jaringan komuniti serta kesukarelaan. 80 program di bawah teras agama dan akhlak dan tujuan 23 program di bawah teras kesejahteraan dan kesihatan.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Ini menunjukkan ada keseimbangan apatah lagi tahun ini sebenarnya kita menumpu kepada keterlibatan anak-anak muda dalam program kesukarelaan ataupun *activism* di mana mereka perlu terlibat bersama-sama komuniti untuk memajukan komuniti dan terlibat bersama masyarakat untuk menangani isu-isu setempat dan isu kemasyarakatan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan memulakan satu inisiatif baru iaitu Sahabat Gen-S. Sahabat Gen-S yang akan diperkenalkan bertujuan untuk penglibatan generasi muda terutamanya di Selangor dalam bentuk kesukarelaan dan aktiviti kemasyarakatan selaras dengan Dasar Belia Negeri Selangor. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan untuk mendidik dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan generasi muda untuk senantiasa memberi khidmat kepada rakyat di negeri Selangor secara sukarela.

Untuk soalan B. Ia setelah 3 tahun kita melaksanakan program ini kita belum lagi memilih tokoh-tokoh ataupun mereka-mereka ini yang agak cemerlang. In sha Allah setelah beberapa ketika kita akan mengambil masa. Ingat selepas 4-5 tahun adalah tempoh yang matang untuk kita memilih tokoh-tokoh belia yang terlibat. Namun pengiktirafan di luar sana sama ada Dasar Belia Negara ataupun Tokoh Perniagaan dan sebagainya ramai tokoh-tokoh yang terlibat dalam bidang-bidang yang disebutkan seperti keusahawanan, teknologi dan sebagainya yang diberikan pengiktirafan oleh badan-badan di luar sana di pihak Kerajaan Negeri kita belum lagi melaksanakan program tersebut.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker, walaupun demam dan berpeluh Soalan Nombor 30.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA YB TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN (N42 MERU)

TAJUK : **INISIATIF SKIM PEDULI SIHAT**

30. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah klinik yang telah mendaftar di bawah Skim Peduli Sihat mengikut DUN?
- b) Apakah kekangan yang menyebabkan sebahagian kawasan mempunyai jumlah klinik yang amat kecil?
- c) Apakah ada panduan harga siling rawatan dan ubatan kepada panel klinik bagi setiap rawatan RM50?

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Meru. Tuan Speaker, soalan nombor 30 ini saya akan jawab bersekali dengan soalan 124 daripada Hulu Bernam. Tuan Speaker, jumlah klinik yang telah mendaftar di bawah Skim Peduli Sihat sehingga 20 Oktober 2017 adalah sebanyak 869 klinik. Pecahan mengikut Dewan Negeri adalah seperti berikut. Sungai Air Tawar 0, Sabak 2, Sungai Panjang 6, Sekinchan 2, Hulu Bernam 2, Kuala Kubu Baharu 6, Batang Kali 12, Sungai Burong 2, Permatang 4, Bukit Melawati 3, Ijok 3, Jeram 9, Kuang 5, Rawang 26, Taman Templer 12, Batu Caves 15, Gombak Setia 7, Hulu Kelang 2, Bukit Antarabangsa 3, Lembah Jaya 21, Chempaka 6, Teratai 3, Dusun Tua 7, Semenyih 15, Kajang 33, Bangi 25, Balakong 10, Seri Kembangan 22, Seri Serdang 14, Kinrara 33, Subang Jaya 28, Seri Setia 18, Taman Medan 15, Bukit Gasing 7, Kampung Tunku 7, Damansara Utama 12, Bukit Lanjan 7, Paya Jaras 14, Kota Damansara 24, Kota Anggerik 41, Batu Tiga 29, Meru 17, Sementa 12, Sungai Pinang 4, Selat Klang 6, Pelabuhan Klang 25, Pandamaran 6, Kota Alam Shah 7, Seri Andalas 31, Sri Muda 31, Sijangking 7, Telok Datok 10, Morib 7, Tanjung Sepat 4, Dengkil 13, Sungai Pelek 7 dan negeri-negeri lain 170 dan keseluruhan 869.

Mengapa saya sebutkan tentang senarai nama-nama klinik tersebut adalah setiap ADN-ADN *aware* berapa banyak klinik yang ada di kawasan masing-masing untuk kemudahan penduduk ataupun rakyat di DUN sekitar dan juga untuk menggalakkan kepada klinik-klinik yang ada untuk mendaftar dengan Skim Peduli Sihat ini. Sebagai panel klinik.

b) Kekangan yang menyebabkan sebahagian kawasan mempunyai jumlah klinik yang amat kecil adalah seperti berikut:

1. Klinik tidak mahu terikat dengan syarat-syarat dan terma di dalam kontrak Skim Peduli sihat;
2. Caj perkhidmatan tidak menepati jadual fi yang ditetapkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA); dan
3. Sesetengah kawasan Dewan Negeri tidak mempunyai klinik contohnya seperti Dewan Negeri Sungai Air Tawar sebab itulah DUN Sungai Tawar.

c) Dari segi panduan, Kerajaan Negeri menetapkan bahawa sebarang caj yang dikenakan oleh klinik kepada pesakit hendaklah berdasarkan jadual fi yang ditetapkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

Bagi jawapan C untuk Hulu Bernam, kriteria utama klinik amalan am ataupun *general practise* adalah seperti berikut:

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

1. Pengamal klinik mesti berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan mempunyai sijil amalan tahunan sah.
2. Mempunyai akses Internet, mesin faks dan telefon.
3. Caj yang dikenakan mestilah mematuhi jadual fi Persatuan Perubatan Malaysia (MAA)

Sehingga 31 Oktober 2017 sebanyak 149,382 kad telah dikeluarkan, dan sebanyak 597,520 orang ahli Skim Peduli Sihat dan sebanyak RM5,714,753.94 telah pun dibelanjakan untuk Skim Peduli Sihat ini. Terima kasih

TUAN SPEAKER : Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker soalan nombor 31.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUN GAN PEI NEI (N14 RAWANG)

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN DALAM NEGERI SELANGOR

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Senaraikan jalan-jalan persekutuan dalam Negeri Selangor dan syarikat konsesi yang menyelenggarakan serta tempoh kontrak mengikut pecahan daerah.
 - b) Senarai jumlah peruntukan Kementerian kerja Raya untuk jalan persekutuan dalam Selangor bagi tahun 2008 – 2017.
 - c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor boleh menaik tarfkan Jalan Persekutuan?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Rawang yang bertanya berkenaan Jalan-jalan Persekutuan senarai Jalan-jalan Persekutuan dalam Negeri Selangor saya akan serahkan kepada Rawang tetapi untuk sekadar makluman ia mempunyai sebanyak bilangan 65 batang jalan dengan kilometer 893.5 kilometer. Syarikat Konsesi yang bertanggungjawab menyelenggarakan jalan-jalan persekutuan adalah Roadcare Sdn. Bhd. Dengan tempoh kontrak selama 2 tahun sehingga Februari 2018 bagi semua daerah.

Jumlah peruntukan Kementerian Kerja Raya untuk jalan persekutuan dalam Selangor bagi tahun 2008 dan 2017 saya akan serahkan kepada Rawang tapi sebagai rujukan untuk 2017 RM161,021,421.46 dan untuk soalan C untuk menyelenggara dan menaik taraf jalan-jalan Persekutuan selayaknya menggunakan peruntukan Persekutuan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO saya ingin mengetahui tentang jalan Persekutuan di dalam Negeri Selangor khususnya jalan Persekutuan 5 di mana daripada Kapar sampai ke Sabak Bernam. Sepanjang jalan itu saya nampak penyelenggaraan itu tidak begitu sempurna setiap kali berlubang-lubang, berlekuk-lekuk dan sebagainya. Adakah bagaimana Kerajaan dapat memantau walaupun ini jalan Persekutuan supaya memastikan konsesi yang ada boleh menjalankan tugas kerja dengan baik dan tidak membahayakan pengguna. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sekinchan. Kita memang akui dan telah pun mempunyai banyak aduan-aduan berkaitan keadaan jalan-jalan Persekutuan khususnya yang dimaklumkan oleh Sekinchan iaitu FT05. Segala maklumat itu telah pun dihantar ke JKR dan untuk diambil tindakan. Walau bagaimanapun kita lihat masih lagi masalah ini tidak selesai. Ini merupakan kelemahan dan kegagalan saya kira Kerajaan Persekutuan untuk melunaskan tanggungjawab mereka kerana kita pihak Kerajaan Negeri ada tanggungjawab yang telah pun termaktub dalam Perlembagaan untuk menyenggara, menaik taraf jalan-jalan negeri itu sendiri. Jadi kita minta kita berterusan akan bawa perkara ini baik dalam Sidang Dewan seperti mana diangkat dinyatakan oleh Ahli Dewan di peringkat Kerajaan Federal dalam pertemuan-pertemuan dan juga surat-surat yang kita ajukan ke peringkat Persekutuan.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam tidak hadir. Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : KERJA PEMBINAAN 8 UNIT TOKONG DI JALAN BUKIT KERAYONG,
PELABUHAN KLANG**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Melati Ehsan Consolidated Sdn Bhd masih belum membina 8 unit tokong di Jalan Bukit Kerayong, Pelabuhan Klang disebabkan tanah berkenaan belum digazetkan sebagai tanah rumah ibadat. Bila ia akan digazetkan?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan perkara ini?

Y.B. GANATIRAU A/L VERAMAN : Untuk makluman Yang Berhormat Pandamaran, permohonan pewartaan tapak rumah ibadat bukan islam adalah melalui permohonan daripada persatuan-persatuan tersebut dan bukan daripada sebarang

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

syarikat swasta. Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor Bil.5/2017 yang diadakan pada 26 September 2017 telah bersetuju untuk menyokong permohonan pewartaan perizapan tanah tersebut kepada empat persatuan keagamaan iaitu

- i) Persatuan Penganut Dewa Khong Hock Pelabuhan Klang;
- ii) Persatuan Penganut Dewa Kwang Poh Klang
- iii) Persatuan Penganut Dewa Guan Shi Miao Pelabuhan Klang; dan
- iv) Persatuan Penganut Dewa Lam Suah Keng Klang

Terdapat 4 plot kosong bagi tujuan Rumah Ibadat Selain Islam untuk penempatan semula tokong di sekitar Pandamaran. Permohonan tersebut adalah dalam tindakan untuk pertimbangan Pihak berkuasa Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Tuan Speaker, soalan saya 34.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN (N38 PAYA JARAS)

TAJUK : MENAIKTARAF JAMBATAN DAN MELEBARKAN JALAN KE TAPAK PERKUBURAN CINA DI KG BAHAGIA BUKIT LAGONG, MUKIM BATU, DAERAH GOMBAK

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah Kerajaan bersedia membina jambatan di tanah perkuburan cina di Kg. Bahagia Bukit Lagong, Mukim Batu, Daerah Gombak untuk kemudahan pengurusan pengebumian?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Paya Jaras yang bertanya berkenaan dengan menaik taraf jambatan dan melebarkan jalan ke tapak perkuburan cina di Kg Bahagia Bukit Lagong, Mukim Batu, Daerah Gombak. Jambatan yang dimaksudkan berada di bawah penyeliaan pihak Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Secara dasarnya pihak Pejabat Daerah dan Tanah Gombak tiada halangan untuk pembinaan jambatan tersebut dilaksanakan lanjutan daripada permohonan Pertubuhan Perkuburan Cina Kepong, Jinjang dan Kg Batu pada Disember 2016 yang menyatakan hasrat untuk membina jambatan dengan menggunakan peruntukan sendiri.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat EXCO kalau itu kedudukan ia menggunakan peruntukan sendiri kenapakah mengambil masa membenarkan mereka ini membina jalan untuk tujuan mereka sendiri

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Paya Jaras, maklumat yang saya terima, sekarang ini peringkat pejabat daerah dan tanah tiada halangan dan proses di sana sudah pasti saya kurang jelas proses-proses yang diambil yang dibangkitkan oleh Paya Jaras.

TUAN SPEAKER : Kajang tidak hadir. Kota Damansara.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih Puan Speaker, soalan nombor 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N36 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan secara terperinci semua PPR yang terdapat di Selangor sehingga kini?
- b) Nyatakan bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ke atas PPR tersebut?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih.

Assallamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmannir Rahim. Untuk makluman Yang Berhormat, di Negeri Selangor terdapat 4 projek Perumahan Rakyat (PPR) yang diuruskan oleh agensi-agensi berikut:

- i) PPR Kg Baru Hicom, Seksyen 26 Shah Alam dengan sebanyak 980 unit diuruskan oleh PHSSB (Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd.)
 - ii) PPR Taman Tasik Teratai, Serendah Hulu Selangor 300 unit juga diuruskan oleh PHSSB.
 - iii) PPR Kota Damansara, Kota Damansara sebanyak 1152 unit juga diuruskan oleh PHSSB
 - iv) PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya sebanyak 3004 unit diuruskan oleh MBPJ
- Keseluruhannya adalah 5436 unit

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Untuk maklumat Yang Berhormat, bagi PPR Kg. Baru Hicom, PPR Taman Tasik Teratai dan PPR Kota Damansara ia diuruskan oleh agensi Kerajaan Negeri iaitu anak syarikat Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ataupun PHSSB. PHSSB bertanggungjawab menguruskan kemasukan penyewa dan kutipan sewa di PPR tersebut serta melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan di PPR tersebut. Manakala bagi PPR Lembah Subang 1, ia diuruskan oleh Majlis Bandar Raya Petaling Jaya (MBPJ) bagi kemasukan penyewa dan kutipan sewa serta melaksanakan kerja-kerja pembersihan bangunan di PPR itu.

Semenjak Kerajaan Negeri diberi tanggungjawab dalam pengurusan PPR tersebut, tidak terdapat SOP iaitu *Standard Operating Procedure* yang jelas dalam menetapkan bidang kuasa masing-masing. Ketika itu, Kerajaan Negeri telah pun menerima tanggungjawab pengurusan penyenggaraan PPR demi menjaga kepentingan rakyat walaupun tapak pembangunan PPR Lembah Subang 1 dan PPR Taman Tasik Teratai adalah kepunyaan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ataupun PTP. Ia diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk urusan penyewaan dan penyenggaraan melalui kutipan sewa. Walau bagaimanapun kutipan sewaan untuk kedua-dua PPR ini ialah dalam lingkungan 45% sahaja dan ini telah menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa membelanjakan peruntukan tambahan. Bagi PPR Lembah Subang 1, Kerajaan Negeri melalui MBPJ telah membelanjakan lebih RM60 juta. Manakala PPR Taman Tasik Teratai, semenjak diambil alih oleh Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd. Didapati kutipan dalam lingkungan 98%. Dengan kutipan sebegitu pun, pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor masih perlu mengeluarkan peruntukan tambahan dengan anggaran melebihi RM130,000.00 setahun untuk pembaikan, pembersihan, keselamatan dan sebagainya. Sewajarnya Kerajaan Persekutuan membiayai kos-kos pembaikan kerosakan di kedua-dua PPR tersebut memandangkan mereka adalah pemilik sementara Kerajaan Negeri bertanggungjawab dalam menguruskan kos penyenggaraan seperti pembersihan, pembaikan kecil dan keselamatan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan nombor 37

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : INDUSTRI AIR NEGERI SELANGOR

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar
- a) Berapakah jumlah keseluruhan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan pembelian SPLASH?

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

- b) Berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan pengambilan industri air di Negeri Selangor dari pemegang konsesi?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Speaker ingin saya menyatakan Yang Berhormat Permatang *you are jumping the gun*. Memandangkan untuk maklumat Yang Berhormat setakat ini rundingan pengambilalihan SPLASH masih belum dimuktamadkan. Justeru itu Kerajaan Negeri belum dapat mengesahkan nilai sebenarnya pengambilalihan SPLASH dan jumlah keseluruhan pengambilalihan industri air di Negeri Selangor.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar, jawapan yang ringkas. Tapi tidak memenuhi matlamat. Soalan saya soal rundingan ini dah dijanjikan Oktober yang lepas kita dan sampai November. Usul yang saya nak tanya ini sebenarnya saya bertanya soalan saya berapakah nilai tawaran keseluruhan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada pembelian SPLASH. Membeli konsesi SPLASH bukan urusan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri yang mencadangkan supaya untuk mengambil alih SPLASH bukan Kerajaan Persekutuan. Jadi saya nak tanya berapa jumlah, saya nak tanya jumlah yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membeli SPLASH. Nanti mungkin Yang Berhormat akan jawab mendapat jawapan dari pihak ketiga. Itu pihak ketiga yang di syarat oleh Kerajaan Persekutuan *reference* Kerajaan Persekutuan Kerajaan Negeri kepada SPLASH itu munasabah ataupun tidak. Itu bukan untuk dihantar kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan harga. Saya nak minta komen Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Permatang di atas soalan bola tanggung akan jawab secara terperinci ya. Untuk maklumat Yang Berhormat Permatang pada 21 September 2017 Kerajaan Negeri telah menerima sepucuk surat daripada KeTTHA yang menegaskan bahawa Kerajaan Negeri perlu membuat tawaran kepada SPLASH berdasarkan kepada konsep *willing seller willing buyer*. Ini pendirian Kerajaan Persekutuan melalui KeTTHA. Pada masa yang sama, dalam surat yang sama Kementerian juga berpendirian bahawa penilaian harga yang dibuat oleh Delloite Corporate Solutions Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan untuk membuat nilai pengambil alihan SPLASH adalah *previe* kepada Kerajaan Persekutuan. Dan mereka tidak bersedia untuk berkongsi maklumat ini dengan Kerajaan Negeri Selangor. Yang ketiga dalam surat yang sama, Kementerian juga menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor boleh memohon pengesahan daripada Kerajaan Persekutuan jika ingin mengetahui sama ada tawaran itu munasabah ataupun berpatutan selaras dengan peranan Kerajaan Persekutuan yang

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

bertindak sebagai pemudah cara dalam proses rundingan di antara Kerajaan Negeri dan SPLASH. Dan memandangkan tempoh pengambil alihan SPLASH akan berakhir pada 5 Oktober dan usaha ke arah memuktamadkan pengambil alihan ini masih belum dimuktamadkan, maka Kementerian berpandangan supaya terdapat keperluan untuk melanjutkan tempoh pengambil alihan ini. Perkara pertama saya nak tegaskan bahawa permohonan untuk lanjutan dibuat oleh Kementerian kepada Kerajaan Negeri. Seminggu kemudian pada 28 September 2017, 1 lagi surat daripada Kementerian dihantar kepada Kerajaan Negeri yang menyatakan memandangkan perjanjian jual beli saham tersebut dijangkakan tidak dimuktamadkan pada atau sebelum 5 Oktober, maka seperti yang diperuntukkan dalam klausa 5 perjanjian tambahan kedua tersebut, pihak-
pihak kepada perjanjian utama hendaklah melanjutkan SPLASH *target date* kepada suatu tempoh yang dipersetujui secara bersama. Dan dalam surat yang sama Kementerian mencadangkan supaya perjanjian jual beli saham tersebut dilanjutkan kepada tempoh 9 bulan iaitu sehingga 4 Julai 2018 dan tempoh ini boleh dilanjutkan oleh pihak-pihak kepada perjanjian. Maka tarikh lanjutan sehingga 4 Julai 2018 itu ditentukan oleh Kementerian. Lanjutan daripada dua-dua surat ini, Kerajaan Negeri telah pun menjawab pada 4 Oktober 2017, di mana Kerajaan Negeri telah menyatakan secara jelas di mana kita merasa kecewa kerana maklum balas berkaitan hasil dapatan penilaian yang dibuat oleh Delloite Solutions itu selaku penilai bebas yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan hanya dikemukakan kepada Kerajaan Negeri setelah 3 bulan. Di mana Kerajaan Negeri telah memohon pada bulan Jun 2017, dalam surat bertarikh 22 Jun 2017. 3 bulan nak jawab surat daripada Kerajaan Negeri. Itu pun jawapan yang diberikan maklum balas yang dikemukakan oleh Delloite Solutions adalah *privi* kepada Kerajaan Persekutuan sahaja dan tidak boleh dikongsi dengan Kerajaan Negeri. Baik. Sedangkan Yang Berhormat Permatang penilaian bebas yang dibuat oleh Kerajaan Negeri pada bulan Jun, pada bulan Julai 2015, Kerajaan Negeri telah buat penilaian bebas terlebih dahulu. Kita secara terbuka, secara telus, secara bertanggungjawab menyerahkan sesalinan laporan penilaian bebas itu kepada Kerajaan Persekutuan pada Jun 2016. Kerana pandangan Kerajaan Negeri penilaian yang dibuat oleh penilai-penilai bebas ini perlulah secara terbuka, telus, tidak perlu disorok. Kerana kedua-dua pihak mempunyai kepentingan bagi menentukan harga yang perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada SPLASH itu mestilah tidak membebankan pengguna dan rakyat dalam Negeri Selangor. Mengapa Kerajaan Persekutuan mengambil pendirian yang sama dengan Kerajaan Negeri untuk melakukan penilaian bebas tetapi bila Delloite telah siap melakukan penilaian angka dan maklumat itu disorok dan tidak mahu dikongsi dengan Kerajaan Negeri? Ini persoalannya. Nanti dulu, saya belum habis jawapan. Nanti, nanti, nanti.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:

Ini Speaker tak

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya dengan tekun, saya tengah tekun mendengar soalan daripada Yang Berhormat Permatang. Jadi beri peluang kepada saya jawab.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Amat Berhormat soalan saya pendek sahaja tadi yang sebenarnya dalam soalan tu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itu, itu biar saya nak, sebab kalau tidak Yang Berhormat Permatang keliru. biarlah saya jawabkan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sebab itu kalau Yang Amat Berhormat kata keliru bagi saya bertanya

TUAN SPEAKER: Permatang duduk dulu. Bukit Antarabangsa sambung kerana selepas 11.30 pagi tak boleh kita bangkitkan soalan tambahan mengikut peraturan tetap. Jadi Bukit Antarabangsa sambung.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana mendidik orang-orang yang tidak tahu peraturan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Apa ni Speaker, cakap ini Menteri Besar. Jawab, jawab ajelah jangan nak perli-perli.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dah apa salahnya? Mendidik, mengingatkan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak mencelah tu dalam peraturan ada boleh celah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tak boleh. Selepas. Jadi Kerajaan Negeri berpendirian maklumat penilaian itu perlu dikongsi secara bersama dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan demi menjamin ketelusan dalam membuat penawaran kepada pihak SPLASH. Jadi, oleh yang demikian bagi menjamin kepentingan rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri juga berpandangan Kerajaan Persekutuan perlu mengambil langkah yang sama dengan berkongsi dan mengemukakan hasil penilaian yang dibuat oleh Delloite kepada Kerajaan Negeri. Tetapi dalam surat yang saya nyatakan tadi iaitu pada 28, maaf, ia pada dua puluh, saya nak baca yang, yang tepat punya iaitu pada bertarikh, bertarikh 21 September daripada Kementerian yang menegaskan bahawa peranan Kerajaan Persekutuan adalah sebagai pemudah cara dalam proses rundingan untuk memastikan harga yang ditawarkan itu adalah berpatutan, maka Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana mereka mengatakan mereka adalah pemudah cara dalam proses rundingan antara Kerajaan Negeri dan SPLASH, maka Kerajaan Negeri ingin mendapatkan pengesahan daripada Kerajaan Persekutuan berhubung nilai yang munasabah untuk ditawarkan kepada SPLASH berdasarkan hasil penilaian yang

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

telah dibuat oleh Deloitte. Kerana maklumat ini akan kita bentangkan semula dalam MMKN untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Sehingga hari ini Kerajaan Negeri belum menerima maklum balas daripada Kerajaan Persekutuan melalui KeTTHA tentang permohonan di atas perkara peranan mereka sebagai pemudah cara dalam membantu Kerajaan Negeri menentukan nilai yang bersesuaian dibuat kepada SPLASH. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, masa pertanyaan telah tamat. Saya serahkan kepada Setiausaha Dewan teruskan.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 semua peringkat.

TUAN SPEAKER: Sambungan perbahasan. Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: 20 minit ya.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Terima kasih Puan Speaker yang baik hati memberikan ruang kepada Sungai Panjang untuk turut serta dalam perbahasan bajet 2018. Penduduk Sungai Panjang mengucapkan terima kasih atas kehadiran Bukit Antarabangsa dan juga Kajang ke Sungai Panjang baru-baru ini. Ucap terima kasih juga kerana baik pulih stadium di Sungai Besar. Kami sangat terhibur dengan aksi lakonan Bukit Antarabangsa dan Kajang di padang bola. Seorang menjaringkan gol, seorang melepaskan gol. InsyaAllah kedua-duanya ini pada pemilihan akan dimakan buaya kelak.

Puan Speaker yang kasihi sekalian. Kalau nak tanya soalan persoalan boleh bangun berdiri. Puan speaker yang saya kasihi sekalian. Tahniyah kepada Menteri Besar membentangkan bajet selama 2 jam 30 minit. Walaupun jumlah peruntukan sekadar RM3.12 bilion. Sama panjangnya dengan Perdana Menteri bentangkan bajet persekutuan berjumlah RM280 bilion. Pada hemat pandangan saya, ucapan yang cukup panjang penuh berbunga-bunga, penuh dengan silat kata-kata, tidak ada polisi yang baru, hanya meneruskan dasar sedia ada. Sekadar kosmetik dan gula-gula politik. Saya nak mulakan ini dengan memberikan sedikit unjuran terhadap bajet yang dikemukakan sebanyak RM3.12 bilion. Bajet ini meletakkan bajet mengurus sebanyak RM1.46 bilion iaitu sebanyak 46.8%, pembangunan sebanyak RM1.66 bilion, 53.2% dan defisit sebanyak RM870 juta. Defisit RM870 juta ini mengikut hemat saya, adalah sebanyak 26% dari keseluruhan peruntukan. Dan Kerajaan Negeri perlu mencari 38% dana tambahan berbanding hasil iaitu sekitar RM2.5 bilion. Dan kalau saya bandingkan dengan Kerajaan Pusat dia hanyalah defisit 14% daripada keseluruhan bajet 2018. Dan kadar peratusan defisit bajet Persekutuan sebanyak yang disebut tadi, sebanyak

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

14% tadi adalah lebih kecil berbanding dengan apa yang negeri tetapi saya nak menyorot kembali apa yang ADUN Kajang dan Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat menyelar bajet berkritik, Bajet Persekutuan kerana bajet defisit. Saya tunggu juga adakah ADUN Kajang akan mengkritik bajet Kerajaan Negeri kalau dia kritik juga

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYIKARAN: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Kita tunggu. Umpama meludah ke langit terpercik ke muka sendiri. Adakah ADUN Kajang bersikap hipokrit dalam keadaan ini. silakan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYIKARAN: Bajet defisit Kerajaan Negeri adalah kerana kita mempunyai rizab. Kita telah berjimat, kita telah laksanakan tender terbuka dan had penjimatan ini kita nak belanjakan sekarang dalam tahun 2018. Tapi Kerajaan Persekutuan setiap kali buat bajet defisit, hutang negara bertambah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Boleh jawab. Relaks. Bagi Sungai Panjang masa lebih, dia akan jawab. Eh, Sekinchan. Saya nak alu-alukan kehadiran pemerhati teman-teman daripada DUN Sekinchan tadi yang saya jumpa di luar. Kalau mereka ada di ruang pemerhati, lihatlah gelagat ADUN tuan-tuan. Saya nak memberi jawapan tadi apa yang disebut oleh Bukit Gasing tadi berkaitan dengan rizab. Kalau saya nak meletakkan unjuran rizab ini juga saya pula boleh mendabik dada kerana apa? Rizab Kerajaan Malaysia pada ketika ini adalah sebanyak RM420 bilion ya. Maknanya kita juga punya rizab yang, yang tinggi. Dan saya nak sebutkan perkara ini, saya nak unjurkan perkara ini hanya daripada 2 aspek yang penting. Aspek yang pertama ialah saya nak sebutkan ialah soal defisit. Benar, defisit daripada Kerajaan ini adalah sebanyak 26% daripada peruntukan dan defisit Kerajaan Persekutuan hanya 14% daripada bajet belanjawan negara.

Izinkan saya meneruskan perbincangan ini dengan mengingatkan soal simpanan rizab. Saya, saya ada banyak. Saya tidak beri. Puan Speaker, ya. Saya nak sebutkan daripada segi pengurusan, pengurusan rizab. Kalau Sekinchan tak puas hati boleh bangun tak ada masalah. Jumlah rizab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya minta, minta laluan sikit.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Pada, saya sebutkan soalan rizab dahulu. Nanti saya bagi ruang. Saya akan bagi ruang pada Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dah tak puas hati boleh bangun. Emmm

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Pada tahun 2013, pada tahun 2013, semua dah panas kat sana. Pada tahun 2013 kita ada rizab RM2.907 bilion. 2014 ada RM3.201 bilion. 2015 ada RM3.259 bilion dan anggaran pada tahun ini adalah RM3.24 bilion. Dan kalau saya nak sebutkan anggaran dan unjuran ini, saya melihat untuk tempoh 2016 ada berlaku penyusutan sebanyak RM209 juta dalam rizab negeri ya. Dan rizab negeri ini kalau kita tengok daripada segi tahun 2013 sampai 2016 ada sekitar lebih kurang RM3 bilion untuk 4 kali tempoh pembentangan. Saya nak rujuk perkara ini kerana perkara yang pertama sekali ialah pada pandangan dan penyelidikan yang saya buat, jumlah rizab negara jumlah rizab negeri sini baiknya, sewajarnya adalah 3 kali daripada belanja mengurus. Maksudnya dalam bahasa yang paling mudah sekali kita melihat ada angka sejumlah RM4.38 bilion yang sepatutnya ada dalam rizab atau menjadi cita-cita rizab kepada negeri ini tetapi kalau kita lihat..

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mohon mencelah

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Penurunan rizab pada 2016 akan lebih memeritkan lagi keadaan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Panjang, Kota Anggerik minta laluan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Sekejap. MB mendabik dada kononnya rizab di Selangor ini adalah yang tertinggi di Malaysia berbanding rizab, saya nak sebutkan data yang saya dapat, rizab di Johor adalah sebanyak 3.43 bilion 380 juta lebih tinggi. Persoalannya mengapa tidak

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Panjang ada dua Yang Berhormat minta laluan bagi ke tak bagi?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Malah berlaku penurunan pada tahun 2016, saya nak bagi pada Sekinchan dahulu. Saya ikut giliran Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Sg. Panjang, saya dengar tadi dia mempersoalkan rizab Kerajaan Negeri dan sebagainya tentang bajet defisit. Saya nak tanya di peringkat Persekutuan, Belanjawan di peringkat Persekutuan walaupun dia ada rizab, walaupun defisit dikatakan bawah 16% kenapa hutang bebanan negara sekarang ini adalah 880 bilion? Itu satu. Yang kedua, kaedah untuk bayar hutang negara ini satu tahun adalah 31 bilion. GST yang kita kenakan kepada rakyat, 1 tahun ialah 41 bilion sahaja, maknanya kita kena bayar 31 bilion untuk faedah habis duit GST untuk bayar faedah. Bagaimana nak bagi penjelasan ini.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Ok, ok. Terima kasih Sekinchan. Saya nanti, Sekinchan. Saya jawab Sekinchan dulu. Saya nak sebut kat sini, ada beberapa unjuran, ada beberapa angka yang disebut yang dibenarkan untuk berhutang mengikut hemat saya kalau tidak silap saya ialah daripada KDNK itu adalah sebanyak 55% tidak boleh melebihi tapi unjuran yang ada sekarang ialah sekitar 53.5% ya. Izinkan saya untuk meneruskan satu lagi pandangan yang mungkin saya kemukakan

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sg. Panjang boleh saya mencelah sikit.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Silakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih. Saya nak tanya Sg. Panjang mengenai apa yang Sekinchan sebut tadi, saiz ekonomi kita 1.3 trilion, kalau ambil 55% daripada kita punya hutang luar negara ataupun hutang negara dia lebih kurang 700 bilion lebih. Saiz ekonomi Amerika 18 trilion US, hutang negara Amerika 19 trilion berapa ratus peratus? Tetapi Amerika mendapat rating *credit triple A* dan kita dengan 55% beban hutang negara hanya 55% *still manageable*. Saya nak tanya pandangan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Sebab itu Permatang, kita nak didik Dewan yang mulia ini tidak bercakap soal ekonomi berasaskan kedai kopi ya. Kita nak bercakap soal ekonomi berdasarkan fakta-fakta yang kita ada.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Nanti dulu bagi saya buat penjelasan. Bagi saya buat penjelasan. Speaker, saya minta dia orang duduk. Bagi saya buat penjelasan. Kalau lah benar apa rating-rating antarabangsa yang disebutkan oleh Permatang tadi beberapa kali terhadap rating *triple A* ataupun sebagainya unjurkan kepada mereka minta Kerajaan Negeri tulis surat kepada mereka apa yang Kerajaan Persekutuan pada hari ini buat adalah tidak betul. Minta kepada mereka. Tapi saya nak sebutkan satu perkara penting dalam ingatan saya dalam bajet ini. Menteri Besar sebut pendapatan utama negeri Selangor bergantung pada premium tanah sebagai satu sumber pendapatan iaitu sebanyak 48% lebih kurang dan pendapatan Kerajaan Negeri pada saya, ini satu perkara yang mesti dilihat perhatian. Sejauh manakah agaknya punca pendapatan kepada premium tanah ini mesti kita teruskan. Dalam jangka masa panjang, tanah akhirnya akan dibangunkan dan dibina. Dalam jangka masa panjang apabila tanah tidak ada apakah sebenarnya pendapatan-pendapatan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

baru yang boleh kita guna pakai, yang boleh kita adakan untuk sebagai pendapatan baru negeri yang tidak hanya bergantung pada premium tanah ya.

Tuan Speaker, yang saya kasihi sekalian kalau lah boleh dalam bajet kali ini, saya nak menyorot beberapa isu berkaitan dengan DEIG, Darul Ehsan Investment Group dan untuk beberapa Belanjawan sebelum ini, MB. Sabar Sekinchan nanti saya bagi kalau nak bangun. Dalam beberapa unjuran sebelum ini, MB tidak pernah terlepas dari menyebut soal DEIG. Tetapi pada sidang kali ini bajet tidak menyebut langsung perkataan DEIG ini dan MB pernah sebut bahawa tidak gentar berhadapan apa-apa siasatan berkaitan dengan DEIG.

Bajet 2016 yang disebut pada tahun 2015, memanda Menteri Besar sebut MBI dalam proses rasionalisasi, konsolidasi aset yang bertujuan mengurus aset milik MBI, DEIG akan beroperasi sepenuhnya setelah usaha memperkemaskan urus tadbir dan pada bajet 2017 yang disebut pada 2016, MB sebut DEIG akan diperkukuh menjadi agenda sosial, anak syarikat mesti mendatangkan keuntungan untuk tujuan CSR kepada rakyat negeri Selangor dan hari ini seperti yang beberapa kali disebut saya ingin mengingatkan 2015 apabila saya bangkitkan isu berkaitan dengan DEIG ini, teman-teman daripada DAP, teman-teman daripada PAS juga menzahirkan kewaspadaan yang sama dan pada hari ini kita nak tahu apakah status penstrukturan aset, rasionalisasi ini apakah sebenarnya yang berlaku sebab saya juga terima rungutan daripada peniaga, kontraktor-kontraktor kecil seolah-olah DEIG ini akhirnya cuba menidakkan usaha-usaha kontraktor-kontraktor kecil daripada segi kontrak dan juga sebagainya dan ini saya pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri.

Saya nak sebutkan juga dalam bajet 2015 yang dibaca pada tahun 2014 bercerita mengenai IDE ataupun Institut Darul Eshan. Sejumlah 2 juta diperuntukkan dan sejarah awalnya itu adalah untuk merangka kebijakan dan pemikiran yang baik untuk Kerajaan Negeri. Kenapa saya bangkitkan perkara ini? Sebab apabila saya meneliti di dalam website IDE itu sendiri, nombor satu yang disebut ialah untuk merujuk perpaduan negara berdasarkan prinsip-prinsip Rukun Negara dan saya juga bertanya kepada teman-teman, saya juga bertanya, adakah pandangan rakan-rakan DAP, PAS, juga diambil kira sebab apabila saya meneliti Ahli Lembaga Pengarah tidak ada seorang pun rakan-rakan saya di kalangan kaum Tionghoa yang sama di dalam IDEA itu sendiri untuk memberi kerana apa? Kerana dari segi persoalan yang utama ialah untuk membina kebijakan, perpaduan berdasarkan Rukun Negara. Kerana apa saya sebutkan perkara ini? Satu perkara yang saya tengok penting, kalau lah zaman tahun 2018 ini disebut soal kebijakan, soal pembudayaan wanita juga tidak ada seorang pun lembaga pengarah daripada segi IDE ini juga merupakan wanita. Jadi saya pohon soal

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

berbilang kaum dalam lembaga pengarah, soal memasukkan wanita dalam lembaga pengarah mesti juga diambil kira.

Tuan Speaker, Bajet alternatif Pakatan Harapan sebelum ini sering melaungkan soal pendidikan percuma. Pagi, petang, siang, malam, subuh, senja mereka bercerita tentang pendidikan percuma. Saya tunggu di saat yang saya tunggu dengan setunggu-tunggunya adakah bajet pada kali ini memperuntukkan soal pendidikan percuma terhadap dua institusi utama Kerajaan Negeri. Yang pertama, Kerajaan Negeri punya UNISEL, Kerajaan Negeri punya KUIS, mengapa tidak diperjuangkan agar kedua-dua institusi ini diberikan pendidikan percuma terlebih dahulu jika tidak pada saya omong-omong kosong seperti dongeng mereka. Saya masih ingat lagi buku jingga 2013 yang mereka war-warkan memberikan pendidikan-pendidikan percuma akhirnya

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Speaker, mohon mencelah

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Boleh, sekejap lagi, akhirnya tat kala mereka berjaya perintah negeri ini semenjak daripada tahun 2008 satu pendidikan percuma pun mereka tidak berikan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Bagi ke tak bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Panjang bagi tak Kota Anggerik.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Adakah Yang Berhormat sedar pendidikan adalah federal list dan negeri tidak ada kuasa penuh dalam pendidikan dan di negeri Selangor terdapat universiti itu hanya CSR negeri dan kita beri komitmen untuk beri pendidikan percuma seandainya kita maju ke Putrajaya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dah cukup. Silakan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Sebab itu saya sebutkan jangan memberikan terlalu banyak dongeng-dongeng percuma sebab bagi saya, sabar-sabar, sabar

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Ketika kita janji air percuma kata dongeng jugak.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Saya bangun berdiri, saya mendengar dengan penuh....

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Sungai Panjang yang dulu buka cerita dongeng.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Saya mendengar dengan penuh tekun soalan daripada, ok bagi saya menjawab dulu ya nanti saya bagi ruang. Sebab itu saya nak sebutkan ada perbandingan. Perbandingan sebelum ini ada menyebut pendidikan percuma, saya memberikan hujahan yang sangat mudah jika mereka sudah mendapat sebuah negeri dan negeri itu mereka punya dua buah universiti mengapa tidak universiti itu mereka cuba untuk berikan pendidikan secara percuma sebelum dia memberikan pembohongan itu dan janji-janji manis itu untuk orang lain. Saya berikan satu contoh yang sangat mudah ya sebab itu saya nak sebutkan, soal pendidikan percuma ini, jangan jadikan mainan politik. Saya nak sebutkan soal pendidikan percuma ini jangan janjikan seperti janji-janji politik. Sebab apa, tatkala Kerajaan Negeri ini punya 2 pusat institusi pendidikan, berikanlah pendidikan percuma kerana rakyat di negeri ini dahagakan pendidikan percuma. Saya fikir Paya Jaras nak bertanyakan soalan. Silakan.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Dak, teori-teori yang di bawa oleh Sungai Panjang ni nampak terlalu berteori. Cerita hal pendidikan percuma dan sebagainya tapi saya rasa Barisan Nasional pun tidak ada rekod yang baik dalam hal pendidikan pun.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Kalau itulah standard jawapan Paya Jaras. Saya ingat senang sangat saya jentik. Saya nak sebutkan Kerajaan Persekutuan, darjah 1 sampai darjah 6 berapa banyak yang dia bayar, ok. Tingkatan 1 sampai tingkatan 6 berapa banyak yang dia bayar? Kan. Jadi kalau saya nak sebutkan unjuran itu saya fikir, saya fikir Paya Jaras sendiri jadi begitu juga hasil daripada pendidikan percuma Kerajaan Barisan Nasional ya. Ini sebab Paya Jaras yang bertanya soalan.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Sekinchan semua dalam ini dapat pendidikan percuma masa sekolah rendah. Dak, dak, dak, sejak bila institusi pendidikan ataupun tabung-tabung yang ada dalam Kerajaan ataupun bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri itu milik Barisan Nasional? Sejak bila menjadi hak mereka? Kita tidak pernah ada perjanjian atau tidak pernah sains agreement pendidikan mahupun bantuan-bantuan jauh sekali mendapat perhatian daripada Barisan Nasional.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Sebab itu, kalau disiplin itulah yang Paya Jaras sebutkan Menteri Besar jugak dia kena berhenti daripada unjuran bercakap ini soal Kerajaan Pakatan, Kerajaan Pakatan, Kerajaan Pakatan. Dia kena bercakap ini soal Kerajaan Negeri Selangor. Saya nak teruskan hujah saya yang seterusnya. Menteri Besar jangan jeling saya kuat sangat.

Soal Majlis Kebudayaan Negeri Selangor. Dua minggu lepas saya bertemu dengan rakan-rakan daripada Majlis Kebudayaan Negeri Selangor. Majlis Kebudayaan Negeri Selangor ni merupakan anak-anak Selangor yang aktif dalam kebudayaan. Beberapa daerah di negeri Selangor ini menjadi ahli gabungan. Persatuan sejarah Selangor menjadi ahli gabungannya. Unit Kebudayaan UiTM dan UPM menjadi ahli gabungannya. Satu ketika dahulu mereka beroperasi tersergam indah di bangunan yang ada di seksyen 7. Saya sebutkan kronologi Menteri Besar. Zaman Tan Sri, Tan Sri Muhammad Taib, perancangan bangunan tersebut. Zaman Tan Sri Abu Hassan Omar, pecah tanah dan buat pembinaan. Zaman Dr. Khir Toyo, siap dan diduduki. Zaman Tan Sri Khalid Ibrahim, bayar sewa. Zaman Bukit Antarabangsa mereka ini dihalau keluar daripada bangunan tersebut.

Saya nak sebutkan perkara ini kerana apa di saat mereka datang bertemu dengan saya mereka sebutkan soal kesenian dan pembangunan rakyat daripada segi seni ni melangkaui soal politik. Mengapakah akhirnya mereka diusir keluar daripada bangunan tersebut dan alasan pengusiran itu adalah Kerajaan Negeri mahu menggunakan bangunan bagi tujuan yang tidak dinyatakan. Pengusiran tanpa alasan telah menyebabkan berpuluh pertubuhan di bawah naungan mereka tidak dapat menjalankan aktiviti yang mereka rancang. Saya nak sebutkan perkara ini kerana apa? Konsep negeri kebajikan, jumlah 5.2 juta yang diperuntukkan dalam bajet Kerajaan Negeri pada kali ini berikanlah kepada Majlis Kebudayaan Negeri Selangor ini.

Saya nak sebutkan tentang isu tempatan, mengambil sedikit sahaja masa yang ada lagi. Saya bersetuju dengan Sekinchan, senyum Sekinchan. Soal jalan FR5 tetapi ada satu jalan daripada FR5 itu menuju ke DUN Hulu Bernam yang disebut sebagai jalan belakang Tanjung Malim atau Jalan Belakang Simpang Tiga Loji atau sebagainya. Jalan ini adalah jalan milik Persekutuan milik Negeri. Insiden adik Ecah akhirnya jatuh kakinya putus dilanggar lori antara perkara yang penting ialah soal struktur jalan pada ketika itu dan kita pohon Kerajaan Negeri berikan lah peruntukkan untuk baik pulih dan tambah baik terhadap jalan ini kerana ini hanya satu-satunya jalan yang menghubungkan DUN Sungai Panjang dan jugak ke DUN Hulu Bernam itu yang pertama.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Yang kedua, saya nak sebutkan dengan Kerajaan Negeri tentang bantuan PLB benar Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan kepada bantuan PLB para petani di sawah padi. Apa yang membezakan Kerajaan Persekutuan kami beri dalam bentuk tunai Kerajaan Negeri beri dalam bentuk cek, ada sebilangan kecil pesawah datang bertemu dengan saya akibat daripada tergesa-gesa Kerajaan Negeri memberikan pemberian menerusi cek itu akhirnya ada nama yang tidak betul yang gagal untuk menunaikan cek, ada sampai ke hari ini masih ada di kalangan mereka yang belum lagi menerima bantuan tersebut. Atas usaha peribadi kapasiti peribadi apa yang saya buat ada lagi sebenarnya Jabatan Pertanian dari segi status rayuan terhadap penerima PLB ini.

Akhirnya, Lorong Satu Jalan Satu Bagan Sungai Besar tempat ini merupakan port dadah di DUN Sungai Panjang. Kawasan ini bersebelahan dengan pasar Sungai Besar apa yang saya nak sebutkan di sini ialah tempat port dadah ini merupakan rizab hutan Kerajaan Negeri. Maksud saya rizab hutan. AADK, PDRM saban bulan membuat operasi di sini ratusan yang sudah penagih dibawak keluar puluhan pengedar Myanmar tetapi kerana kawasan itu merupakan kawasan hutan bakau iaitu milik rizab hutan Kerajaan Negeri, jadi pengedar, penagih ini berselindung di kawasan hutan bakau tersebut. Saya fikir kalaulah satu pendekatan “emboss” yang baik boleh kita gunakan antara Jabatan Hutan Majlis Daerah Sabak Bernam mungkin dengan kerjasama KPKT kalau boleh di perindahan mungkin ada baiknya mungkin penagih dadah tersebut mungkin pengedar dadah tersebut tidak akan ada di dalam kawasan tersebut. Saya fikir wakil daripada Majlis Daerah, Jabatan Hutan boleh mengesahkan kegiatan ini.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Minta mencelah

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Saper

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik, mintak.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Ya, silakan

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak tanya Sungai Panjang apa hubungan di antara penagihan dadah dengan hutan simpan dan ini kawasan Yang Berhormat dan Yang Berhormat sebutkan kawasan Yang Berhormat dan apa Yang Berhormat buat di kawasan Yang Berhormat untuk mengawal penagihan dadah. Dan dadah ini bukan di bawah kuasa Negeri. Polis bukan di bawah kuasa negeri dan PBT jugak tidak ada kuasa mengenai dadah. Dia lagi jauh dia pergi lagi ‘confuse’ Yang Berhormat ini.

TUAN SPEAKER: Sila Sungai Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Saya tidak ‘confuse’ sebenarnya perkara ini ‘simple’ ok. Ini Tok Guru saya Kota Anggerik ini. Masa dia ajar dulu tak

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

'confuse', sekarang ini 'confuse' sikit. Dia begini, kawasan itu port dadah kawasan port dadah itu merupakan rizab hutan simpan ok. Saya fikir Bukit Lanjan faham rizab hutan simpan. AADK serbu PDRM serbu bawak keluar tetapi kerana kawasan rizab hutan simpan itu mereka kembali ke dalam kawasan rizab hutan simpan tersebut, ok. Kaedah yang saya, sabar sikit boleh, kaedah yang sama dulu apabila berlaku di Pantai Redang, ok, pun yang sama tetapi apabila Pantai Redang itu dibangunkan sebagai tempat pelancongan penagih dan pengedar itu beralih ke tempat lain. Idea yang sama jugak kalau kita nak kemukakan di kawasan rizab hutan paya bakau Jalan Satu Bagan Sungai Besar, Polis serbu AADK serbu tetapi kerana kawasan itu rizab hutan mereka kembali dan Geo Politik rizab hutan itu menyebabkan mereka menyorok, menyorok di dalam hutan paya bakau tersebut. Saya fikir boleh ada untuk lawatan pun lebih baik jugak kan, jadi saya fikir, ini pandangan saya, saya pohon mencadangkan Majlis Daerah kan kita ada AADK kita ada dan kemudian kalau kita boleh kalau ada satu pelan yang bersepadu, saya fikir mengapa tidak, ini saya mencadangkan supaya masalah dadah ini kalau kita lawat memang setiap hari akan ramai penagih walau sekian banyak pihak AADK pihak Polis membuat serbuan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Mohon mencelah

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Ya, silakan

TUAN SPEKAR: Teratai

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Berkenaan isu dadah ini bukan ker selepas serbuan dilakukan pihak Polis harus bawa penagih-penagih dadah sama ada di Pusat Pemulihan ataupun bawa ke Mahkamah ataupun dihantar ke penjara. Kalau hari ini yang bagi kumpulan penagih dadah boleh menyorokkan diri di dalam konon nya kata ialah hutan simpan kumpulan yang sama boleh menyorokkan diri atau sembunyi di dalam bangunan

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Ok,ok dah, saya nak jawab pun macam kelakar soalan ini.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Mohon penjelasan

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang mintak boleh menjawab bila habis kan ucapan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Habis kan ucapan, begini sebab itu saya, saya fikir Geo Politik itu berbeza dia menyorok di dalam bangunan serbuan itu berbeza. Kalau dia menyorok di dalam hutan bakau senario dia berbeza sebab itu pandangan saya..

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Isunya ialah...

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tak, tak ia adalah merupakan....

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Isu sepatut dia hantar ke dalam penjara ataupun ke dalam Pusat Pemuliharaan dan bukan nya kata disebabkan ialah hutan simpan

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Sungai Panjang saya mohon mencelah

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tak apa, tak apa saya ada tula saya ingat duduk, saya ingat, saya ingat, saya rasa lebih sangat

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang, habiskan

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Habiskan ya. Saya nak sebutkan begini, dia adalah merupakan penagih baru bukan penagih yang ditangkap itu datang kembali ke situ tetapi saya nak sebutkan kerana Geo Politik tempat hutan simpan nya itu redup dan rendang dan mereka penagih baru itu datang.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker maaf saya mintak penjelasan daripada Sungai Panjang saya rasa di sana di hutan simpan, hutan simpan bakau Geo Politik yang ada antara Kera, Ular Sawa dan sebagainya itu bukan Geo Politik, saya tak begitu faham apa yang dimaksudkan oleh Sungai Panjang, Eco Sistem macam mana

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Itu sebab...

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ekosistem bukan Geo Politik

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Ok, ok itu sebab saya mintak Bukit Lanjan ketika datang merasmikan program pelancongan di Sungai Besar maklum kan dengan saya jadi saya boleh tunjukkan saya boleh bawakan contoh Ekosistem yang disebut tadi ok Ekosistem yang disebut tadi sekarang ini selain daripada Kera dah tak ada ok adalah penagih dan jugak pengedar dadah ok. Saya jemput, saya jemput, saya jemput. Eh, bangun kalau nak cakap. Saya sebutkan tadi, saya dah ucapkan terima kasih tadi kepada Polis yang membuat serbuan setiap bulan..

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang, saya mintak habiskan, jangan panjangkan yang ini. Sila, sila..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tak apa nanti saya jemput Bukit Lanjan ya. Ok, terima kasih. Akhirnya, terima kasih Tuan Speaker memberi ruang saya dah sebutkan di peringkat awal beberapa kali tadi bahawa bajet ini adalah bajet kosmetik, gula-gula, lolipop untuk tujuan Pilihan raya Keempat Belas. Itu sahaja. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, Kampung Tunku.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih, terima kasih Tuan Speaker, kerana izinkan Damansara Utama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul Belanjawan Selangor tahun 2018. Tuan Speaker untuk Belanjawan kali ini saya hanya ada beberapa perkara dan isu yang saya nak dibangkitkan yang pertama Damansara Utama ingin mengucapkan Syabas kepada Kerajaan kerana prihatin dengan kesihatan mental penduduk-penduduk di Negeri Selangor dengan peruntukan 1 juta dan juga memasukkan kesihatan mental dalam skim kesihatan bersepadu. Satu daripada tiga rakyat Malaysia mengalami masalah kesihatan mental tetapi stigma di kalangan orang ramai masih sangat tinggi di sebabkan tekanan yang dihadapi zaman sekarang banyak orang yang menghadapi kesihatan mental masalah kesihatan mental terutamanya 'depression' dan kita juga nampak trend sekarang bukan sahaja orang dewasa yang ada 'depression' kanak-kanak dan remaja juga ada 'depression' dan oleh langkah Kerajaan Selangor untuk mengiktiraf keperluan kesihatan mental adalah sangat baik. Tetapi cuma Damansara Utama ada....

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, nak tanya sikit

TUAN SPEAKER: Ya, Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: 'Text' nya sama dengan 'text' tahun lepas

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: kerana saya nak tegaskan di sini bahawa sangat serius, 'i think problem' ini sangat serius satu daripada tiga, satu daripada tiga ada masalah mental dan saya nak di sini jugak saya nak tegur sikitlah di Dewan yang mulia ini kenapa Yang Berhormat-Yang Berhormat suka bergurau tentang orang yang ada masalah kesihatan mental. Ini tidak baik, kita kena sensitif sebab apa sebab kerana kita banyak yang bergurau kesihatan mental ini ada orang yang tidak berani nak berkata dengan orang lain bahawa dia ada sikit 'depression' ataupun masalah yang lain. Sebenarnya masalah kesihatan mental bukan satu stigma ataupun masalah tepu tetapi kita kena tahu di mana kita mencari pertolongan dan bantuan 'i think this' ini adalah sangat penting dan saya berharap bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh sensitif sikit apabila kita bincang tentang masalah mental. Selain daripada kesihatan mental saya juga ingin cadangkan Kerajaan Negeri boleh masukkan terapi 'autisme' dan juga ketidakupayaan ke dalam skim kesihatan bersepadu kerana terapi-terapi ini adalah sangat membebankan. Dari segi isu kesihatan saya juga ingin menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini bahawa untuk bajet kesihatan di Pusat dan bagaimanakah itu akan 'affect' ataupun akan 'affect' penduduk-penduduk kita. Saya merasa bahawa Kerajaan Negeri dan juga wakil-wakil rakyat kena tahu isu ini. Kerajaan Pusat telah kurangkan bajet untuk Farmasi dan Bekalan pada Bajet 2018 iaitu

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Bajet untuk membeli ubat di Hospital Kerajaan daripada 1.29 billion kepada 1.23 billion. Ini adalah 65 juta kekurangan bajet untuk memberi ubat di Hospital Kerajaan, itu sangat penting sebab saya tak tahu sama ada Yang Berhormat-Yang Berhormat ada dengar tak daripada penduduk-penduduk sekarang adalah susah *even* tahun ini susah untuk penduduk dapatkan ubat untuk orang yang tiga bulan 'supply' dulu dia dapat tiga bulan daripada Hospital Kerajaan sekarang kena potong satu bulan, ada yang potong dua minggu,

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Mohon mencelah. Iya terima kasih kepada Damansara Utama dan Tuan Speaker. Saya ingin bertanya pendapat Damansara Utama bahawa apabila bajet Kerajaan persekutuan tolak bajet mengurangkan peruntukan dari segi perubatan tetapi menambahkan peruntukan bagi Permata, apakah pendapat Yang Berhormat Damansara Utama. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya rasa Kerajaan kena tahu apakah hati dan kesusahan rakyat, kesusahan rakyat adalah sesiapa yang mahu kena bukan mahu 'they need', 'is not they want' ya, dia perlukan ubat apa yang terjadi sekarang adalah dua minggu, tetapi dengan 65 juta lagi turun saya sangat bimbang bahawa rakyat tidak akan cukup ubat, 'so' dan untuk orang yang di luar bandar saya juga bimbang bahawa ada banyak yang tiada pengangkutan untuk pergi untuk ambik ubat tiap tiga bulan, setiap tiga bulan ok sekarang setiap satu bulan kalau 'cut' lagi bajet setiap dua minggu atau satu minggu kena pergi ambik ubat di Hospital Kerajaan. Saya rasa banyak rakyat Selangor akan tertekan kerana situasi ini dan harap Kerajaan Negeri boleh ambil perhatian dan tengoklah macam mana Kerajaan Negeri kita boleh buat sesuatu dalam skim kesihatan kita untuk membantu rakyat juga untuk mendapatkan ubat akibat yang penurunan kekurangan bajet ini.

Tuan Speaker, isu yang kedua yang saya nak bangkitkan adalah sistem aplikasi 'mobile smart parking' saya amat mengalu-alukan sistem ini kerana MBPJ di kawasan saya MBPJ baru-baru ini tamatkan konsesi untuk kutipan 'Parking, Godell' di Petaling Jaya, kenapa kerana mereka tidak 'maintain meter parking' untuk kutipan 'parking' punya meter dengan sempurna banyak meter 'parking' bayar 'parking' tak boleh. Banyak orang penduduk di Petaling Jaya pergi satu 'parking meter' nak bayar tak boleh kena pergi yang kedua lagi, ketiga lagi, keempat lagi seluruh tempat tak boleh bayar parking itu masalah di Petaling Jaya. Oleh itu saya sangat beralu-alukan penamatan perjanjian konsesi ini. Selepas penamatan kedua konsesi ini dua bulan yang lalu MPPJ telah keluarkan kupon dan saya nampak ada satu masalah dengan kupon atau pun sistem pembayaran yang lain. Apa masalah itu ialah apabila kita bayar meter dengan kupon saya bayar saya kena beli satu kupon Petaling Jaya, saya pergi Subang Jaya saya beli satu kupon pun untuk bayar parking Subang Jaya, Ampang Jaya pergi kena beli kupon lagi. Dan saya juga nampak PBT-PBT sudah masing-masing ada aplikasi pembayaran parking masing-masing dan tiada satu yang bersepadu ia bermaksud

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

bahawa saya pergi Subang Jaya saya kena tahu ok aplikasi untuk bayar parking kalau saya tak mahu beli kupon itu. So oleh itu, saya sangat mengalu-alukan yang ada satu sistem bersepadu supaya seluruh Selangor kita ada satu cara sahaja untuk bayar parking Sekurang-kurangnya apps itu aplikasi mobil itu kena untuk satu negeri, jangan Petaling Jaya satu Subang Jaya satu hanya saya ada satu permintaan untuk sistem pembayaran parking yang bersepadu ini ialah harap-harap Kerajaan boleh buat yang ini dengan secepat mungkin. Sebab ini saya rasa amat diperlukan oleh rakyat jelata di negeri Selangor. Kita Smart Selangor bayar parking kena smart jangan guna banyak masalah dan alot *of trouble for people* dengan izin.

Isu yang ketiga saya nak bangkitkan di sini adalah berkenaan dengan peluang pekerjaan dan pendapatan generasi muda. Saya nak ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kerana tahu kepentingan pendidikan teknikal dan vokasional dan memberi peruntukan yang RM52 juta untuk kemahiran dan ikhtisas smart Selangor, ikhtisas. Seperti yang sedia tahu satu dalam 10 anak muda tidak mempunyai pekerjaan berbanding dengan 3.5 dalam 100 pekerja dalam semua peringkat. Penangguran anak muda adalah 3 kali ganda berbanding dengan purata nasional. Satu dalam 4 graduan Institusi pengajian tinggi kekal mengganjur lepas 6 bulan mereka tamat kerja, belajar. Walau bagaimanapun kita pada masa yang sama juga dapat laporan bahawa majikan kata mereka bahawa masalah untuk recruit bakat. Ini menanda bahawa Institusi Tinggi kita tidak melahirkan orang-orang bakat yang diperlukan oleh perniagaan. *There is a gap between the demand and supply of our labour force*, dengan izin. Dengan itu Damansara Utama berharap bahawa program Ikhtisas yang dilaksanakan oleh Selangor Human Resource Development Center adalah berdasarkan anggaran keperluan ekonomi dan industri *demand oriented*. Oleh itu saya minta huraian yang lebih lanjut daripada Kerajaan Negeri tentang apakah rancangan ikhtisas dan bagaimana kah kursus-kursus Tivet dan nombor tawaran yang ditentukan oleh ikhtisas dan adakah program ikhtisas ini juga termasuk latihan semula, *reskill* untuk graduan-graduan yang sekarang menganggur dan tidak mendapat kerja sebab mereka apabila mereka di Universiti mereka *go through the* kursus yang tiada permintaan di market sekarang. Untuk menangani masalah pengangguran di kalangan *millenia* sekarang selain daripada pelatihan semula Damansara Utama berharap Kerajaan boleh meningkatkan usaha untuk meningkatkan *employability* iaitu kebolehan pasaran millenia di Selangor. Kerajaan harus memberi latihan *softskill* seperti kemahiran komunikasi, bahasa *inggeris* yang menjadi faktor utama kenapa graduan tidak mendapat kerja, bimbingan kerjaya seperti bagaimana untuk menulis resume, pergi *interview* dan lain-lain juga penting. Oleh itu Damansara Utama ingin bertanya adakah Kerajaan akan teruskan program *on graduate employability enhancement for Smart Selangor progress* yang telah dilaksanakan tahun-tahun sebelum ini. Tahun 2017 *progress* diperuntukkan dengan RM5 juta dengan target 500 peserta tetapi saya tiada dapat laporan *during* apabila ucapan belanjawan. Saya nak tahu apakah pencapaian

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

progress dan apakah keberkesanan adakah kita akan teruskan atau pun menambah baik lagi untuk teruskan program *enhancement of employability* dengan izin.

Tuan Speaker, selain dari generasi muda kita juga kena tahu apabila 10 tahun dari sekarang apabila anak-anak kita di Sekolah Rendah, Sekolah Menengah mereka keluar bekerja adakah mereka boleh bersaing pada masa depan. Apa yang kita tahu adalah trend *Artificial Intelligent* itu pun nak menarik perhatian sedikit sahaja pada hari ini di mana *Artificial Intelligent* dengan adanya *Artificial Intelligent* banyak kerja yang akan diganti oleh mesin dan robot. Ini bukan sahaja satu *is not a science fiction* dia akan datang dalam masa 10 tahun atau 15 tahun kemudian, kenapa saya cakap begitu saya bagi satu contoh BBC telah melaporkan bahawa Foxcon satu syarikat yang membuat I-phone Mobil or Mobil I-phone, mereka telah melucutkan 60,000 ribu pekerjaan di China, Negara China satu tempat sahaja kerana selepas pelaksanaan Otomosi Kilang mereka. Mereka boleh menghasilkan I-phone yang banyak-banyak dengan sedikit sahaja pekerja. Ini adalah satu trap, satu trap yang kita kena bagaimanakah kita boleh melawan dengan mesin, orang melawan dengan mesin orang melawan dengan robot, bukan sahaja, zaman revolusi *mesin replace* tenaga buruh, *blue collar* iaitu hanya your arm, muscle. Tetapi sekarang *machine akan replace your intellect* itu *Artificial Intelligent*. Kita dapat trend yang banyak di mana ada banyak *magazine International* sudah tulis tentang *Artificial Intelligent* akan gantikan kerja bukan kerja *collar* biru tetapi *collar* putih seperti Doktor, Lawyer, Stockbroker itu masalah kita. Masalah kita ialah sama ada kita generasi muda atau pun generasi yang lebih muda lagi di Sekolah Menengah, Sekolah Rendah macam anak YB EXCO Ean Yong sama ada mereka selepas kerja, selepas mereka belajar tengok pergi jadi Doktor tetapi Doktor jadi mesin. Doktor so ini adalah satu trend dan saya tak ada masa *go through Artificial Intelligent trend* tetapi saya rasa bahawa kita kena sebagai satu Kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab kita kena menyiapkan sediakan generasi akan datang supaya boleh berdaing saing. Kalau itu saya nak cadangkan Kerajaan untuk membuat Selangor Human Resource Development Center untuk membuat satu masterplan dan yang paling penting tindakan yang strategik supaya anak-anak Selangor dan generasi-generasi muda kita boleh bersaing bukan sahaja dengan Bangla, dengan orang lain tetapi dengan mesin, mesin yang berintellect.

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin membangkitkan tentang sisa makanan *food waste*. Rakyat Malaysia suka makan, saya berasa bahawa kita semua orang suka makan di sini. Budaya makan sangat tinggi di Malaysia sehingga sampai kebelakangan ini Miss Universe Malaysia juga pakai baju yang bertema nasi lemak. Saya rasa semua orang nampak *picture photo* itu budaya makanan tinggi. Tapi bukan sahaja rakyat Malaysia pandai makan kita juga pandai bazirkan makanan. Setiap hari rakyat Malaysia menghasilkan 38,000 tan sisa pepejal. 15,000 daripadanya adalah sisa

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

makanan, daripada 15,000 ini 8,000 adalah dari sisa makanan yang boleh dielakkan iaitu *avoidable food waste* dengan izin. Mungkin kita tidak boleh bayangkan 8,000 tan sisa makanan *avoidable*. Ia bermaksud bahawa dalam 18 hari setiap 18 hari. Rakyat Malaysia boleh makan dan buang *avoidable food waste* boleh memenuhi KLCC setiap 18 hari. Kita memenuhi KLCC dengan *food waste* yang boleh dielakkan. Oleh itu saya berasa bahawa ini adalah sangat penting supaya Kerajaan PBT-PBT bukan sahaja tengok kita *think about* macam mana kita buang sampah yang penduduk atau pun rakyat menghasilkan tetapi juga *reduce the waste* dengan izin dan yang paling penting adalah daripada semua sisa yang kita sisa pepejal yang 50% adalah daripada sisa makanan dan 60% daripadanya boleh dielakkan. Kerajaan kena buat satu kempen yang besar-besaran supaya rakyat Selangor jimat dan tidak bazirkan makanan. Dan sebagai langkah *lead by example* dengan izin saya cadangan Kerajaan melaksanakan polisi *zero waste food waste* di Agensi-agensi Kerajaan, GLC-GLC dan PBT-PBT kita semua setiap hari kita makan bukan setiap hari *Open House* sepanjang tahun banyak makanan dan saya tengok makanan yang kena buang dan makanan itu boleh dimakan, boleh dielakkan, dan apabila sisa makanan di buang apa yang akan bebankan, bebankan PBT masuk landfill, landfill cepat habis kalau kita boleh kurangkan makanan yang dibuang, kita boleh jimat wang, jimat tempat landfill, dan juga kompektor apa-apa kos *Solid Waste Management* Pengurusan Sisa Pepejal yang kita mahu. So itu sangat penting so saya rasa bahawa ada satu polisi supaya *zero food waste* dan ada 2 perkara yang kita boleh buat, itu kita pastikan supaya Agensi-agensi Kerajaan jangan order terlalu banyak. Kedua kalau ada kelebihan ada satu kempen taupau semua taupau balik at least orang itu boleh makan jangan ketawa ini sangat penting kita tak boleh bazirkan dan kita tak boleh *lead by example* dan atau pun yang kedua adalah kita bekerjasama dengan NGO-NGO kitchen dan lain-lain yang mereka kena ada makanan tidak payah bayar, beli makanan dari luar. Ada banyak *extra* dari Agensi-agensi Kerajaan yang kita boleh agihkan. So itu saya rasa bahawa Kerajaan perlu ambil perhatian.

Yang kedua adalah *avoidable food waste* bagaimanakah kita boleh kitar semula *avoidable food waste* kita semua adalah reduce, reuse dan recycle. Saya bagi satu contoh di kawasan saya SS2 itu pasar pagi yang sangat besar banyak-banyak penjaja, banyak *food waste every morning* setiap hari 2,000 kilogram *food waste* sisa pepejal. Apa MPPJ buat ini sangat merangsangkan mereka buat mereka buat satu sistem kita semula di mana kita beli satu macam kompost dia akan menukar sisa-sisa ini kepada baja bio-gas dan juga *enzyme* dan selepas pelaksanaan projek ini terbuk sampah saya 2 tahun sebelum ini atau pun selepas saya jadi ADUN saya ada masalah setiap hari saya pergi pasar, terbuk sampah itu sangat bau busuk, sangat busuk, selepas kita ada sistem itu semua sampah-sampah yang organik ini sampah bio waste ini dia masuk ke dalam sistem itu sebab dia tutup tiada sistem itu tukar semua biowaste ini kepada

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

produk-produk yang lain, dia sudah tak ada bau langsung tak ada bau. Sekarang you melalui terbuk sampah tidak bau so *you kill 2 birds with 1 stone* dengan kita semula.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta penjelasan

TUAN SPEAKER : Ya, Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Tuan Speaker, Damansara Utama Cuma makluman saya kalau Yang Berhormat Damansara mungkin dalam sidang kuasa kita akan minta pandangan Yang Berhormat bahawa saya pun semak buku bajet, Yang Berhormat pun semak jadi samalah sebagai makluman 2017 Pengurusan Sisa Pepejal peruntukan sebanyak RM42,780 juta tetapi untuk tahun 2018 RM5.5 juta RM30 lebih juta hilang daripada 2018. Untuk pemeliharaan tapak pelupusan 2017 diperuntukan RM7.3 juta tahun 2018 RM3.6 juta Yang Berhormat tadi cakap banyak saya setuju, saya sokong cakap mengenai pelupusan sampah tetapi kita kena ingat bahawa peruntukan itu sudah diturunkan 40 juta kepada 50 juta. Jadi kalau Yang Berhormat nak komen boleh atau nanti dalam bahas kita sama-sama bahas dalam soal jawatankuasa.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Y.B Permatang saya bukan nak Exco jawab, saya tak nak jawab Kerajaan Negeri boleh jawab kenapa penurunan dan lain-lain. Dan untuk saya paling penting adalah di mana kalau kita boleh buat terutamanya "*food fest recycling*" ada dua kebaikan itu "*land*" dan kos.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat sedikit lagi maksud saya bukan minta Yang Berhormat komen pasal bajet itu tapi cuma Yang Berhormat perjuangkan pelupusan sampah ini tapi saya "*just*" nak beritahu nak bantah ini penurunannya begitu besar. Jadi kalau kita perjuangkan pun yang sama bajet itu turun jauh Yang Berhormat bolehlah minta pandangan sahaja.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya minta pihak Kerajaan untuk menjawab, menjelaskan dan bagaimana ke.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Damansara Utama ada satu minit sahaja lagi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ok dua minit lagi sebab Permatang ambil kes. Ini banyak kebaikan untuk saya bawa itu sangat-sangat penting dan saya bercadang apa yang kita rasa di MPPJ adalah keutamaan kos. Kita kena ada satu yang lebih efektif, kos efektif di mana kita boleh dibuat semua pasar-pasar di Negeri Selangor supaya sampah kita cantik dan sampah kita tiada berbau. Dan seterusnya saya ingin menyentuh sedikit Tanya tentang klimaks change saya bangkitkan isu ini juga beberapa

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

tahun yang lalu tetapi kali ini *“the time is right”* dengan izin hujung minggu yang lalu banyak kawan-kawan ataupun saudara-saudara kita di Pulau Pinang menghadapi hujan yang lebat dan cuaca yang ini adalah sangat ekstrem 100 tahun pun tiada mengalami. Ini sangat ekstrem banyak tempat di Pulau Pinang banjir. Ini adalah satu amaran kepada mereka bahawa iklim dan cuaca sekarang tidak macam dulu lebih ancient ekstrem akan berlaku oleh itu Damansara Utama ingin cadangkan Kerajaan supaya menubuhkan *“Climate change mission and adaption committee”*. Jawatankuasa meditasi dan ataksia perubahan iklim untuk mengkaji semula infrastruktur sedia ada sop kita, sistem komunikasi *“warning warp”* efektif untuk menghadapi kecemasan cuaca ekstrem dan lain-lain. Kita perlu juga perlu mengkaji bagaimana Selangor boleh mengembang yang hijau, strategik dan solar dan lain-lain. Saya tiada masa untuk huraikan bagaimana industri hijau bukan sahaja adalah industri *“save the world”*. Sekarang industri hijau ada banyak bersaing dengan industry yang konvensional *“not the see the world business proverbial business”* dengan izin. Akhirnya saya nak minta penjelasan beberapa penjelasan daripada dokumen-dokumen yang dibentangkan oleh Kerajaan. Pertama dalam penyata kewangan dengan muka surat 11 Jadual Hasil mengikut lisan. Saya ingin tanya tentang kutipan cukai parit dan tali air serta teriman bukan hasil di bawah pulang balik perbelanjaan kenapa apa yang dikutip adalah jauh lebih rendah daripada anggaran 65% dan 50%. Kedua penyata kewangan muka surat 73 Akaun pinjaman boleh dituntut, pinjaman KDEB apakah status sekarang pemulangan pinjaman KDEB terutamanya 400 juta digunakan untuk pengambilan saham semula Kumpulan Hartanah Selangor Berhad KHB. Ketiga saya mendapati bahawa laporan tahunan 2016 Tabung Amanah Warisan Anak Selangor bahawa kadar pertumbuhan tabung TAWAS itu adalah hanya 1.2%. Ini adalah kadar faedah lebih rendah daripada fix deposit, saya nak bertanya kenapa mengapa pertumbuhan begitu rendah, ini adalah jauh lebih rendah sebab tabung Warisan Negeri Selangor juga bentang *“report”* juga bentang melaporkan merekodkan pertumbuhan 2016 – 11.05 – 1.2% berbanding dengan 11%. Minta penjelasan daripada Kerajaan kenapa bezanya begitu besar. Ke empat saya amat tertarik dengan projek galeri seni lukis Negeri Selangor dan ingin tahu bahawa bilakah kerja menaik taraf bangunan akan di siap. Apakah Kerajaan sudah ada koleksi karya-karya lukis akan dipamerkan? Apakah rancangan Kerajaan? Soalan kelima adalah soalan yang berkaitan dengan program online tuisyen yang menggunakan 5 juta dan tahun ini peruntukan 5 juta lagi tahun depan. Bagaimanakah peruntukan ini akan di belanja dan saya dapati nombor pelajar yang bermanfaat daripada program tuisyen adalah 2,355 dengan perbelanjaan 5 juta. Tetapi untuk nombor kelas program tuisyen rakyat kita berbelanja 3.4 juta sahaja untuk nombor pelajar 4,775 ini bermaksud 712 orang untuk tuisyen rakyat 2,000 orang kalau kita tenguk manfaat perbelanjaan kita. Oleh itu Damansara Utama ingin minta penjelasan Kerajaan bagaimanakah. Apakah perancangan Kerajaan Selangor

hubungan Kerajaan untuk meningkatkan “*value first money*” untuk program tuisyen? Itu sahaja isu-isu saya nak bangkitkan terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker mengambil peluang beberapa minit sebelum berhenti rehat, Sekinchan. Secara umumnya kita berdiri bersama Kerajaan, kita menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar dibanding dengan bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Kalau kita dengar ulasan-ulasan selepas dari pembentangan ibu segala bajet saudara akan dengar di kaca-kaca TV ada penganalisis yang secara terang-terangan mengkritik dan menegur perbelanjaan pusat yang begitu boros, yang tidak boleh mengawal perbelanjaan dan rakyat apabila mendengar bajet yang disebut ibu segala bajet itu rakyat merasa sangsi kerana apa kalau betul Kerajaan Barisan Nasional ingin membantu rakyat melalui peruntukan bajet mengapa Sarawak yang menjadi sebahagian daripada Kerajaan dan kekuatan Barisan Nasional masih mempunyai rakyat-rakyat mereka yang tidak mempunyai infrastruktur bekalan air kehidupan sempurna. Bermakna Kerajaan Persekutuan pun bajet ibu segala bajet tidak ada keseriusan untuk membantu rakyat. Berbeza bajet yang dibentangkan oleh Dato’ Menteri Besar baru-baru ini. Kita ucapkan tahniah bahawa bajet yang dibentangkan itu dilihat bertambah baik ke kuat bajet memberi manfaat kepada rakyat khususnya golongan-golongan B40 memberi penerangan tentang pendidikan dan berbagai. Saya tidak mahu ulas dari segi fakta-fakta dan jumlah yang ada di dalam bajet yang dibentangkan. Tetapi saya ingin pergi kepada prinsip-prinsip yang telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar dalam pembentangan beliau itu. Dan di antaranya ada menyebut Selangor ini disebut negeri yang mempunyai kekuatan oleh “*Malaysia Institute Economy Research*”. Kita cukup kuat kerana kita mempunyai kestabilan dalam pentadbiran dan kesatuan dalam pentadbiran. Saya ingat di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar Bukit Antarabangsa tidak berapa banyak isu yang dibangkitkan oleh rakyat. Bermaknanya walaupun kita mempunyai beberapa perbezaan dalam politik tetapi didalam isu pentadbiran pihak Kerajaan Negeri kesemua exco-exco kita, ke semua kakitangan Kerajaan kita, kesemua ADUN-ADUN kita, kita mempunyai satu ...kita ingin melihat kebajikan rakyat di bawah kita. Dengan sebab itu apabila kita satu komen interest kita menjadikan isu-isu yang politik ini tidak begitu besar. Apa lagi Selangor berbeza daripada negeri-negeri yang lain, kita adalah unik dan kita mempunyai cara kita yang tersendiri. Selangor tidak boleh samakan dengan Negeri Kelantan, Kelantan tidak sama dengan Selangor, Selangor tidak boleh samakan dengan Pulau Pinang dan Pulau Pinang tidak sama dengan Selangor dari segi demografi kita mempunyai penduduk yang tertinggi dalam Negara kita. 5.4 juta orang iaitu hamper 20% pada rakyat Malaysia berada di dalam Negeri Selangor kita. Selangor demokrasi kita bercampur kita ada orang Melayu, ada

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

orang Cina, ada orang India dan dalam bajet ini menyentuh semua kaum-kaum ini menjaga kebajikan ke semua rakyat yang ada di dalam negeri kita. Sebab itu rungutan-rungutan di bawah “*report card*” yang kita bentangkan hari ini bahawa Kerajaan yang ada hari ini adalah kuat dan berada di landasan yang betul. Kelantan berbeza kerana 95%nya terdiri daripada orang Melayu. Pulau Pinang juga berbeza kerana orang Melayu di sana 43%, orang Cina di sana 45%, orang India 10% berada di Pulau Pinang. Dengan kata lain Selangor adalah Selangor mempunyai rentak tersendiri dan kita mesti dibezakan dengan negeri-negeri yang lain. Bajet Negeri Selangor mesti dilihat dengan berbeza, kita mempunyai kestabilan ekonomi, rizab kita makin meningkat, urusan kita mementingkan pembangunan, masalah rakyat kita selesaikan, rakyat kita bantu selama mana yang kita memerintah negeri ini. Ibu segala bajet di bentang kerana apa kerana UMNO Barisan Nasional merasakan mereka hamper tergugat di Putrajaya. Itu disebut bajet pilihan raya, pemberita Tanya saya adakah bajet Negeri Selangor ini adalah bajet pilihan raya, sudah tentu tidak kerana apa kerana empat tahun yang lepas ditanya oleh Bukit Antarabangsa semua bajet-bajet ini mempertikaikan tentang kebajikan rakyat. Kita tidak lontarkan isu peduli sihat hanya untuk pilihan raya, kita tidak memberikan TAWAS hanya untuk pilihan raya, kita tidak berikan bajet pendidikan hanya pilihan raya. Ini adalah bajet rakyat dan mereka diberi rasa kekayaan Negeri Selangor. Dah sudah tentu pengurusan yang dibentangkan 46%, 47% pengurusan dan 53% pembangunan meningkat adalah satu petanda bahawa rakyat kita menjaga kebajikan rakyat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Paya Jaras, Morib minta.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Terima kasih Tuan Speaker di antara komen bajet kita pada kali ini adalah bajet tidak mempertabatkan bangsa Melayu, kepentingan bangsa Melayu dalam bajet kali ini. Boleh Paya Jaras menjelaskan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Bajet tidak mengutamakan kebajikan atau tidak mempertabatkan bangsa Melayu. Saya ingat mereka yang menyebut bahawa kita meninggalkan Melayu tidak membaca bajet dengan betul. Peruntukan Sekolah Agama meningkat, tidak meninggalkan Sekolah Cina, Sekolah India yang lain, Tahfiz lagi kita jaga kita “*mergekan*” tahfiz dengan misalnya pendidikan SPM yang mana negeri lain tidak buat. Jadi pada hari ini kita membangun rakyat Selangor dan kita mahu menjadikan Selangor ini lain daripada yang lain. Sudah tentu apabila kita mahu Selangor ini lain daripada yang lain kita melihat bahawa kita mesti mempunyai kaedah stail yang tersendiri kita menang di Negeri Selangor. Apabila Jerman berada menjadi kuasa besar didatangkan satu tema kepada mereka Dutchland-

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Dutchland Uber Ireland. Dutchland. Dutchland. Dutchland. Nasib baik ada kawan-kawan tegur, kalau saya sebut, orang ya lah! Angguk sahaja. Tapi menunjukkan bahawa kebangkitan bangsa Jerman kerana mereka yakin bahawa mereka adalah bangsa yang tertinggi dalam dunia. Tanah tertinggi di dunia. Dan kita mesti ada cara kita tersendiri. Kita mempunyai demokrasi kita. Kita berkawan sesama, masyarakat majmuk di negara kita. Dan saya lihat bahawa ini kekuatan kita dan saya lihat bajet yang dibentangkan adalah bajet yang diberi kepada semua bentuk rakyat. Kita ada Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), ada Tabung TAWAS. Sekarang ini ada TAWAS rakyat Selangor beruntung kerana kita ada TAWAS kita ada juga ada ADAM. Negeri lain tidak boleh. Negeri lain hanya ada Adam sahaja. Rakyat Selangor yang lahir di Selangor ini mempunyai 2 *benefit* yang besar dapat ADAM dapat juga TAWAS. Sebab itu rakyat negeri lain merasa iri hati dan cemburu. Ada yang cuba-cuba tukar alamat IC di negeri Selangor. Ada, kerana negeri Selangor ini unik tidak lain dan kita unik selepas Kerajaan menjaga rakyat.

Kita lihat dari segi ekonomi pula, Yang Amat Berhormat menyebut bahawa ada syarikat-syarikat besar yang dijemput untuk melabur ke negara kita. Ada disebut *IKEA*, *Supply Malaysia*, *Journal Electric*, *JE Generation Voltan*, **Michele Hous** dan pelbagai-bagai. Cuma saya meminta dan memberi sedikit pandangan, ketika mana mereka ini datang melabur ke tempat, kita kalau boleh janganlah kita ini dijadikan hanya sebagai *sub-contractor*. Iaitu mereka datang kita bagi kemudahan, kita bagi tanah, mereka memberi kita kerja dan mereka pulang ke negara masing-masing. Kalau boleh ada biar ada *transfer* teknologi. Kalau boleh kita berdiri sendiri dengan teknologi-teknologi yang sedia ada oleh mereka-mereka yang datang ke negara kita. Saya beri contoh bagaimana Proton. Proton Malaysia ini walaupun kereta Proton Malaysia hanya baru-baru ini kita memiliki teknologi itu. Sebelum daripada itu kita Malaysia hanya dijadikan sebagai tempat untuk pemasangan kereta proton dan kita jual kepada masyarakat kita. Teknologi kita tidak tahu, enjin kita tidak tak berapa hendak tahu. Saya harap Selangor melihat dalam perkara ini dan kita menjadikan mereka-mereka ini sebagai rakan supaya di akhirnya kita dapat mengambil teknologi-teknologi mereka.

Dari segi kemudahan rakyat, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menyebut jalan baru alternatif Seri Indah A ke Hospital Sungai Buloh. Ini adalah sempena apabila Dato' Menteri Besar turun ke Paya Jaras beberapa tahun lalu. Dalam ucapan yang ringkas, kita ingatkan ucapan itu ringkas rupanya tapi akhirnya ia menjadi satu kenyataan kepada rakyat. Ini membuktikan kita mendengar dan melaksanakan dengan kekuatan yang kita ada. Kita ada Stadium Mini Paya Jaras, terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. 55 DUN selepas ini, hanya DUN Paya Jaras yang mempunyai Stadium Mini. Sekinchan jangan main-main hanya Paya Jaras yang mempunyai stadium mini. Paya Jaras. Gimnastik kita tiada. Dan saya minta kalau boleh stadium ini dirasmikan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

segera oleh Yang Amat Berhormat. Kita tunggu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar turun. Ini adalah kerana inspirasi beliau dibantu oleh Datuk Bandar MBSA, pegawai-pegawai MBSA, ahli majlis, maka kita tunggu. Kalau mari mai cepat ke Paya Jaras kerana kita mempunyai piala pusingan yang kita hendak buat di situ dalam masa terdekat ini.

Pasar bertingkat, Dato' Menteri Besar beberapa kali saya bangkit dan MBSA telah memberitahu saya bahawa mereka telah meluluskan proses pasar bertingkat ini cuma ada beberapa ada isu teknikal yang perlu segerakan. Cuma saya hendak sebutkan di sini walaupun inilah penghujung-penghujung dalam penggal kita dan saya mengharapkan isu pasar bertingkat ini yang menggantikan pasar malam ini tidak dilupakan kerana ia menjadi penting kerana ia cara hendak selesaikan masalah kesesakan lalu lintas di SE 54.

Kedudukan rizab yang masih banyak di kawasan-kawasan Sungai Buloh dan Paya Jaras. Baru-baru ini Menteri KPKT turun ke Paya Jaras dengar, balik, tidak boleh selesaikan apa-apa. Tidak boleh selesai hanya boleh jumpa orang. Rakyat tetap menggantung harap kepada Kerajaan Negeri dan saya berterima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Negeri kerana telah menghalang sebarang perubahan rumah-rumah di tanah rizab sehingga menunggu pemindahan mereka atau pun menawarkan mereka dengan Rumah Selangorku yang dibinakan. Kita ada 15 000 unit yang telah diumumkan, kita ada lagi sasaran kita 15 000, kita telah selesai 1813 unit dan saya menyebut Kerajaan Negeri untuk melihat peluang-peluang kalau boleh binalah projek Selangorku di kawasan Sungai Buloh. kawasan Paya Jaras ini. Kita terlalu banyak permasalahan rizab-rizab. Rizab sungai, rizab JPS, rizab JKR dan mereka ini bersedia untuk berpindah kalau kita menyediakan kemudahan-kemudahan untuk perumahan kepada mereka. Konsep rumah MM2H (Malaysia My Second Home). Saya ingin bertanya kepada Kerajaan, apakah Kerajaan bersedia untuk bersama-sama turut menerima konsep MM2H bagi kawasan-kawasan yang dianggap jauh daripada Shah Alam dan kawasan-kawasan bandar. Mungkin Kerajaan Selangor melalui EXCO Perumahan boleh mempertimbangkan, melihat, ini memberi peluang kepada kita pelancongan dan meningkatkan pembangunan di kawasan perumahan di tempat-tempat yang agak jauh daripada kita.

Skim-skim yang lain: Skim Smart Life, Skim Ceria saya harapkan Kerajaan dapat merealisasikan program ini dan akhirnya hal kemudahan ini saya mohon peringkat kedua kepada EXCO Pelaburan mungkin selepas melihat boleh jadi kita sudah ada bas, kita sudah ada kemudahan bas apa semua. Boleh jadi mewujudkan teduhan-teduhan bas atau *bus stand* / hentian-hentian bas untuk mereka-mereka yang menggunakan lalu lintas itu. Dari segi kampung tradisi diperuntukkan RM20 Juta untuk menaik taraf, saya mohon dilihat jalan-jalan, lorong-lorong kampung, saluran-saliran kampung yang masih tidak diselesaikan dari segi infrastrukturnya. Saya ingin menarik

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

perhatian Yang Berhormat EXCO agama tentang permohonan 4 tahun lalu, 5 tahun lalu berhubung kait dengan surau Al-Taqwaniah yang dijanjikan mahu diselesaikan, mahu diselesaikan isu pengambilan tanah sehingga hari ini tidak selesai-selesai lagi. Dalam soalan dewan, dalam ucapan, bila kita tanya 'akan selesai', bila kita telefon JAIS 'akan selesai' tapi untuk maklumat Yang Amat Berhormat tidak selesai lagi sehingga ke hari ini Surau Al-Taqwaniah.

Begitu juga dengan hak milik-hak milik yang belum. Saya sudah pernah sebut saya mohon bantuan Yang Amat Berhormat, Pejabat Tanah telah memproseskan sebahagian besar Borang 5A kita tapi dari tahun 2008 saya sebagai penyelaras DUN sehingga saya, dah nak habis dah penggal kita di Kampung Masjid Sungai Buloh, di Kampung Paya Jaras Tengah, di Jalan Rahidin dan Merbau Sempak masih belum pernah merasai majlis/program Borang 5A pada rakyat di kawasan-kawasan Melayu di sana. Saya minta perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk melihat perkara-perkara tersebut.

Dalam hal pembangunan, kita menekankan pembangunan. Tapi saya merakamkan rasa simpati kepada mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang yang berlaku pada hari ini. Di kampung saya telah mengerahkan dan mengarahkan JKKK kita untuk membuka pusat perkumpulan barang-barang dan saya diberitahu bahawa Yang Berhormat Dato' Iskandar baru pulang daripada Pulau Pinang melihat misi mereka melihat bantuan-bantuan yang perlu disampaikan di Pulau Pinang. Tahniah kepada PBT yang telah turut sama dalam bantuan mereka di sana dan dalam hal isu banjir ini, isu bencana alam ini adalah perkara yang kita kena sama-sama bantu. Takziah juga mangsa tanah runtuh di Pulau Pinang. Cuma dalam hal tanah runtuh ini Yang Amat Berhormat kita harus berhati-hati di negeri Selangor. Selangor juga merekodkan beberapa kes insiden yang melibatkan tanah runtuh. Bermula dengan Highland Tower sehinggalah yang terbaru. Kalau di Selangor ini di tanah Rumah Anak Yatim Takwa, Batu 14 Hulu Langat. 8 Kes kita rekodkan di Selangor isu tanah runtuh. Walaupun mereka ini mendapat kelulusan tetapi saya ingin mencadangkan pada Kerajaan Negeri kalau boleh di kawasan lereng-lereng bukit sekarang ini tidak usahlah buat apa-apa bangunan kerana terlalu berisiko. Dengan sebab itu saya ingin mengutarakan mewakili penduduk-penduduk di kawasan Perumahan Permai ingin menyatakan satu ketidaksetujuan terhadap kelulusan yang diberikan oleh MPS dalam permohonan rujukan MPS3/2/1371/184504/UM/817 pembinaan satu kedai pejabat deret 5 tingkat berserta 2 tingkat tempat letak kereta di Lot 64497, 64498, 64499, 644500 Jalan Aman, bandar Kepong, Gombak bagi Tetuan Extrem Reward Sdn. Bhd. Kita mempunyai bantahan, saya menerima bantahan yang besar kerana kita melihat ini adalah kerana pembinaan rumah kedai di lereng-lereng bukit di kawasan yang terlalu padat. Saya mohon bantuan daripada sahabat saya Yang Dipertua MPS untuk sama-sama bantu saya supaya projek ini ditarik balik kerana terlalu berisiko tinggi.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Keselamatan Sekolah Agama Rakyat, keselamatan Tahfiz menyokong tindakan Kerajaan yang menegaskan bahawa 15 September 2017 adalah *datelines @ guidelines* memastikan mereka untuk memenuhi syarat-syarat. Kita jangan melihat mereka ini sekolah tahfiz, kita bukan niat untuk menentang mereka tetapi terlalu banyak kes-kes yang melibatkan kebakaran-kebakaran sekolah-sekolah tahfiz. Pada tahun 2016, tahun 2017 sahaja ada tiga kes yang berlaku di Datuk Keramat, di Rantau Panjang, Klang, di Bukit Lanchong yang melibatkan kebakaran di sekolah-sekolah tahfiz pada hari ini.

Pendidikan. Kita merasa berbangga kerana terlalu banyak insentif-insentif dari segi pendidikan. Cuma saya mohon mungkin Dato' Menteri Besar atau EXCO Pendidikan boleh membantu kita memberi penerangan apakah institusi-institusi kita ini telah mendapat daftar kelayakan pendidikan ataupun MQR ataupun *Malaysian Qualities Register*. Adakah kita ini, murid-murid kita ini, pelajar-pelajar kita ini boleh bersaing dalam market. Apakah kelulusan-kelulusan mereka ini diiktiraf dalam market kita mereka untuk sambung pelajar. Kita ada hari ini, yang terbaru *Selangor Business School* dan ini adalah perkara-perkara tumpuan yang diberikan kepada rakyat memandangkan pendidikan merupakan perkara yang penting pada belia-belia kita. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana memberi tumpuan kepada timur tengah dan saya faham dan saya percaya kita ramai *student-student* kita di timur tengah. Saya ingin mencadangkan bahawa pelajar-pelajar yang balik dari timur tengah ini adalah mereka yang diberi tauliah untuk mengajar di surau-surau dan masjid-masjid di negeri Selangor ini. Kita hendaklah beri keutamaan kepada anak-anak Selangor yang faham wakik, yang kita faham keadaan kita, yang faham suasana kita, dan yang faham majmuk yang ada di negeri Selangor. Dengan sebab itu, dengan ramai belia-belia kita di timur tengah boleh jadi Pejabat Agama Islam boleh kumpulkan mereka jadikan mereka tenaga pengajar pada masa akan datang. Insiden seorang guru agama ditarik balik tauliah dia itu Dr Zamihan Md Zain yang ditarik. Saya mempunyai pandangan kerana mungkin beliau tidak faham dengan suasana di Selangor, wakil dari Selangor dan kita tidak mahu ada unsur-unsur mereka-mereka ini menggunakan masjid dan surau untuk menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap Institusi Diraja atau mana-mana institusi Kerajaan yang ada. Dengan sebab itu hari ini saya cadangkan mungkin Selangor boleh kumpulkan pelajar yang balik, kumpulkan mereka bagi mereka tauliah anak-anak Selangor, lahir Selangor, faham Selangor, bersekolah di Selangor, kerana apa? Kerana Selangor adalah Selangor tidak sama dengan negeri-negeri yang ada dalam Malaysia yang lain. Dalam hal ini saya mengucapkan Tahniah kepada Yang Amat Berhormat sekali lagi serta EXCO, tidak dilupakan juga kepada Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan yang disambungkan kontrak atas usaha Dato' serta pasukan-pasukan menjadikan kita empat tahun ke belakang ini satu bajet yang sangat istimewa buat rakyat. Tidak ada rakyat yang menafikan, tiada rakyat yang merungut cuma boleh jadi kita boleh mengendurkan sikit bagaimana kita hendak memasarkan projek kita. Boleh jadi kita ada satu agensi memasarkan produk-produk yang ada pada hari ini

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

kepada orang-orang bawah. Dengan keyakinan yang ada pada hari ini Paya Jaras menyokong Bajet.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Paya Jaras. Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan satu petang. Saya tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Assalamualaikum dan selamat petang, dewan disambung semula. Saya silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya minta sebelum itu Kampung Tunku untuk tentang masa saya akan bagi seorang 20 minit pastikan tuan-tuan melihat lampu isyarat sekiranya Yang Berhormat habis awal lagi kita alu-alukan. Silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih sedikit ucapan kepada Tuan Timbalan Speaker secara dasar saya menyambut baik inisiatif peduli rakyat yang bakal dijalankan dengan lebih rancak lagi tahun 2018. Pun begitu kira ada perlunya saya berdiri di sini dan membawa beberapa perkara yang perlu diberi perhatian khusus oleh eksekutif dalam belanjawan ini. Pertama dengan penukaran kad gantian paip lama di mana Kerajaan akan memperuntukkan wang sebanyak RM248 juta kepada Air Selangor untuk tujuan ini. Pada tahun 2017, Kerajaan membelanjakan RM126 juta untuk tujuan ini. Maka dengan adanya perubahan ini saya berasa Kerajaan perlu memberi satu penerangan kepada dewan yang mulia ini. Apakah cita-cita Kerajaan menjalankan penukaran paip ini menjadi lebih besar agar Kerajaan bercadang secara rancak untuk drastik untuk mengurangkan kadar NRW pada tahun 2018? Tuan Timbalan Speaker tahun yang lepas saya pernah membangkitkan akibat aduan yang begitu banyak daripada penduduk saya menyeru pada masa itu kepada Kerajaan untuk mempertimbangkan peruntukan tambahan untuk mengatasi masalah seperti tekanan air yang rendah, gangguan bekalan air yang kerap serta pencemaran air yang sering kali mengancam keselamatan sumber air. Setahun telah berlalu kita melihat peruntukan dari Kerajaan untuk mengatasi masalah ini semakin bertambah. Ini membuktikan sekali gus kemampuan dan keupayaan Kerajaan dalam perkara ini. Saya mengakui bahawa penambahan peruntukan tidak akan membantu mengatasi masalah yang saya nyatakan di atas sekiranya air Selangor tidak ada kapasiti untuk melaksanakan projek-projek ini. Maka dengan itu saya memohon supaya itu sebabnya saya memohon eksekutif memberi satu penerangan yang terperinci tentang soalan ini. Iaitu bagaimanakah peruntukan yang kita bekalkan dalam belanjawan 2018 ini boleh membantu mengatasi masalah air yang rendah, gangguan bekalan air yang kerap, pencemaran air di Selangor dan juga masalah NRW berbanding dengan peruntukan belanjawan yang ada pada tahun ini dan juga tahun sebelum ini. Tuan Timbalan Speaker saya juga bangga dan gembira kerana Kerajaan sekarang bergerak ke arah yang betul dengan merancang agenda "*internet of thing*" dalam pentadbiran Kerajaan.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Terbaru adalah rancangan untuk membina infrastruktur “*SMART Selangor Delivery Unit*” yang bermula dan telah pun bermula dengan kerjasama bersama-sama dengan WAZE. PBT disarankan menggunakan IOT untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Kerajaan Negeri dan juga sekarang dicadangkan sekurang-kurangnya 10% daripada keseluruhan belanjawan pembangunan digunakan oleh PBT untuk tujuan ini. Saya kira cadangan ini telah pun disahut oleh MPPJ di mana dalam perbelanjaan atau pun di mana MPPJ baru-baru ini telah pun membangunkan infrastruktur IOT tentang jadual dan laluan bas percuma PJ City bus. Dan sebagai seorang pengguna pengangkutan awam saya difahamkan bahawa SPAD dan RAPID KL juga sedang berusaha ke arah itu. Jadi saya pada waktu yang sama “*move it*” ejaannya “*move it*” iaitu satu implikasi pengangkutan awam yang berasaskan pengguna juga semakin mendapat sambutan di kalangan pengguna pengangkutan awam di seluruh dunia termasuk di Malaysia dan saya sendiri pun pernah menggunakannya. Maka cadangan saya harap ialah harapan saya ialah supaya Kerajaan mengambil inisiatif supaya kesemua agensi pelaksanaan ini dalam membangunkan infrastruktur IOT bolehlah kerja-kerja mereka di selaras. Dan jangan kita membiarkan mereka bekerja sebagai secara berasingan. Di Petaling Jaya MPPJ mempunyai jiwa yang besar untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian melalui basikal. Dan memandangkan garis panduan program “*bike sharing*” masih dalam kajian di bawah MPSJ maka saya memohon supaya kajian itu disiapkan secepat mungkin supaya orang ramai dapat menikmati kebaikan “*bike sharing*” kebergantungan mereka terhadap kenderaan peribadi. Kita juga Tuan Timbalan Speaker mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di Pulau Pinang beberapa hari yang lepas. Akibat pelepasan kandungan gas karbon dioksida yang begitu banyak di dalam atmosfera, iklim sedunia telah mengalami perubahan yang semakin mencabar kepada kehidupan manusia. Kerajaan Negeri haruslah di dalam belanjawan ini menyediakan satu peruntukan yang khas dan khusus untuk mengatasi segala cabaran yang bakal berpunca perubahan iklim. Sama ada ianya dibuat melalui peruntukan kepada PBT ataupun penduduk untuk tujuan menjalankan latihan, peruntukan untuk membantu pemulihan penduduk dan sebagainya. Tuan Timbalan Speaker sukan, aktiviti sukan bukan sahaja menjadikan badan kita sihat dan cergas malahan dapat juga merapatkan hubungan setia kawan dan hubungan etnik. Selain hubungan prasarana sukan komoditi di Selangor, kita juga harus sedar bahawa a-sukan, e-sport atau “*e-games*” sekarang semakin popular di kalangan anak muda. E-sukan adalah muncul satu sukan antarabangsa dengan pasukan profesional pemain dari setiap pelosok dunia bertanding di dalam maya itu. Maka saya mencadangkan Kerajaan Selangor memudah carakan pembangunan modal infrastruktur e-sukan sekurang-kurangnya kita boleh memulakan usaha dengan peruntukan dengan sebanyak RM1 juta kalau boleh untuk membantu pemain dan pasukan di bawah 25 tahun untuk melatih dan bersaing di dalam kejohanan antara bangsa iaitu “*e-games*”. Saya berharap Kerajaan Selangor boleh melakukan ini barangkali kerjasama

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

boleh dikukuhkan melalui Selangor “use car” dan seterusnya boleh memadankan pasukan e-sukan di Selangor dengan penaja. Tuan Timbalan Speaker isu tentang tanah, saya amat tertarik dengan masa depan tanah seluas 250 ekar yang diduduki oleh Proton di Shah Alam sekarang. Tanah ini telah dianggarkan bernilai lebih daripada RM4 bilion pada masa sekarang. Pada tahun 1980-an tanah ini diberi hak milik kepada Proton atas satu tujuan kepentingan awam iaitu untuk membangunkan industri automobil Nasional. Hak milik itu diberi ke atas kepentingan awam. Penstrukturan semula syarikat Proton yang telah berlaku tidak lama dahulu akan melihat operasi Proton dipindah sepenuhnya ke Tanjung Malim pada masa depan secara beransur-ansur. Jadi soalnya ialah apakah yang akan berlaku terhadap tanah yang begitu besar, begitu bernilai ini, tanah seluas 250 ekar, bernilai lebih daripada RM4 bilion mengikut harga pasaran pada masa sekarang. Jadi saya memohon Kerajaan bercampur tangan dalam kes ini sekiranya boleh kerana kita tidak mahu aset yang begitu penting ini akhirnya dijual kepada orang luar dan mereka yang memilikinya sekarang mendapat keuntungan, mengaut keuntungan atas angin. Pada halnya tanah ini diberi oleh Kerajaan untuk tujuan pembangunan membangunkan industri automobil Nasional pada tiga dekad yang lalu. Jadi ada alasan dan juga satu alasan yang kukuh untuk kita bercampur tangan. Tuan Timbalan Speaker dewan yang mulia ini digempur pada masa dahulu dengan tanah-tanah Kerajaan yang telah diberi hak pada parti-parti politik seperti UMNO dan MIC dan MCA dan sebagainya. Tanah diberi tetapi premium tanah hanya serendah RM1 satu kaki persegi sahaja. Tanah ini diberi sebelum tahun 2008 kita juga mengambil maklum bahawa setengah tanah ini barangkali sekarang pun telah dibangunkan dengan tujuan komersial dan parti-parti politik seperti yang dikatakan di atas UMNO, MCA dan MIC. Mereka barangkali juga telah pun menjana keuntungan daripada tanah-tanah yang diberikan kepada mereka. Tanah ini termasuklah tanah yang mempunyai nilai yang komersial. Tuan Timbalan Speaker eksekutif perlu bertindak melindungi hak dan kepentingan rakyat Negeri Selangor. Maka saya bercadang sekiranya tanah-tanah ini masih lagi dipegang oleh parti-parti politik tersebut masih belum lagi ditukar milik memandangkan pemberian hak milik tanah-tanah ini dibuat tanpa timbangan yang munasabah kerana dikenakan kadar premium RM1 satu kaki persegi sahaja. Maka saya bercadang kepada Kerajaan supaya mendaftar sekatan-sekatan kepentingan Kerajaan Negeri dengan memasukkan kaveat pendaftar di bawah seksyen 319 Kanun Tanah Negara atas sebab-sebab yang disebut di bawah seksyen 320 sub 1(a) dan seksyen 320 sub b, sub 1(b) sub 1 iaitu untuk mencegah penipuan atau urus niaga yang tidak patuh daripada berlaku untuk melindungi kepentingan Pihak Berkuasa Negeri. Saya juga memohon Kerajaan memasukkan dan menetapkan supaya tanah-tanah ini pada masa yang akan datang tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Tuan Timbalan Speaker hendak memaklumkan kepada dewan ini perkara ini boleh dilakukan dan memang terdapat keputusan daripada Mahkamah dalam kes Panatiadapejatiya

lawan Jumananjeta di dalam kes Csungo lawan Vancaswaran Sdn. Bhd. Dan saya ingin memetik sebab-sebab kehakiman dalam kes ini. “Bahasa Inggeris” dan saya percaya mempunyai segala alasan yang kukuh untuk melakukannya. Tuan Timbalan Speaker saya juga tertarik dengan beberapa hujah yang dibangkitkan oleh ADUN Barisan Nasional yang telah dibangkitkan hari ini dan juga dan dibahaskan pada hari semalam. Secara keseluruhannya saya terpenggil untuk memberi sedikit teguran, saya tidak pasti sama ada saya orang yang paling sesuai untuk memberi teguran ini tetapi operasi pembangkang sehingga sekarang ia lebih lemah daripada dahulu. Dahulunya kita ada Ketua Pembangkang Dr. Khir Toyo, kita ada Ketua Pembangkang Dato’ Satim Diman prestasi mereka pada masa itu boleh tahan, mungkin boleh tahan dan kalau itu prestasi mereka maka prestasi pembangkang pada hari ini sangat-sangat lemah, lesu tidak bermaya malahan hujah-hujah mereka tempang dan penuh dengan lompong. Saya ingin menyangkal tuduhan yang tidak tepat daripada ADUN Barisan Nasional. Saya ingin membawa perhatian kepada ADUN Batang Kali tentang tuduhannya terhadap peruntukan MARRIS yang tidak tercatat dalam penyata kewangan Negeri Selangor kerana ini adalah satu kesalahan di bawah akta tatacara kewangan 1957. Sekiranya sesuatu hasil yang teriman itu tidak dicatat didalam penyata kewangan Kerajaan maka saya mencabar Batang Kali untuk membuat laporan Polis sekiranya tuduhan beliau benar. Dan saya juga ingin mengingatkan kepada ADUN Batang Kali sekiranya laporan polis itu mengandungi isi ataupun kandungan yang tidak tepat dan salah ia juga merupakan satu kesalahan jenayah. ADUN Sungai Panjang mencabar Kajang untuk membantah belanjawan Selangor 2018 kerana kedua-dua belanjawan Persekutuan dan Selangor adalah defisit. Memang kedua-dua belanjawan ini defisit dan saya ingin menunjukan jawapan saya ini kepada Hulu Bernam tetapi konteks perbincangan kedua-dua belanjawan ini jauh berbeza. Belanjawan BN adalah belanjawan defisit selama 21 tahun berturut-turut tetapi Selangor hanya defisit selama 2 tahun 2015. Itu juga harus memberi fokus kepada penyata kewangan pada setiap akhir tahun. Walaupun sesuatu belanjawan itu barangkali dibentangkan sebagai belanjawan defisit tetapi Selangor mampu mencapai untuk makluman Hulu Bernam lebihan untuk tahun 2015, 2016, 2017 sebaliknya Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional membentangkan belanjawan defisit 21 tahun berturut-turut tetapi mereka tidak pernah mencapai hampir sekali, tak sampai satu kali pun kalau saya tidak silap mereka tidak mendapat lebihan pada akhir tahun. Apatah lagi pada masa yang sama hutang semakin bertambah. Tuan Timbalan Speaker ini telah menyebabkan rizab Kerajaan Persekutuan merosot berbeza dengan Kerajaan Selangor rizab semakin meningkat selama dua tahun berturut-turut sejak tahun 2015 rizab antarabangsa bank Malaysia jatuh ke paras 100 US Dolar 100 bilion, pada tahun 2013 angka ini sebenarnya pernah sampai ke 150billion US Dolar keadaan ini bertambah perit apabila Petronas pada tahun lepas terpaksa membayar dividen kepada Kerajaan Persekutuan dengan menggunakan wang simpanannya sendiri bukan melalui keuntungan yang dijana

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Petronas pada tahun itu. Begitu perit sekali, sehingga 31 Disember 2016 rizab Bank Negara Malaysia ialah setakat RM96 billion sahaja, tahun 2015 RM98 billion setahun selepas itu, jatuh ke RM96 billion. Bank Negara Malaysia perlu membelanjakan wang sekurang-kurangnya 1.9billion ringgit hanya untuk mempertahankan mata nilai wang ringgit Malaysia yang sehingga sekarang masih dianggap sebagai mata wang dengan prestasi terburuk di rantau Asia. Pada masa yang sama rizab Kerajaan Selangor bertambah, angka terkini 30 Oktober 2017 ialah RM3.24 billion dan saya bandingkan Yang Berhormat semua apakah nilai itu apakah rizab Kerajaan pada tahun 2008 ianya adalah RM1.25billion ringgit sahaja, *from RM1.25 to RM3.24* kita telah pun menambah rizab Kerajaan sebanyak 2billion ringgit dalam masa kurang daripada 10 tahun. Tuan Timbalan Speaker walaupun kedua-dua Belanjawan ini defisit tetapi fokus perbelanjaan atau pun belanjawan kedua-dua belanjawan ini jauh berbeza. Selangor menekan kepada peratusan pembangunan yang lebih tinggi berbanding dengan Persekutuan. Ini hanya boleh berlaku sekiranya Kerajaan mengurangkan ketirisan dan mempertingkatkan sumber pendapatan Kerajaan. Ini hanya boleh berlaku kerana agensi Kerajaan Negeri cekap dan kita mampu mengurangkan tunggakan hasil ini hanya boleh berlaku kerana pembayar cukai di Selangor di yakin terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Dia tahun setiap sen dan ringgit yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor Kerajaan dan rakyat Selangor akan mendapat daripada itu.

Maka rakyat lebih rela membayar cukai pada Kerajaan Selangor kerana perkhidmatan yang dihantarkan adalah berbaloi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta penjelasan sedikit

TUAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku, saya nampak Yang Berhormat Kampung Tunku, mengatakan bahawa perbezaan Belanjawan Negeri Selangor dengan Bajet di Putrajaya yang dituduh oleh Sungai Panjang, pagi tadi saya nak tanya minta penjelasan Negeri Selangor kita bentangkan Bajet defisit, pusat defisit 21 tahun berturut-turut dan kemudiannya kita ada rizab di pusat pun ada rizab tapi Selangor di pusat hutang, hutang negara sebanyak 800 lebih juta dan di Selangor kita ada hutang atau tidak kita nak tahu perkara ini. Selangor ada hutang tak?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Dari segi hutang jawapannya memang ada, tapi kita tidak hutang banyak dan kita kalau hutang pun kita mampu membayar, peruntukan ataupun hutang tersebut dalam waktu yang tertentu kita tidak perlu membelanjakan wang sehingga berbilion-bilion ringgit hanya untuk membayar faedah sahaja. Kita

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

berjimat cermat dan kita pastikan *the end of every year* saya tekankan *balance book* bajet tahun depan defisit tetapi akhir tahun kerana peruntukan ada hasil bertambah, kutipan pun bertambah cekap ketirisan berkurangan, projek dipastikan siap dalam masa waktu dan juga peruntukan tertentu kita ada penjimatan maka *the end of the year, we manage not only to have a balance budget we can actually have most supless budget* itu sebabnya rizab saya ingin menjawab soalan daripada Sungai Panjang, Sungai Panjang berkata seboleh-bolehnya rizab Kerajaan ini kena lah tiga kali ganda daripada belanjawan operasi ataupun belanjawan mengurus. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Panjang, apakah ini tidak berlaku jugak terhadap Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan memberi rizab tadi saya kata tak sampai 100billion US Dolar itu RM420 billion tapi perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan RM 235billion ringgit, tidak 86% dan tidak menepati syarat yang dikenakan oleh dia sendiri dia cakap dia gunakan ini sebagai satu *attack* terhadap Kerajaan Negeri Selangor tapi dia meludah ke arah diri sendiri, dan sekarang dia tidak ada di dalam dewan mulia ini.

Saya pun dengan meminta pertolongan daripada Adun Dengkil, Adun Hulu Bernam, Permatang kalau tidak ralat untuk menghadiri Sidang Dewan yang mulia ini saya kira biar orang lain buat kerja itu lah. Tak perlu menjadi hero nak jadi Adun nak jadi Ahli Parlimen juga jadi Tuan Timbalan Speaker, ini kuliah sila dengar, sila dengar. MB dengan Kajang pemimpin pusat, kapasiti tinggi ini Majlis Tertinggi UMNO pun belum lagi kan belum lagi

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kampung Tunku, Kajang dah dua hari tak datang, minta izin celahan sikit

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: bawah Jamal, bawah Jamal

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya akan beri peluang kalau, Kajang soalan mulut pun tak boleh ambil, tak bentang

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin teruskan Yang Berhormat tapi saya rasa saya boleh beri

TUAN SPEAKER : Sila Kampung Tunku, teruskan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Peratusan sumbangan Kerajaan Selangor kepada KDNK pada tahun 2005 hanya sekadar 20.8 peratus sahaja, sekarang kita kata Selangor memberi sumbangan 20 peratus tetapi dari dahulu memang sudah 20 peratus setahun 2005 20.8 peratus tetapi peratusan semakin meningkat, tahun 2016 22.7 peratus peningkatan lebih kurang 2peratus. Ini adalah peningkatan yang sangat ketara

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Yang Berhormat sekalian. Saya jangka angka ini akan terus naik pada tahun ini dan juga pada tahun depan. Makna kita apakah makna kita mencatat pertumbuhan yang tinggi tapi simpanan kukuh yang kita ada itu tidak digunakan untuk membangun rakyat jelata, dan itu lah perbezaan kita. Di Selangor kita berlandaskan tirai kecemerlangan ini kita mampu bukan sahaja membelanjakan sebuah belanjawan yang defisit malahan sebuah belanjawan yang dengan peruntukan pembangunan yang melebihi peruntukan mengurus dan sudah pasti ini adalah sesuatu yang harus diraikan kerana sesudah lama Belanjawan Persekutuan dibelenggu dengan peruntukan mengurus yang terlampau besar. Selangor merintis jalan kepada sebuah belanjawan yang sihat. Yang Berhormat Batang Kali juga cuba melontarkan kritiknya terhadap Belanjawan Selangor melalui media. Di laporan berita *News Straits Time* bertarikh 3 November 2017 "*what its said, so not yet, this is like a poor university, whose content was very repeating its own achivement*" and *I want to highlights to own achivement* saya mengucapkan syabas kepada beliau kerana secara tidak langsung beliau mengakui apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan Selangor sebagai satu pencapaian. Terima kasih kepada batang Kali kerana bercakap benar, walaupun *own achivement its still a kind of achivement* betul atau tidak, *so never mind his has do his job, its still achivement, so thank you for Batang Kali* kerana memberi pengiktirafan kepada pencapaian kita. Tuan Timbalan Speaker, Profesor KS Kromo, kita bercakap tentang ekonomi, baru-baru ini dalam laporan bertarikh 31 Oktober berkata bahawa Kerajaan tidak harus terlalu terikat dengan pembentangan belanjawan pengimbang kerana dalam menghadapi kegawatan ekonomi Kerajaan harus menggunakan rizab yang sedia ada untuk merangsang pembangunan ekonomi melalui belanjawan defisit. Sebaliknya beliau bercadang supaya Kerajaan membayar balik hutang apabila keadaan bertambah baik dan membelanjakan tanpa hutang hanya semasa kegawatan ekonomi.

Maka itulah sedikit sebanyak kuliah kepada Adun barisan Nasional, maka adalah tidak menepati ekonomi sekiranya Adun BN menuduh perbelanjaan Selangor pada tahun depan tanpa berlandaskan kepada realiti kerana inti pati dan juga semangat di bawah Belanjawan Selangor tahun depan jauh berbeza dengan Belanjawan Persekutuan, tahun depan Kerajaan Negeri Selangor akan membangunkan lebih banyak melancarkan lebih banyak lagi program-program kebajikan yang saya kira ia boleh membantu rakyat menghadapi kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang.

Tuan Timbalan Speaker, itu lah sedikit sebanyak kuliah saya boleh sampaikan kepada Yang Berhormat dari sebelah sana dan juga sedikit sebanyak isu yang saya minta bangkitkan sebelum saya mengakhiri saya menjemput tadi Permatang ada soalan nak tanya. Dah lepas, saya boleh jawab nanti ataupun saya boleh tanya soalan nanti masa Permatang berucap atau berbahas. Tak per la saya kongsi kan sajak ataupun puisi ataupun pantun yang ada di sini, dua rangkap sahaja

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Sepandai pandai tupai melompat,
Akhirnya jatuh ke tanah juga.
Secerdik-cerdik, arnab melompat
Akhirnya ditangkap juga.
Anak tupai di atas para
Jatuh melompat patah kaki
Kalau pandai menjaga barang
Mana boleh jadi rugi

Saya hadiahkan puisi ataupun kepada kawan-kawan di sebelah sana dan juga kepada semua yang ada di dewan yang mulia ini. Kampung Tunku mohon menyokong, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya silakan, Selat Kelang

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH ALI: Terima kasih Timbalan Speaker, Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera, Selat Kelang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Dato' Menteri Besar dan seluruh Kerajaan Negeri atas Pembentangan Belanjawan 2018 yang dinamik dan *inclusive*. Alhamdulillah prestasi kewangan Kerajaan kekal kukuh dengan lebih semasa berjumlah RM178.22 juta dan telah menyumbang kenaikan rizab negeri pada RM3.24 billion berbanding RM3.05 billion 31 Disember 2016. Tahniah. Selat Kelang menyokong anggaran belanjawan 2018 berjumlah 3 anggaran perbelanjaan 2018 berjumlah RM320,0000 di mana 46.8peratus peruntukan bagi belanja mengurus dan lebih separuh atau secara tepatnya 53.2peratus untuk belanja pembangunan itu RM166,000,000.00. Timbalan Tuan Speaker, tumpuan atau memfokus kepada pembangunan memang memerlukan belanja yang lebih ini amalan terpuji dan diharapkan Kerajaan Malaysia juga patut mengambil kaedah ini. Jangan membazir kepada bidang pengurusan yang terlalu besar namun ROI mengecewakan. Saya mewakili rakyat Selat Kelang khususnya rakyat Kelang amnya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kejayaan ataupun sumbangan sehingga menjayakan pembinaan Jambatan Ketiga Kelang yang telah bermula operasi 15hb Jun 2015 yang seluruh kos pembinaannya sebanyak RM250 juta dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Namun saya mewakili pengadu ataupun penduduk menarik perhatian kepada 2 perkara pertama nya tentang keselamatan pengguna dari kalangan penduduk kampung Sungai Udang dan tepi sungai terutama sekali di kalangan pelajar. Pelajar-pelajar yang bersekolah di kawasan sekitar ini pergi ke dua buah sekolah, yang laluan lazimnya di sebelah oleh Jambatan Ke-3 Kelang ini kalau dulu tanpa jambatan mereka menyeberang jalan itu dengan agak tenang la tapi sekarang ini di sebelah kanan pelajar di Sekolah Teluk Pulau sebelah kiri Sekolah Rendah Agama Jalan Hasan jadi biasanya mereka ke sekolah kebangsaan kemudian

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

pergi ke sekolah terkejar-kejar pergi ke sekolah agama. Saya percaya JKR sudah sedia maklum kekhuatiran pengguna terutama ibu bapa dan PIBG dalam beberapa pertemuan mengenai perkara ini. Jadi JKR juga telah berjanji untuk mengkaji isu keselamatan ini dan memudahkan pelajar yang mahu menjimatkan masa sebab kena pergi dua-dua sekolah. Pada biasanya belah pagi kemudian sebelah petang natijah sistem pendidikan dualisme ini. Jadi saya mohon JKR mencepatkan kajian tersebut dan mengambil tindakan. *Point* ke-2 saya difahamkan Fasa ke-2 Jambatan Ke-3 Kelang sudah diluluskan dan dengan itu gerai-gerai makan MPK di Simpang Empat, Sungai Udang sebelum simpang ke Jalan Yadi akan di roboh saya telah mengingatkan berkali-kali termasuk sebelum pembinaan Fasa Pertama Jambatan Ke-3 Kelang ini jangan robohkan gerai-gerai ini selagi mana Kerajaan tidak menyediakan kawasan alternatif bagi mereka. Ini sejajar dengan moto Kerajaan yang Peduli Rakyat dan sejajar juga dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar di mana PBT perlulah *people centric*. Mereka ini adalah golongan peniaga kecil dan perlu bantuan Kerajaan. Jadi saya harap pengurus projek mengambil kira implikasi sosial ekonomi sekiranya gagal mengurus isu ini dengan baik. Saya mencadangkan MPK menerima pandangan daripada pimpinan setempat termasuk JKKK yang mahu melihat dengan wujudnya Jambatan Ketiga Klang ini sebagai binaan ikonik Kerajaan Negeri Selangor perlu dilihat secara holistik di mana insyaallah mereka yang mendengar ada satu binaan besar. Dibawa oleh Kerajaan Negeri itu sudah tentu ramai yang akan berkerumun untuk melihat secara dengan mata kepala sendiri Jambatan Ketiga ini. Dan ianya berpotensi untuk menarik pelancong tempatan termasuklah penduduk negeri Selangor itu sendiri. Jadi alangkah baiknya sekiranya MPK boleh membina kedai makan yang ikonik di tepi jalan utama. Jalan Sunga Bertik dan ini boleh cetuskan insyaallah gelombang pelancong dan seterusnya boleh jadikan kampung tradisi berada di sekeliling jambatan ini untuk menikmati insyaallah pertumbuhan ekonomi yang baik. Selat Klang juga turut menzahirkan kesyukuran kerana Kerajaan Negeri telah menumpukan peruntukan untuk menyelesaikan masalah terpenting dan paling utama di pangsapuri kos rendah iaitu isu kerosakan lif. Perlu diingat pangsapuri kos rendah lazimnya dibandar dan mereka menyumbang besar kepada jumlah miskin bandar. Sudahlah jatuh ditimpa tangga tapi selama ini sudahlah mereka miskin dibelenggu pula dengan masalah kehidupan. Mereka pula terpaksa turun naik tangga kerana lif sentiasa rosak yang sakit bertambah sakit, yang malas kesekolah lagilah malas. Si bapa yang malas bekerja lagilah parah. Lagilah ada banyak alasan nak MC dan sebagainya. Siapa yang nak kejar waktu solat.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Boleh saya mencelah. Tak ada tindakan Kerajaan Negeri untuk memperbetulkan keadaan ini. Makin rakyat semakin susah lif makin rosak. Apa yang disebutkan selama ini nampak macam bagus tetapi apa yang berlaku lain sebenarnya.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Ok terima kasih. Biar saya habiskan sebab dia punya conclusion ada sebelah ni. Tadi dah ada mukadimahnyanya. Jadi sapa nak kejar waktu sekolah, kerja, kejar bas, kejar waktu makan, tak sempat kongsi kegembiraan dengan keluarga, mental stress, fizikal stress, economic stress jadi bantuan khas berjumlah RM30 juta Smart Life 2017 untuk menggantikan lif lama secara percuma tanpa perkongsian kos dengan penduduk adalah amat tepat. Dan sport atau sport on dengan izin wajarlah apabila Kerajaan Negeri mencadang untuk diteruskan pada tahun 2018 jadi Hulu Bernam kita perlu akui Kerajaan Negeri telah pun ada peruntukannya dan insyaallah bakal dinikmati oleh penduduk pangsapuri kos rendah. Mungkin saya kongsi sikit untuk perhatian Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar. Semalam saya tanya penduduk saya di Selat Klang apa isu yang nak dibawa untuk perbahasan saya ni. Wakil dari penduduk pangsapuri kos rendah Seri Perantau ini kata 'tak ada apa-apa dah YB, lif insyaallah dah nak *direpair*', insyaallah ini dalam Smart Life ini insyaallah. Mungkin lambat tetapi *better a late than never* insyaallah. Tahniah kepada Kerajaan kerana berjaya menyediakan peruntukan tambahan untuk pelbagai jenis sekolah di Selangor. Agak inklusif. Mungkin sedikit penambahbaikan yang boleh dilihat dibuat oleh Kerajaan ialah meraikan demand dengan izin atau keperluan ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak mereka ke sekolah menengah persendirian agama kerana sistem pendidikan kebangsaan yang dirasai oleh ibu bapa sekarang ini dirasa seolah-olah tak cukup untuk menampung keperluan pembinaan anak-anak remaja mereka yang perlu menempuh cabaran hidup semasa yang semakin kompleks. Tanyalah JAIS semakin ramai ibu bapa yang kecewa kerana tidak berupaya memenuhi permintaan ibu bapa yang anak-anak mereka cemerlang UPSR 5A atau sekarang mungkin 6A. PSRA Mumtaz atau sekurang-kurangnya Jaijiddan. Mereka mahukan sekolah menengah yang KAFA dan mereka mahu masuk MITS tapi setakat ini belum sampai target 1 MITS 1 Daerah. Maka Kerajaan seharusnya memberi inisiatif, insentif dan serius membantu meraikan golongan rakyat yang membina, mengurus serta menzahirkan sekolah menengah yang menggunakan kurikulum akademik dan ini bukan sekolah biasa-biasa yang menggunakan sistem akademik menduduki peperiksaan awam seperti PT3, SPM dan sebagainya tetapi diwujudkan biah solehah di mana ia memungkinkan mereka menjadi orang beriman dan bertaqwa dan mudah-mudahan insyaallah layak menjadi khalifah insyaallah yang kita berhajat bersama nanti. Jadi saya ingin menarik perhatian Kerajaan satu contoh sekolah di mana ia seperti yang saya katakan tadi memenuhi segala ciri-ciri yang kita kehendaki bukan seperti yang diwarwarkan sebelum ini di mana seolah-olah tohmahan kepada maahad tahfiz itu seolah-olah ia sub standard dan hanya untuk orang yang tidak cemerlang di dalam akademik ataupun mungkin kurang keupayaannya dalam bidang akademik tapi saya nak bagi contoh yang sudah wujud di dalam negeri Selangor yang sekarang ini berada di Sabak Bernam dan seharusnya mendapat perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan Selangor. Ini saya kongsi Kolej Integrasi Tahfiz Tunas Ilman Selangor KITTIS di

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

mana pencapaian mereka Anugerah Pengurusan Pusat Tahfiz Terbaik oleh Jabatan Pendidikan Selangor. Ini bukan JAIS tapi Jabatan Pendidikan Selangor dan juga mereka sekolah mendapat Anugerah Sekolah Menengah Islam Persendirian Cemerlang peringkat Negeri Selangor dalam peperiksaan SMA, SMATQ 2015, Sekolah Menengah Islam dan Sekolah Harapan Peringkat Negeri Selangor dan peperiksaan SMA 2016, Sekolah Menengah Agama Se-Malaysia Teakwando Challenge 2016 di SMA MAWIP. Ini bidang kokurikulum. Penubuhan Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah. Sekolah Menengah Agama Se-Malaysia Teakwando Challenge 2017 bukan sahaja mereka mendapat kelulusan bomba tapi pelajar-pelajar mereka ada ahli skuad bomba. Mereka juga meraih pingat emas bawah 15 tahun Putrajaya Teakwando Challenge di Putrajaya. Johan pertandingan reka cipta robot yang dianjurkan oleh MDEC bersama-sama dengan yang lain. Bronze Team Reward Esmo Math Olympiad 2017. Jadi kita ada kalau kita di Terengganu mungkin berbangga dengan ada sekolah yang berprestasi tinggi yang berteraskan hafazan dan sebagainya kita di Selangor ini sebenarnya sudah wujud dan ini harus dilihat sebagai menampung keperluan ibu bapa di Selangor ini selain daripada apa yang telah dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Selangor itu sendiri. Timbalan Speaker saya memohon pihak Kerajaan memberikan perkiraan khas bagi segala pembangunan infrastruktur kemudahan awam dan segala projek yang dilakukan di tempat yang memerlukan kos transport pengangkutan yang menyebabkan pembinaan pembangunan, repair dan sebagainya itu meningkat iaitu di Pulau Ketam dan Sungai Lima. Jadi saya harap pihak UPEN, pihak Pegawai Kewangan bila tengok ada permintaan Pulau Ketam ambillah kira kos tersebut. Selat Kelang juga ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada penjawat awam yang digelarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar *The Paragon of Excellent* atau Mithali Kecemerlangan. Semoga penjawat awam akan terus membudayakan kecemerlangan dan menjadi role model jadilah bekerja atau bertugas ini sebagai ibadah. Sekiranya ini falsafah kerja kita insyaallah penjawat awam Negeri Selangor tidak akan terjebak dalam perkara mungkar dan maksiat termasuk dalam perkara yang selalu disebutkan iaitu rasuah, salah guna kuasa, curi tulang, sabotaj dan sebagainya. Saya khususnya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan setinggi tahniah kepada JPS yang telah membantu projek Mitigasi Banjir di DUN Selat Klang yang sekarang ini dalam proses untuk dibina. Saya juga memohon kepada Majlis Perbandaran Klang khususnya seperti yang disebut oleh Dato Menteri Besar di mana PBT haruslah direformasikan *people centric* mengambil kira keperluan dan kebajikan rakyat. Saya nak ambil perhatian MPK di mana pertamanya ada permintaan projek untuk membina bangunan 18 tingkat di Jalan Yadi. Telah pun ditolak kerana JKKK penduduk ramai-ramai membantah tetapi saya difahamkan ia dimasukkan semula permohonan dimasukkan semula. Di tempat *high density* jalan ini terlalu sempit hanya muat dua hala tetapi kecil di situ ada dua sekolah kebangsaan, tadika, surau dan sebagainya dan inilah sekolah-sekolah ini yang saya sebutkan dalam sidang ini yang

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

sebelum ini dilanda banjir apabila di Selat Klang ini dulu seolah-olah macam laut kerana tempat ini *earth drain* lagi dan di tempat inilah yang mahu dibina 18 tingkat. Saya minta pada PBT dan MPK, dahlah kawasan dah padat takb boleh dah bagaimana nak menyuraikan trafik di sini lagi. Sepatutnya blanket approved kepada permohonan seperti ini. 18 tingkat tidak munasabah.

Yang kedua saya memohon MPK kerana satu-satu dewan MPK di Selat Klang ini adalah di Teluk Pulai saya mohon percantik dan perindahkanlah dia supaya ia sejajar dengan standard Negeri Selangor. Sedikit saya nak mohon meletakkan di sini juga satu keperluan di mana di Bagan Hailam ini dewan JKKNya sangat teruk dan memerlukan penyelenggaraan bukan *upgrade* segera di sini. Yang seterusnya saya mohon bas Smart Selangor ini bila saya sebut kepada rakyat di DUN Selat Klang mereka seolah kecil hati sebab mereka tidak merasa pun jadi saya mohon sekurangnya masuklah ke dalam Selat Klang. Akhir sekali saya memohon kepada Kerajaan Negeri Selangor oleh sebab kita dah ada Jambatan Ketiga Klang ini yang insyaallah fasa keduanya sudah nak masuk ke fasa keduanya dan akan dimulakan dalam prosesnya. Jadi saya mengharapkan destinasi pelancongan juga meletakkan tempat ini sebagai satu destinasi pelancongan pilihan dan saya mohon oleh sebab tempat ini orang-orang kampung mohonlah sedikit bimbingan, perhatian, infrastruktur dan sebagainya. Akhirnya saya nak bagi pantun sikit pada Kerajaan Negeri. Pulau Ketam jauh ke tengah, Klang popular Jambatan Ketiga, badan di kandung tanah, kerja yang baik dikenang juga. *ex-pace dan ex-ente accountability*, prinsip belanjawan Selangor amalkan. Bagus teori permudahkan *delivery* jangan lupa akhirat tuntutan keadilan dalam pelaksanaan. *Fastabikulkhairatlah* ke arah Selangor *baldotunthoiyabbatunwarabburghafor*, Selat Klang menyokong belanjawan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Selat Klang. Tambah-tambahlah pantun kita sekarang ini, pantun-pantun baru. Silakan Pelabuhan Klang.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Bismillahirrahmannirrahim, alhamdulillahirrahilalamin (bacaan doa). Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersyukur kerana dapat diberi masa untuk membincangkan perkara bajet Belanjawan 2018 ini. Saya mengambil sikap bahawa kita sentiasa memperbaiki tatacara kita mengurus dana negeri supaya kita dapat mengukur keberkesanan hasilnya. Jadi itulah yang membolehkan menunjukkan kekuatan kita dari semasa ke semasa. Kita memperbaiki dan membuat analisa tentang apa yang kita lakukan dan apa kesannya yang seperti kita nyatakan ialah kita gunakan untuk menentukan rakyat Selangor mendapat kebaikan daripada belanjawan kita. Tuan Speaker, saya lihat perbelanjaan pembangunan kita ini besar dan tidak saya menyekat tentang perbelanjaan. Tapi saya

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

ingin mengukur tentang keberkesanan belanjawan itu. Oleh sebab masa terhad, saya hendak mengambil beberapa perkara yang saya lihat yang di tulis dalam anggaran perbelanjaan 2018, di mana kita jangkakan *Smart Selangor Delivery Unit* akan membelanjakan selama 2 tahun, 3 tahun ialah RM59 juta dan tahun depan iaitu 2018 RM11 juta kita belanjakan. Jadi apa yang dibelanjakan dalam Unit ini jadi ini bukan pembelian harta atau pun pembelian aset. Ini adalah kerja, kerja yang dilakukan. Jadi kita kena menganalisis, kita belanja RM59 juta apa yang kita dapat sistem ke atau pun makna yang kita dapat, katalah dalam ini adalah kata saya dengar tentang *big data*. Adakah data ini diperolehi Kerajaan Negeri yang akan kita gunakan atau pun bagaimana kita menganalisis mengenai perbelanjaan ini. Jadi itu sangat penting, saya tidak lihat sebab, oleh sebab ini perlu saya berharap Jawatankuasa Dewan ini mengambil ini untuk membincangkan apa yang terperinci sama ada kita perbaiki lagi *value for money* lagi. Sebab saya lihat penyelidikan pembangunan ekonomi juga kita memerlukan RM4 hingga RM5 juta. Jadi *research* saja kita memerlukan jumlah tersebut dan perindustrian pelaburan maknanya kita guna RM100 juta tak apa, itu boleh kita nilai. Tapi saya lihat angka ini adalah satu angka yang kita mesti halusi, kita tanya sebab saya tidak melihat penerangan tentang tatacara perjalanan *Smart Selangor* ini. Walaupun projek-projek ada tapi bagaimana projek itu dihasilkan melalui *research* dan kita belanja di mana. Itu yang saya perlu tanya walaupun saya berharap ini akan diberikan penjelasan.

Kedua apabila saya tengok, saya perhatikan projek perbelanjaan kita projek khas Negeri Selangor projek ada dua projek yang besar dalam perbelanjaan kalau kita baca dalam anggaran perbelanjaan 2018 iaitu projek khas negeri RM316 juta, insentif peduli rakyat RM820 juta. Walaupun itu dipecahkan, apabila saya campurkan kedua-dua ini bererti habis duit premium kita habis ke sini. Maknanya apabila kita terima duit premium itu lebih RM1,000 juta pergi kepada projek khas negeri dan insentif peduli rakyat. Faktor yang paling penting bagi negeri mengurus bukan berbeza dengan Kerajaan persekutuan sebab negeri ini hanya pendapatan dia terhad dan faktor yang penting. Dua faktor yang pembangunan bajet pembangunan kita yang boleh kita tumpukan iaitu *Skill Building and Infrastructure*. *Skill building* itu maknanya bila kita membangun negeri ini sudah tentulah negeri yang akan cepat maju ialah tentang adanya kemahiran. Kedua *infrastructure* tapi saya lihat 1,000 juta yang kita belanjakan ini tidak termasuk dalam kumpulan ini. Jadi saya berharap juga perkara ini saya bangkitkan sebab jumlahnya sangat besar, ini bukan jumlah kecil sebab RM820 juta peduli rakyat, kita peduli tapi rakyat dapat duit serupa juga adakah kita hendak bersama-sama bertanding fasal BRIM. Jadi itu pun saya rasa kalau kita bercakap hendak *smart*, maknanya kita tidak mestinya mengikut tatacara Kerajaan persekutuan tetapi kita mesti memikirkan apakah produktiviti yang boleh kita hasilkan dengan insentif yang kita berikan. Jadi supaya kita ada *value added*, jadi bila saya menilai

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

perbelanjaan-perbelanjaan ini saya menilai adakah dengan duit rakyat yang kita kutip dengan premium tanah itu, apakah *value added* yang kita akan bagi balik kepada rakyat. Jadi saya berharap ini banyak lagi angka-angka banyak kita gunakan, walaupun kita dah masuk pendidikan RM400 juta, wanita dan kebajikan RM330 juta, saya tidak mempersoalkan perkara tersebut. Saya berharap dia akan sampai betul-betul kepada yang kita *target* tetapi dua angka ini saya harap dilihat dengan penuh teliti iaitu projek khas negeri RM316 juta, Insentif Peduli Rakyat RM820 juta.

Ada satu angka yang saya berharap Pegawai Kewangan Negeri lain kali tak boleh gunakan ini, Am ini. Am ini ialah satu perkara yang umum, tapi kalau AM 465 juta ini bukan Am. Itu yang kena tapi kita kena pecahkan lagi tak boleh Am, Am itu duit poket, duit poket Am, maknanya jadi itu saya tidak menyalahkan sebab fasal campur-campur semua betul, tapi peruntukan itu mesti diperbaiki lagi supaya Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang meneliti untuk rakyat dapat merasakan kelulusan yang diberi itu menepati apa tujuan yang kita lakukan. Tuan Speaker saya juga ...

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Pelabuhan Klang, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Sg. Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang Berhormat saya hendak tanya, hendak minta penjelasan sebab mungkin ada kekeliruan daripada angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat sebut projek khas negeri, RM316 juta itu sebenarnya adalah kos projek keseluruhan tapi untuk anggaran 2018 hanya RM45 juta sahaja bukan RM316 juta jadi itu perbezaan yang besar. Yang keduanya kita tidak ada insentif peduli rakyat kita ada inisiatif peduli rakyat dan itu pun untuk 2018 hanya RM237 juta dan bukan RM820 juta mungkin kesilapan di pihak Yang Berhormat.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Saya mengambil angka ini sebab dalam anggaran perbelanjaan yang dibagi dia ditulis semua total kos projek iaitu ada, kalau saudara baca ini dia ditulis total kos projek RM316 juta kemudian dipecah-pecahkan. Jadi tapi kita menggunakan duit itu untuk 2, 3 tahun tapi jumlahnya ialah RM316 juta.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya betul, tapi itu adalah di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, itu pun Yang Berhormat dulu menjadi Menteri Besar sama juga cara membuatnya. Kita ada rancangan lima tahun, anggaran lima tahun, lepas itu tahun ini jadi yang sepatutnya Yang Berhormat sebut adalah mengikut tahun ini bukan kos

keseluruhan sebab kos keseluruhan mungkin tak sampai itu. Lebih selamat kita sebut 2018.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Tidak saya apabila kita sebut itu, kita akan mempersoalkan adakah bajet kita ini sampai ke sini. Hanya tahun ini kita tak perlu angka ini kita hanya perlu angka RM45 juta. Jadi saya bangkitkan sebab kita tak ada analisis mengapa dia turun mengapa dia naik itu sebab saya bangkitkan perkara tersebut. Serupa juga inisiatif peduli rakyat, rancangan tiga tahun atau empat ialah RM900 tapi kita akan belanja 237 juta. Jadi maknanya *the micro* angka ialah RM819 juta *the micro* angka. Jadi tujuan saya bukan hendak mempersoalkan angka tidak. Tujuan saya menunjukkan angka besar, angka-angka besar dalam perbelanjaan yang perlu kita teliti boleh jadi saudara sudah meneliti dengan begitu baik tak apa. Tapi kalau tidak diteliti kita kena teliti supaya Ahli-ahli dalam Dewan ini juga mesti faham. Saya tak tahulah Ahli Dewan yang lain dah tahu tapi saya tak tahu itu sebab saya bangkitkan perkara ini.

Saya juga hendak mengambil masa sebab saya lihat, saya hendak membetulkan rakan-rakan sebab

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang Berhormat juga, saya juga hendak juga beritahu Yang Berhormat projek khas negeri sebanyak RM45 juta itu butir-butirnya ada dalam buku. Kita ada banyak projek kita ada 16 projek, membina masjid, membina sekolah dan sebagainya ada di sini. Bukan tak ada, ada ya semua ada di sini, semua *detail-detail* setiapnya. Dewan Serba guna Kuala Selangor, Perpustakaan Awam Selangor Fasa 2, Kota Darul Ehsan, Masjid Sultan Sulaiman, Masjid Sultan Alauddin, semua ada situ. Dan di muka surat 189 semua ada di situ. Jadi telus sebenarnya kalau untuk Inisiatif Peduli Rakyat pun PK 18 ada banyak semua inisiatif kita senaraikan di situ, muka surat 189.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Saya tidak mempersoalkan, ini akan dibincangkan semasa jawatankuasa, semasa jawatankuasa besok, semasa jawatankuasa besok ini dibincangkan perkara yang pertama secara makro. Kemudian perkara yang kedua ialah dibincangkan apabila jawatankuasa-jawatankuasa tu barulah kita tengok, yang ini, itu yang saya nak bangkitkan daripada sekarang. Bukan saya tidak bangkitkan, itu sebab saya tahu. Lepas lepas tu supaya Dewan ini bersedia untuk mempersoalkan barisan ini untuk ini, jadi itu yang saya lihat.

Ok, kedua saya juga nak bangkitkan, perkara ini boleh dijawab, kalau dah ada boleh dijawab seperti juga tentang SMART, perbelanjaan 5, 11 juta SMART itu yang akan dibangkitkan juga. Kedua saya nak tunjukkan, saya lihat akaun penyata kewangan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Kerajaan Negeri Selangor 2016 yang telah diaudit. Jadi rakan-rakan saya daripada sini, oleh kerana dia sudah diaudit maknanya pendapatan MARRIS apa semua tu sudah masuk dalam ini. Jadi tak ada apalah saya tengok. Sebab yang dulunya apa yang berlaku ialah pendapatan MARRIS itu tidak dimasukkan dalam satu tabung, jadi tabung umum saja. Lepas tu ada kalanya kita terpakai. Jadi oleh keranan sekarang sistem baru dia masukkan ke dalam itu. Jadi itu sebab kita....

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan sikit, ya, istilah terpakai tu saya agak kagum ada istilah “terpakai”. Boleh jelaskan bagaimana.

Y.B.TAN SRI DATO’ SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Tidak, kadang-kadang kita tidak menggunakan untuk membuat kidalan, kitaada negeri-negeri yang lain dia yang tak cukup dia bayar gaji ataupun buat....jadi

YAB DATO MENTERI BESAR: Y.B. boleh tau, kita tu siapa Y.B.

Y.B.TAN SRI DATO’ SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Aaa....

YAB DATO MENTERI BESAR: Kita tu siapa

Y.B.TAN SRI DATO’ SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Kita yang mana

YAB DATO MENTERI BESAR: Kita yang terpakai tu, kita tu siapa

Y.B.TAN SRI DATO’ SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Kita ni maknanya satu Negaralah. Itu sebab, itu sebab, Negara, maknanya....saya diberi tahu, saya diberi tahu masa dulu dia pakai begitu jadi perbincangan di apa tu, perbincangan di Kementerian dia kata tak boleh lagi, jadi khas saja, jadi masuk saja dalam tabung tu. Jadi tak hilanglah duit. Itu ialah saya nak terangkan. Jadi tak payah kita nak bincang lima enam kalilah.

YAB DATO MENTERI BESAR: Terima kasih Y.B. kerana memberi penjelasan kepada rakan-rakan Y.B. yang baru di sebelah sanalah, penjelasan. Terima kasih.

Y.B.TAN SRI DATO’ SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Saya bukan nak terima kasih tapi saya nak terangkan supaya kita dapat untuk benda yang lain. Tapi dalam penyata ini ya, dalam penyata ini yang paling penting ialah Penyata Akaun Memorandum Liabiliti Negeri Selangor walaupun sikit tapi ada dibincangkan. Ada satu angka yang besar liabiliti untuk Negeri Selangor ni dalam ini, ialah 1.04 billion projek bekalan air. Jadi saya berharap tujuan kita untuk menyusun semula industri air ini ialah supaya kita dapat menyelesaikan hutang-hutang yang begitu. Itu sebab strategi penyusunan semula tu termasuk itu. Bayangkan kalau kita terpaksa membayar ini dengan tak ada strategi yang kita boleh ambil alih masukkan dalam anak syarikat kita maknanya kita kena membayar satu ribu juta. Dan bayangkan kalau satu ribu juta kita membayar dan Kerajaan Negeri tak ada mempunyai peluang untuk meminjam jadi kita

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

gunakan *reserve* kita daripada tiga juta ribu juta dah tinggal dua juta. Jadi itu sebab saya nak ingatkan penyusunan semula industri air ini perlu dipercepatkan prosesnya supaya kita akan dapat selesaikan penyata akaun liabiliti yang kita ada. Dia meningkat tiap-tiap tahun jadi itulah usaha yang perlu kita lakukan.

Perkara yang ketiga yang saya nak bangkitkan, saya lihat usaha kita untuk mempelbagaikan ekonomi Negeri Selangor sebab Negeri Selangor ini bergerak pada satu ekonomi pembuatan kepada yang dipanggil ekonomi servis, perkhidmatan. Dan banyak usaha untuk itu. Penambahan skil apa semua. Tapi ada satu, kita mesti tunjukkan Negeri Selangor ini mempunyai satu keadaan yang lebih daripada apa yang ada sekarang. Saya cadangkan Kerajaan Negeri membuat kajian dan kajian itu sudah mula kita mulakan dulu. Buat kajian supaya bagaimana kita nak menentukan Selangor ini ialah *A Weird Economy* iaitu ekonomi yang, salah satu daripadanya ialah kita mengadakan *Fiber Optic*, jadi seluruh Negeri Selangor ni sudah disambung dengan semua *Fiber Optic* jadi oleh sebab itu apabila ini berlaku maknanya Negeri Selangor ini lebih cepat dan lebih kuat menerima apa-apa industri yang ada hubungannya dengan teknologi maklumat dan teknologi *artificial intelligent* sebab saya dapati ini akan berlaku boleh jadi dalam masa sepuluh atau dua puluh tahun umpamanya kalau kita dah semua ada *fiber optic* apa semua tu, *driveless car*, sekarang saudara tengok *telsar*, *google*, dia sekarang membuat teknologi yang kereta tak ada lagi pemandu. Dia pakai...jadi oleh kerana itu *the linkage* dekat bawah tu dekat *system information* tu mesti kukuh. Jadi kalau Negeri Selangor dah ada mempunyai itu, Negeri Selangor akan menjadi pusat permulaan itu. Dan kita berpeluang sebab kita berpeluang dengan penyusunan semula industri air ini *paip-paip* kita itu nak diperbaiki. Saya dapati kenyataan Dato Menteri Besar tentang *paip-paip* sudah bermula berapa ribu kilometer yang dibuat. Tapi kalau kita boleh sambung dalam masa memperbaiki *paip* tersebut kita juga letakkan *fiber optic*. Jadi kita *the last mile*. Maknanya dekat rumah-rumah semua dekat Negeri Selangor. Jadi Negeri Selangor ni menerima perbandaran yang dikatakan, maknanya perbandaran yang mengambil kira teknologi yang ada. Kita, ini bukan maknanya Selangor saja. Sebagai contoh Singapura sudah mula bergerak ke arah itu. Saya baru, daripada Hong Kong, Hong Kong juga. Tapi kos di Hong Kong dan kos di Singapura sangat tinggi. Sebab dia tidak ada *levy* yang.....tapi kalau Negeri Selangor nak membuatnya kosnya berkurang. Jadi soalan yang saya tidak teruskan lagi, soalan yang ditanya bila kita buat itu siapa nak membayarnya. Negeri Selangor boleh bayar lepas tu kita boleh list, makna kita boleh list dan kita boleh dapat keuntungan yang sangat banyak daripada usaha yang kita lakukan.

Jadi perkara yang kedua, perkara yang ketiga, saya,

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Y.B. minit yang terakhir Y.B.,

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Ha...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minit yang terakhir

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Ok saya, ketiga ni saya juga lihat masalah perindustrian dan pembangunan kita ini ialah masalah pelupusan sampah. Masalah pelupusan sampah juga, kita, saya berharap kita mesti menerima teknologi *waste to energy* kita mesti menerima. Tapi bila kita menerima tu kita mesti buat kajian supaya kita me...jadi saya lihat itu sebab belanjawan ini juga saya berharap akan menyelitkan tentang usaha untuk memantapkan perkara ini sebab bayangkan beratus beribu ekar tanah yang kita gunakan untuk pelupusan sampah. Sekarang saya ingat di Jeram dah dekat nak ditutup nak cari kan....bagaimana kita nak menyelesaikan perkara ini. Jadi oleh kerana saya tidak akan mengambil masa orang lain saya akan nak ingatkan *wiring the state* dan akhir sekali sebelum saya terlupa pembersihan Sungai Klang itu juga saya nak, jadi kos ekonomi yang saya katakana tadi projek air untuk menyelesaikan *reserve* kita, pelupusan sampah, *wiring the state*, dan juga pembersihan Sungai Klang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Pelabuan Klang. Permatang sila.

Y.B.DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAHMAN: Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warrahmatullahitaala wabaraqatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Y.B. Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan Negeri Selangor tahun 2018. Cuma saya rasa agak kecewa sedikit kerana Kg. Tunku lepas berucap dia pun tak ada. Banyak perkara yang beliau bangkitkan. Tuduhan-tuduhan yang sepatutnya boleh kita jawab. Tahniah kepada Menteri Besar membentangkan belanjawan. Kata Sungai Panjang tadi dua jam tiga puluh minit untuk tiga billion. Tapi saya tengok Sekinchan juga waktu menyokong hampir dua jam lebih. Mungkin lebih daripada Menteri Besar kerana menyokong. Terlalu banyak. Dah tiga tahun berturut-turut sehingga mengambil masa kawan-kawan yang lain. Tapi tak apalah. Sekinchan dah...dah...tak payah komen. Memang itu tugas Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jangan cemburulah...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAHMAN: Tidak cemburu, itu tugas Sekinchan, sebab untuk membuat pencerahan. Tapi tak apalah. Tapi walau bagaimanapun peluang yang ada ini saya akan gunakan, masa yang ada saya akan menafaatkan. Kalau ada lebih masa saya akan pulang pada speaker untuk kawan-kawan lain juga berhujah. Mungkin saya akan ambil satu dua perkara sahaja untuk saya bahaskan. Tapi saya nak sekurang-kurangnya membuat sedikit pencerahan supaya tuduhan-tuduhan itu biar kita dapat pandangan daripada pihak Barisan Nasional. Kota Anggerik, Sekinchan khususnya, dan juga Kg. Tunku banyak menyentuh mengenai ekonomi ataupun belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Yang banyak menyebut mengenai hutang luar Negara. Saya sempat melihat di Kementerian Kewangan hutang luar Negara kita yang dikatakan bernilai

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

hampir tujuh ratus lebih billion. Tadipun sewaktu pencerahan dengan Sungai Panjang saya dah bagi tau bahawa sebenarnya kadar hutang kita ialah lima puluh lima peratus daripada saiz ekonomi kita yang bernilai hampir satu perpuluhan tiga trillion. Jumlah yang mana itu bukanlah satu jumlah yang terlalu besar. Berbanding saya bandingkan tadi di Amerika saiz ekonominya lapan belas trillion US. Hutang luarnya ialah sembilan belas trillion US. Yang mana Amerika masih mendapat kredit triple A dan Malaysia mendapat A-. Yang membuat rating ini bukanlah Unisel, nanti kejap belum lagi, saya habiskan dulu

Y.B. YAAKOB BIN SAPARI: Nak banding apple. Mana boleh banding apple.....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAHMAN: Yang buat ini yang membuat penerapan ini bukannya Medical Centre, saya tak bagi , yang membuat ini ialah Bank Dunia. IMF. Dan saya nak bagi tau hutang Negara sebenarnya bukan untuk membayar gaji. Y.B. kena bagi tau. Bila kita berhutang dengan tujuan untuk membawa pembangunan untuk generate ekonomi itu memang dibolehkan. Kalau kita membuat pinjaman bank sebagai contoh, kita membuat pergi melancong yang tidak mendatangkan apa-apa faedah ekonomi memang akan terbeban. Tapi kalau Y.B. pinjaman bank untuk tujuan perniagaan Y.B. membuat satu generate income dan boleh membayar. Itu saya nak bagi tau. Ok yang pertama. Kemudian yang kedua saya, Y.B. Timbalan Pengerusi, saya mungkin tidak membuat perbahasan mengenai ayat-ayat di dalam bajet ini. Mungkin kita ada jawatankuasa nanti. Mungkin boleh bincang. Saya ucap tahniahlah kepada Selat Klang yang tadi berucap kata Jambatan Ketiga dah siap. Saya belum lalu lagi lah. Tapi Selat Klang kalau nak mencadangkan nak merasmikan jambatan itu yang paling layak Pelabuhan Klang kena merasmikan jambatan tersebut. Sebab inisiatif itu datangnya daripada Y.B. Pelabuhan Klang. Beliau yang layak untuk merasmikan kalau nak potong ribenlah. Bukan, jangan orang punya susu orang lain dapat nama. Itupun kalau Pelabuhan Klang bersetujulah.

Y.B. DATO TENG CHANG KHIM: Untuk penjelasan ya, DYMM Tuanku telah berkenan untuk merasmikannya. Adakah pembangkang bercadang untuk menggantikannya dengan Y.B. Pelabuhan Klang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAHMAN: Nanti ada peluang menggulung, gulung. Ok, saya nak teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya minta penjelasan sedikit.

TUAN SPEAKER: Sekinchan minta. Bagi dia sikit.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAHMAN: Ya bagi dia sikit

TUAN SPEAKER: Ya Sekinchan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Untuk penjelasan ia.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya. Sg. Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Duli Yang Maha Mulia Tuanku sudah berkenan untuk merasmikannya. Adakah Permatang bercadang untuk menggantikan Y.B. Pelabuhan Kelang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat duduklah nanti ada peluang menggulung gulung.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya hendak teruskan. Secara

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya minta penjelasan sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bagi masa sedikit.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagi masa sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Permatang sebab soal Jambatan Ke3 Kelang ini. Adakah pihak Barisan Nasional bersedia minta maaf kepada rakyat kerana telah menipu rakyat dengan buat cangkul perasmian di situ tapi akhirnya buat Kerajaan Negeri Selangor yang buat. Jadi patut minta maaf kepada rakyat. Bersedia. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kalau hendak minta maaf berapa punya banyak Manifesto yang Pakatan Rakyat yang janji nak buat pun tak minta maaf. Lagi banyak kalau hendak saya sebut. Tapi saya tidak mahu gunakan itu. Banyak ini sebab berlaku

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ini cangkul Samy Vellu datang Menteri Besarnya ini acara rasmi acara rasmi Manifesto bukan acara rasmi. Ini acara rasmi jadi kenalah minta maaf.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Duduk, duduk, duduk. Sebab itu saya kata Dewan ini patut memberi satu penghormatan kepada Y.B. Pelabuan Kelang kerana buat inisiatif tersebut. Boleh setuju Barisan Nasional. Ok. Saya dalam perbahasan ini Y.B. Speaker saya hendak menyentuh satu dua perkara sahaja.

1. Mengenai prinsip yang ada dalam bajet ya saya mungkin nanti kita ada Jawatankuasa untuk membincang secara *detail* ya. Saya mengenai prinsip bajet yang saya hendak sentuh ialah mengenai Kerajaan Prihatin. Kerajaan Prihatin yang menjadi teras kepada Kerajaan Negeri yang mana dalam bajet yang pada hari ini Kerajaan Prihatin ini ialah untuk memberi berbagai bentuk insentif kepada golongan-golongan sasaran membasmi kemiskinan luar bandar dalam bandar orang kampung, termasuk orang asli, termasuk juga anak-anak pekerja ladang dan sebagainya yang diketuai oleh Kota Alam Shah. Prinsipnya ialah untuk membantu rakyat supaya setiap ekonomi setiap peluang yang ada itu di kongsi oleh semua orang. Itu memang prinsipnya yang kita dasar ke atas keadilan sosial memang kita alu-alukan. Cuma satu perkara yang saya hendak sentuh dalam ucapan saya ini ialah walaupun ini ialah kes setempat yang berlaku di kawasan saya tetapi saya hendak mengambil *moral of the story*. Kita hendak bercakap mengenai prinsip bagaimana keadilan berlaku saya hendak sebut saya hendak bangkit kerana sewaktu Y.B. Pelabuan Kelang ketika itu menjadi Menteri Besar pun saya telah bangkitkan, saya telah berbahas banyak kali mengenai penyerahan surat kelulusan dan Borang 5A Kampung Sungai Yu, Mukim Hujung Permatang di kawasan saya. Saya hendak sebut kawasan ini yang telah disampaikan borangnya ataupun kelulusannya pada Ogos 2016. Lama dah setahun lebih, saya sebagai ADUN memohon beberapa kali saya akui saya dapat kesukaran untuk mendapatkan daftar yang sebenar berapa kelulusan yang diberi siapa yang dapat dan sebagainya. Tetapi walaupun sukar saya ucapkan terima kasih Dewan Yang Mulia dalam tempoh 2 sidang barulah saya menerima jawapan daripada senarai nama ahli-ahli ataupun yang terlibat dan dalam jawapan yang diberikan oleh Kota Alam Shah saya ambil dalam petikan *handsard* Dewan seramai 175 daripada 317 nama pemohon yang telah diluluskan oleh Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke15 Tahun 2015 pada 27 April 2016 untuk diberi hak milik tujuan pembangunan kediaman. Permohonan yang diluluskan terdiri daripada 153 Bangsa India, 20 Bangsa Melayu, 2 Bangsa Cina. Itu jawapan yang diberilah dan itu sebenarnya diberi pun. Cuma saya hendak bertanya kepada Kota Alam Shah terusnyanya. Apabila saya menerima jawapan daripada pihak Kerajaan saya terima disertakan nama peringkat awal. Penggal yang bersidang pada yang pertama depan nama sahaja tanpa ada butiran saya mohon sekali buat surat mesyuarat tulis disertakan juga dan nama juga no. kad pengenalan. Saya ditemui oleh Jawatankuasa bertindak di kawasan berkenaan. Melahirkan rasa kecewa, melahirkan rasa bantahan yang begitu tinggi, rasa tidak puas hati dan rasa amat kecewa kerana apa yang diluluskan itu tidak sebagaimana prinsip yang diperjuangkan. Keadilan sosial mana mungkin orang

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

yang tinggal 1 kilometer di kawasan berkenaan atau 2 kilometer 'raders' di kawasan tempat projek itu atau pun tanah dikurniakan tidak dapat yang dapat orang yang hampir 400 kilometer daripada kawasan tersebut boleh dapat. Orang yang tinggal 300 kilometer jauh daripada kawasan berkenaan dapat, orang yang tinggal 300 kilometer jauh daripada kawasan Sungai Yu dapat, dia pun tidak pernah datang Sungai Yu tidak pernah tahu pun. Saya hendak beritahu dalam Dewan Yang Mulia ini apabila Jawatankuasa memberitahu kepada saya mereka sendiri buat analisa dan sampai kepada saya. Apa yang mereka mahu saya dan saya cuba buat semakan berdasarkan salinan jawapan yang diberi oleh Y.B. Kota Alam Shah. 61 orang daripada 153 itu datang daripada ADUN Permatang tempat tanah tersebut diberi. 7 daripada jiran saya Sg. Burong tak apalah dalam kawasan sekitar. 31 orang daripada Parlimen Kuala Selangor. 5 daripada Hulu Selangor. 10 daripada Kota Raja. Ini kawasan Yang Berhormat ini jangan terkejut nanti semak.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Minta maaf ya, Kota Raja bukan saya punya kawasan. Jangan kelirukan Dewan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok Parlimen Shah Alam 7, Kelana Jaya 3, Puchong 4, Subang 2, Kelang 2, Kapar 6, Petaling Jaya 1, Serdang 1, Selayang 4, Setia Wangsa 2, Parlimen Batu 1, Sepang 1.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini bukan Y.B. Dengkil lah. Saya sudah semak bukan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok. 2 daripada Ipoh Barat tinggal di Ipoh Barat berapa ratus kilometer daripada kawasan. 1 daripada Padang Serai, Padang Serai dekat mana?, Kedah kan. Perak saya tidak pastilah. Padang Serai 1 daripada Kuala Kangsar, 1 daripada Batu Kawan Pulau Pinang 400 kilometer. 1 daripada Rembau, 1 daripada Masjid Tanah Melaka. Bagaimana mereka boleh dapat orang tempatan tidak dapat?. Yang mengusahakan tidak dapat, patut dapat saya pun layak dapat sebab saya tinggal di kawasan itu. Ok. Itu satu perkara. Saya amat kecewa bagi menyuarakan pandangan ini daripada Jawatankuasa penduduk setempat. Saya ada senarai nama yang diberikan supaya saya dapat menjelaskan kepada Dewan Yang Mulia ini. Y.B. Speaker hasil daripada penelitian kita dan saya sendiri pun buat semakan saya hendak memberitahu kepada Dewan Yang Mulia ini ada 18 nama yang diberikan dalam jawapan rasmi Kerajaan Negeri 18 nama saya ada senarai nama saya telah pecahkan merupakan senarai saya anggap sebagai senarai palsu. Kerana apa kerana butiran 18 nama apabila dibuat semakan di Jabatan (JPN) Jabatan Pendaftaran Negara 18 nama ini tidak wujud tiada butiran makna individu tersebut tidak wujud. Jawapan ini datang daripada Kerajaan Negeri. Kad Pengenalan ini dibuat oleh Kerajaan Negeri kalau satu kesalahan saya boleh terima sebagai taiko, 18 nama kenapa?. Apa

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

tujuan dia, Kad Pengenalan dikelirukan /C tidak betul bila semak di Jabatan Pendaftaran Negara itu tidak ada. Ini ialah jawapan rasmi Kerajaan. Mana mungkin kalau dibuat diberi kepada Ahli-Ahli Dewan Undang Negeri jawapan yang tidak betul. Pada saya ini mungkin tujuan untuk melindungi sesuatu itu saya boleh tuduh. Kalau satu orang saya boleh maafkan. Dua saya maafkan, 18 mana mungkin ini berlaku. Saya hendak minta kalau boleh ini merupakan satu kesalahan yang sangat besar, memberikan jawapan yang palsu. Sekiranya Jabatan membuat soalan bukan Yang Berhormat yang membuat jawapan saya hendak meminta supaya pihak Kerajaan ambil tindakan disiplin kepada Jabatan berkenaan kerana memberikan jawapan palsu kepada Ahli-ahli Dewan. Dan saya hendak meminta Tuan Speaker.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Mencela boleh.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Duduk saya habiskan kejap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Bernam.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kejap lagi ya. Saya hendak minta Y.B. Kota Alam Shah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan kerana memberikan jawapan palsu kepada saya dan juga Ahli Dewan seramai 18 orang. Yang Berhormat jangan jawab dulu. Yang Berhormat boleh menjawab masa penggulungan. Satu. Ini satu kesalahan yang sangat besar.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Saya minta jangan kelirukan Dewan. Adakah jawapan itu disain oleh saya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tidak katakan Yang Berhormat. Ini jawapan

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Sebab anda rujuk setiap kali anda rujuk nampak nama saya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat siapa bagi jawapan ini.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Bila Y.B. Permatang bila katakan segala itu datang daripada Kerajaan bukan daripada Kota Alam Shah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok. Baik. Yang Berhormat beri jawapan dalam Dewan.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Jaga adab.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bukan masalah jaga adab. Yang Berhormat kena bertanggungjawab, ini memberi jawapan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Telah dinyatakan jawapan itu ada tak disain oleh saya kalau tidak jangan rujuk saya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Mana ada

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Tunjuk Kerajaan Negeri kita akan *check*.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Setiap EXCO memberi jawapan, adakah EXCO juga memberi jawapan bertulis ada tandatangan?. Tak ada tandatangan?.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Memang ada semua tandatangan, memang ada dikeluarkan. Sekiranya ada tandatangan bermaksud ia bukan daripada saya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Baik. Kalau bukan daripada Yang Berhormat, saya hendak sebutlah. Ok, ini jawapan media Kit oleh pihak Kerajaan. Yang Berhormat sendiri hadir menyerahkan surat-surat tawaran ini pada 19 Ogos hari Jumaat di Dewan Serba Guna Abu Hassan, Kg.Bukit Belimbing.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Tak pernah hadir dan saya serahkan. Itu sebab maklumat-maklumat yang anda sendiri beri adalah salah dan kelirukan Dewan. Jangan keliru-kelirukan. Kalau anda *confused* kan jangan *confused* kan orang lain.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Baik. Saya hendak minta Tuan Speaker

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERMAN: Kalau anda hendak jawapan tulis sahaja kita akan berikan jawapan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya hendak minta Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Permatang merujuk perkara ini ialah satu tindakan pihak Kerajaan jawapan pihak Kerajaan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Baik. Saya hendak minta siapa-siapa juga menjawab jawapan ini kalau bukan Kota Alam Shah saya minta kalau dia merupakan ADUN, EXCO mesti merujuk kepada Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan. Kalau Menteri Besar memberi jawapan saya minta Menteri Besar dirujuk. Satu. Baik. Kota Alam Shah ini satu kesalahan sangat besar. Mana mungkin jawapan tidak diberi, dia tipu kita tidak boleh buat semakan, akhirnya bila disemak 18 nama tidak wujud tiada butiran. Seolah-olah tak ada orang hantu ke yang dapat tanah ini?. Saya hendak tanya tuan-tuan hantu ke dapat?. Mengelirukan bukan Dewan Yang Mulia ini dan juga.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B. Permatang terakhir

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagi isu saya hendak bagi dan saya sebelum Dewan berakhir saya sendiri akan mengemukakan kepada Tuan Speaker sebagai Pengerusi SELCAT, saya hendak skandal ini dibawa kepada penyiasatan SELCAT sepenuhnya supaya keadilan tegakkan kepada rakyat tempatan. Yang kedua Y.B. Speaker.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Mohon mencela.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tak benarkan dah hujung. Yang kedua saya hendak sebut ya juga mengenai mereka-mereka yang berjaya daripada orang tempatan. Saya rasa amat kecewalah Yang Berhormat waktu Jawatankuasa ini membuat penilaian adakah tidak menyemak ada 3 keluarga besar daripada yang dapat, yang menguasai jawatan ini yang menguasai jawatan ini antaranya yang dapat termasuk saya dimaklumkan Jawatankuasa ini ialah Pegawai Khas Yang Berhormat dan seorang Ahli Majlis. Saya dimaklumkan ahli Jawatankuasa nanti masa menggulung Yang Berhormat betulkan saya. Tetapi 2 orang ini Ahli Majlis Yang Berhormat menarik diri selepas isu ini yang panas. Saya akui dia menarik diri kemudian. Tapi yang malangnya saya hendak tanyalah kepada Dewan Yang Mulia ini waktu semakan dibuat ada jawapan daripada Pejabat Daerah Kuala Selangor dia kata pemilihan tulus, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat ya, Ahli-Ahli yang Berhormat saya hendak terangkan ada 1 keluarga nanti masa penggulungan kalau tidak berani nanti saya betulkan. Nama dia Maniam dia dapat, isteri dapat, adik dia 1, 2, 3 dapat dah 6. Anak perempuan dapat, anak lelaki dapat, anak saudara dapat, 9 satu keluarga. Saya ingat ada lagi saya simpan yang ini. Saya tunggu jawapan kalau ini tak betul saya akan bagi yang ini waktu perbincangan atau waktu penggulungan nanti. Saya ada lagi ada 2 lagi yang dapat cukup banyak. Adil ke benda ini. mana mungkin, saya..... nanti kejap.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Panduan tetap Tuan Timbalan Speaker

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Panduan Tetap berapa.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Ya, Tuan Timbalan Speaker. Panduan Tetap 36. Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap sesiapa ahli yang lain. Dalam perbahasan Y.B. Permatang dia telah membuat tuduhan dan sangkaan jahat terhadap Y.B. Kota Alam Shah dan ini harus ditarik balik dan saya mohon supaya Tuan Timbalan Speaker membuat suatu keputusan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B. Teratai saya tidak

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Minta maaf, Yang Berhormat Teratai. Saya tidak mendengar nama spesifik Yang Berhormat tersebut. Hanya menyebut seorang nama sekian, sekian. Perkara yang awal disebut ialah pihak Kerajaan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Tak payahlah, duduklah Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Saya bukan kata Permatang menyebut nama. Peraturan Tetap yang saya rujuk ialah Aturan 36(6) iaitu seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain dan bukan menyebut nama. Menyebut nama ialah Aturan yang lain. Yang ini ialah Permatang telah menimbulkan sangkaan jahat terhadap seorang ahli yang lain dalam Dewan ini. Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Teratai. Saya menolak bantahan tersebut dan saya minta Permatang teruskan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Dalam jawapan juga, dalam kenyataan Yang Berhormat dalam Dewan ini mengatakan bahawa yang layak dapat bergaji RM2,000.00. Dalam semakan yang dibuat, seorang ada dua (2) orang Pegawai Kerajaan saya tak payah sebut apa jawatannya. Ada dua (2) orang Doktor. Doktor ini RM2,000.00 ke gaji dia? Ada seorang ahli perniagaan berjaya juga dapat. Hairan ni. Macam mana ni? Ahli perniagaan pun dapat, saya tak tahulah apa dia berniaga tapi saya pun kenal orang-orang ini. Jadi saya pun hairanlah. Yang Berhormat kalau boleh saya nak mintalah penjelasan mengenai perkara-perkara yang dijelaskan ini. Saya nak cadangkan supaya pihak Kerajaan, saya nak dengar dulu apa penggulangannya. Nanti saya akan minta apa juga daripada saya. Saya nak mencadangkan beberapa perkara lagi supaya salah guna kuasa ini diperbetulkan, kronisme ini yang diperjuangkan oleh DAP jangan sampai terpalit kepada diri sendiri. Kletokari atau pun klepetokrasi ini

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

nampaknya terpakai kepada diri sendiri. Hari ini saya nak beritahu kepada tuan-tuan, ahli-ahli Yang Berhormat. Datanglah ke Permatang. Walaupun kita bukan macam Sekinchan kata Jamal Pak Tongkol jual ikan murah tapi di Permatang sekarang ini ada pesta jual tanah murah sekarang ini. Ini tanah-tanah yang dapat ini, tuan-tuan, Yang Berhormat sekarang ini sedang dijual. Ambil duit sekarang, jual sebab dapat tanah percuma. Ada pesta sekarang. Kalau siapa-siapa nak datang, hubungi saya. Saya tapi bukan brokerlah. Sedang dijual tanah ini. Bayangkan itulah yang saya nak diharapkan dan akhirnya, akhirnya saya nak gulung. Kena gulung.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Satu minit sahaja. Jangan lebih satu minit.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sebab semalam ini, Yang Berhormat Sungai Burong sebut fasal IBR.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Boleh, boleh mencelah sikit? Bagilah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Dah nak tutup dah. Nak *landing* dah, dah merah. Semalam Sungai Burong sebut fasal IBR, Ikrar Bebas Rasuah. Agaknya sebab ini kot tak berani nak ikrar ni. Tapi walau bagaimanapun, Tuan Speaker, saya nak minta. Sebelum saya tutup ucapan ni, saya akan buat satu laporan kepada Setiausaha Agong DAP, Ketua Menteri Pulau Pinang supaya mengambil tindakan disiplin. Pertama kepada Sekinchan, kepada Kampung Tunku, Bukit Gasing, Teratai, Sungai Pinang kerana menghina Setiausaha Agong DAP yang menandatangani dan ikrar IBR. Mereka pertikaikan. Ini penghinaan kepada Setiausaha Agong. Saya akan buat laporan kepada Setiausaha Agong supaya diambil tindakan disiplin ini.

Jangan gelak-gelak Sungai Pinang. Sungai Pinang memang suka pun sebab dia bukan *team*. Jadi Yang Berhormat Speaker, saya mengharapkan jawapan yang telus, jawapan yang ikhlas, jawapan yang sebenar kepada apa yang saya timbulkan supaya perkara ini, skandal ini. Dan sekali lagi, saya sebelum sidang Dewan ini tutup, sebelum tamat Dewan akan mengemukakan satu memorandum kepada Speaker sebagai Pengerusi SELCAT supaya skandal tanah ini dibicarakan secara terbuka supaya ramai rakyat boleh melihat dan akhirnya rakyat di kawasan ini berpuas hati. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Terima kasih, Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. yang tidak terhingga kerana memelihara Kerajaan dan pentadbiran Negeri Selangor pada hari ini terus berdiri kukuh dan makmur. Saya menyifatkan belanjawan 2018 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor sebagai satu belanjawan yang berhemah, progresif, bersifat penyayang kepada rakyat dan dalam masa yang sama berunsur dinamik untuk memacu pertumbuhan Negeri Selangor agar terus berkembang dan maju ke hadapan. Saya dengan sukacita terlebih awal menyatakan di sini bahawa mengikut laporan Ketua Audit Negara tahun 2016, hutang Kerajaan Negeri Selangor adalah yang kedua terendah dalam negara berbanding negeri-negeri lain iaitu pada angka RM14.6 juta. Hanya Negeri Pulau Pinang mencatatkan angka lebih rendah daripada Selangor iaitu sifar hutang kepada Kerajaan Persekutuan. Negeri Selangor berada pada kedudukan yang sangat baik berbanding dengan dua (2) negeri teratas dalam senarai negeri yang paling banyak berhutang kepada Kerajaan Persekutuan iaitu Negeri Pahang sebanyak RM1.08 billion dan Kedah dengan jumlah RM1.028 billion. Kedudukan kewangan Negeri Selangor yang kukuh dan terhindar daripada beban hutang inilah yang memungkinkan dan mengupayakan Kerajaan Negeri Selangor untuk merencana dan membentangkan belanjawan yang berhemah, progresif, penyayang dan dinamik untuk kemajuan negeri dan rakyat. Belanjawan yang dibentangkan mencatatkan defisit sebanyak RM870 juta. Anggaran perbelanjaan negeri adalah RM3.12 billion, manakala anggaran hasil adalah RM2.25 billion. Saya berpendapat anggaran hasil negeri yang dijangkakan itu adalah suatu jangkaan yang konservatif dan berpeluang cerah untuk mencapai satu angka pencapaian yang lebih baik. Oleh yang demikian, angka belanjawan defisit ini pada akhirnya mungkin dapat dicekikan atau dikurangkan amaun defisit sebenar dan merupakan satu cabaran kepada Kerajaan Negeri dalam menguruskan ekonomi negeri dalam satu tahun mendatang. Walau bagaimanapun, kita merasa amat selesa apabila mengambil kira rezab negeri dalam keadaan yang sihat dan bertambah kepada RM3.24 billion pada setakat 31 Oktober 2017.

Negara kita mengamalkan sistem Kerajaan Persekutuan dengan agihan kuasa induk kepada Kerajaan Pusat. Di samping negeri-negeri masih mempunyai kuasa dalam bidang tertentu ke atas negeri masing-masing. Dalam keadaan sebegini, Negeri Selangor adalah sebahagian daripada Kerajaan Persekutuan. Maka kebanyakan tindak-tanduk dan pelaksanaan Polisi Kerajaan Negeri adalah tertakluk dan terkesan oleh Polisi dan tindak-tanduk Kerajaan Persekutuan. Belanjawan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM46 billion sahaja berbanding amaun keseluruhan sebanyak RM280 billion untuk tujuan pembangunan dan merupakan 16.41% daripada nilai belanjawan tersebut dan RM234 billion iaitu sebanyak 83.6% untuk pengurusan ini merupakan satu contoh. Ini bukanlah satu contoh yang baik untuk diikuti dan dijadikan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

teladan oleh negeri-negeri dalam Persekutuan kerana pecahan peruntukan untuk pembangunan begitu kecil dan tidak sesuai terutamanya kepada negeri yang sedang membangun untuk menuju status Negara Maju seperti Negara Malaysia ini.

Alhamdulillah, Negeri Selangor tidak terikut dengan amalan yang kurang sihat ini dan mengucapkan syabas kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana bijaksana dalam memberikan peruntukan pembangunan 53.2% dan pengurusan sebanyak 46.68%.

Tuan Timbalan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana mencadangkan peruntukan RM2 juta untuk membaik pulih dan menaik taraf tahfiz persendirian berjumlah 262 buah yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor sehingga Oktober 2017. Sesungguhnya tragedi kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqyah, Kampung Datuk Keramat telah mengorbankan 23 nyawa yang menggemparkan seluruh negara. Berikutan dengan itu, ramai ibu bapa yang bimbang dengan nasib keselamatan anak-anak mereka yang menuntut di Maahad Tahfiz persendirian yang berada di seluruh negara. Dengan usaha Kerajaan Negeri ini mengambil langkah untuk membantu Maahad-Maahad Tahfiz persendirian ini amat diperlukan untuk meningkatkan tahap keselamatan di sekolah masing-masing terutamanya menyediakan peralatan kebakaran dan juga menyediakan laluan kedua atau tangga kedua di premis masing-masing mengikut dengan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Bomba.

Saya juga menyeru kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mengubah sikap dalam menangani isu ke tidak patuhan sekolah-sekolah ini dengan peraturan-peraturan dan syarat-syarat keselamatan yang dikenakan dan dikuat kuasa oleh agensi-agensi yang berkenaan. Saya mendapat makluman umumnya sekolah tahfiz ini diberikan kelonggaran atau pun pelepasan daripada mematuhi dengan ketat beberapa syarat sebelum sekolah itu boleh beroperasi atas pertimbangan keagamaan dan kebajikan sosial. Namun, kita merasakan ianya ialah satu perkara yang amat perlu diperbaiki. Kita telah menyaksikan bagaimana sikap ini akhirnya menghantui kita apabila berlaku insiden yang tidak diingini.

Seterusnya adalah berkaitan dengan isu tebatan banjir. Saya merujuk kepada cadangan peruntukan pembangunan sebanyak RM11.4 juta untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Komitmen Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM4.73 billion bagi projek tebatan, maaf. RM11.4 juta untuk JPS menangani masalah banjir dan kita melihat bahawa ini adalah tragedi banjir telah mengakibatkan masalah yang besar kepada negara dan juga negeri kita ini. Kita melihat fenomena yang berlaku di Negeri Kelantan, Negeri Kedah dan yang terkini melanda di Negeri Pulau Pinang. Keadaan cuaca pada dekad terakhir ini sukar diramalkan dan boleh melanda mana-

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

mana tempat dan pada bila-bila masa di luar jangkaan kita. Sering diperkatakan langkah mencegah ini lebih baik daripada usaha untuk memulihkan. Oleh yang demikian, saya menyokong sepenuhnya cadangan untuk membuat kerja-kerja penebatan banjir dan menggesa agar kerja-kerja ini dilakukan dengan segera dan tambahan pula kawasan pantai di Negeri Selangor ialah kawasannya rendah, amnya terdedah kepada pasang besar dan sekiranya hujan lebat berlaku berterusan selama berjam-jam tentulah keadaan ini akan mengakibatkan banjir yang besar.

Seterusnya adalah berkaitan dengan program-program baru yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada bajet kali ini terlalu banyak yang telah diperkatakan. RM70 juta untuk program Kasih Ibu SMART Selangor, 136 unit Rumah Berkembar Setingkat di Felda Sungai Tinggi dan lain-lainnya. Juga termasuk RM3 juta skim insurans untuk pesawah, RM10 juta membiayai R&D, bio teknologi. Jadi dakwaan bahawa bajet kali ini adalah bajet yang tidak ada apa-apa nilai tambah, sama sahaja dengan program bajet terdahulu, ini adalah satu perkara yang saya kira tidak tepat sama sekali. Ini adalah perkara yang kita nanti-nantikan yang mana setiap tahun, bajet kita di Negeri Selangor ada perkara-perkara nilai tambah dan kebaikan khususnya dalam memastikan pentadbiran kita lebih baik dan juga pentadbiran kita mendapat manfaat yang terbaik untuk rakyat.

Juga seterusnya adalah berkaitan dengan Kad Peduli Sihat yang mana kalau sebelum ini bajet yang diperuntukkan adalah sebanyak RM500.00 telah dipertingkatkan kepada RM700.00. Pada masa yang sama digunakan untuk membiayai vaksin pneumokokol sebanyak RM180.00 kepada pemegang kad Peduli Sihat. Walau bagaimanapun, terdapat mungkin, perkara ini telah dibangkitkan oleh ramai ADUN dan juga perkara ini telah diambil maklum oleh pihak yang menganjurkan, yang mengendalikan program Kad Peduli Sihat ini tetapi perkara yang berkaitan dengan caj yang berlebihan yang dikenakan oleh pihak klinik adalah suatu perkara yang amat serius dan perkara ini haruslah diteliti dan juga pihak Selgater haruslah mengambil kira setiap aduan yang diterima. Dan antara contoh yang berlaku adalah pemegang Kad Peduli Sihat telah pergi ke klinik hanya mengalami masalah demam sahaja dan ubat yang dikeluarkan adalah dua jenis ya, mungkin panadol dan vitamin atau seumpamanya dan caj itu kalau mengikut kebiasaan adalah mungkin dalam RM30.00 sahaja. Tetapi pihak klinik telah mengenakan caj sebanyak RM60.00 yang mana RM50.00 diambil daripada kad dan RM10.00 dicaj kepada pesakit.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Mencelah Speaker. Inilah sebenarnya kenyataan yang saya sebutkan tadi. Berlaku ketirisan bila harga sebenarnya rendah tetapi dinaikkan sampai RM50.00. Jadi, klinik-klinik mengambil kesempatan. Yang ini

perlu dibuat pemantauan oleh Kerajaan Selangor. Saya harapkan perkara ini tidak berlaku lagi. Ini kenyataan sebenarnya.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Soalannya? Jadi, ya lah dalam setiap program yang kita anjurkan di sana sini tentu ada perkara yang berlaku sedikit kelemahan dan juga perlu penambahbaikan dan kita Kerajaan Negeri Selangor saya kira amat prihatin dan amat meneliti setiap juga aduan yang berlaku. Dan, oleh itu di antara sebab-sebab mungkin yang juga mendapat aduan daripada pihak klinik juga adalah pembayaran yang agak lewat yang diuruskan oleh pihak Selgate kepada klinik maka itulah antara punca mungkin itulah andaian saya ya, mungkin atas sebab itu mereka mengenakan sedikit juga caj kepada pesakit dan kita harap perkara ini tidak berlaku dan dari sudut klinik yang berkenaan juga yang mendapat aduan itu yang kita siasat dan juga pembayaran kepada klinik-klinik juga haruslah kita lakukan mengikut kaedah yang terpantas ya. Seterusnya adalah berkaitan dengan isu tempatan yang ingin saya bangkitkan iaitu isu lembu yang berkeliaran di kawasan Kg. Permatang Pasir, Kg. Seri Jugra dan Kg. Klanang. Isu ini telah berlarutan selama bertahun-tahun dan jabatan yang berkaitan iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Langat dan juga Majlis Daerah Kuala Langat dan Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat juga telah maklum tetapi tiada suatu penyelesaian yang baik yang dapat kita saksikan daripada masalah tersebut yang mana akhirnya lembu-lembu ini yang jumlahnya ratusan ekor merosakkan tanam-tanaman penduduk di kawasan kampung dan juga merosakkan saluran-saluran paip penduduk dan menyebabkan harta benda yang lain juga mengalami kerosakan. Dan mereka ini jumlahnya tidak ramai, penganjur ataupun penggembala lembu-lembu ini mungkin tiga orang atau empat orang yang terlibat dalam perkara ini dan diharapkan pihak jabatan yang berkenaan mengambil tindakan yang serius. Dan saya pernah juga mencadangkan pada JKKK untuk membuat suatu inisiatif menangkap sekiranya mereka lembu-lembu ini terlepas bebas menangkap tapi tentulah perkara ini akan menyebabkan pergaduhan atau seumpamanya dan pihak JKKK pun tidak sanggup untuk melaksanakan cadangan tersebut. Jadi, kita harapkan penyelesaian yang lebih serius dan yang lebih agresif yang perlu dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan. Seterusnya yang terakhir adalah saya ingin mendapat maklum balas daripada pihak daripada apa ni, Pejabat Daerah, Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat daripada Kerajaan iaitu berkaitan dengan isu Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3 (1) dan Pengisytiharan di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960, Akta 6464 bagi tujuan Pemuliharaan Alam Sekitar Mukim Morib, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan dan mungkin bajet pun telah diperuntukkan untuk pengambilan tanah ini. Namun bagaimana ianya telah dirayu oleh pihak-pihak yang melibatkan empat penama yang telah dikenal pasti untuk diambil tanah mereka. Jadi, saya memohon kepada pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas terhadap rayuan yang dikemukakan oleh pihak penama-penama yang sedia

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

maklum oleh pihak Kerajaan. Jadi, saya kira setakat itu saja, terima kasih. Saya menyokong bajet yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya minta semua Ahli Dewan Negeri duduk dulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan masih panjang dan belum selesai, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Dewan, Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai perbahasan Dasar Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 untuk membolehkan pihak Kerajaan membuat penggulungan pada hari esok”.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Baiklah semua ada peluang untuk bahas tapi 10 minit seorang. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, bersegera berbuat kebaikan dan *fissabil khairat* merupakan satu kalimah bagi menggalakkan semua untuk berlumba-lumba dan menyegerakan hal-hal yang berkaitan dengan kebaikan. Bajet 2018 Kerajaan Negeri Selangor dilihat bajet yang sangat realistik berasaskan keperluan rakyat akibat himpitan ekonomi dan kos sara hidup yang menyenangkan. Keadaan inflasi negara yang masih tinggi pada suku tahun pertama iaitu pada paras 4.3% yang akibat daripada kos pengangkutan sebanyak 15.8% telah menyebabkan kenaikan harga bahan api telah mengingatkan Kerajaan untuk berbelanja secara berhemah dalam menyediakan dan mengumumkan Bajet 2018 bagi Negeri Selangor. Tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan barisan Exco kerana telah berjaya menyediakan Bajet 2018 sebanyak RM3.14 billion dengan RM1.46 billion merupakan 46.8% bagi tujuan mengurus dan RM1.6 billion sebanyak 53.2% untuk tujuan pembangunan. Walaupun keadaan ekonomi yang dilihat menguncup, Selangor berjaya mengekalkan momentum dengan membahagikan peruntukan mengurus dan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

pembangunan tidak banyak perbezaan berbanding bajet tahun 2017 yang lalu. Jurang perbezaan antara belanja mengurus dan pembangunan yang dicadangkan memang sangat realistik walaupun ada sedikit penurunan untuk tujuan mengurus dan kenaikan sebanyak 1% untuk tujuan pembangunan. Sepanjang 2015 hingga 2017, Oktober 2017 sebanyak 364 projek telah dapat disempurnakan dengan peruntukan sebanyak RM3.16 billion. Walaupun RM3.16 billion diperuntukkan tetapi Kerajaan Negeri telah dapat menjimatkan sebanyak RM436 juta iaitu merupakan 13.8% daripada jumlah keseluruhan yang diperuntukkan. Jumlah penjimatan ini telah disalurkan terus kepada program-program rakyat melalui program Inisiatif Peduli Rakyat ataupun ringkasnya sebagai IPR. Ini dapat dicapai apabila pentadbiran dan pengurusan Kerajaan mengamalkan prinsip ketelusan, kecekapan dan tanggungjawab. Saya ingin sama-sama mengingatkan Kerajaan agar prinsip kebertanggungjawaban ini dapat diperkukuhkan lagi supaya setiap wang yang dibelanjakan adalah untuk manfaat rakyat dan kepentingan bagi negeri yang kita kasihi. Oleh itu, saya mencadangkan agar setiap pembangunan projek yang bakal disempurnakan bukan sekadar mempertimbangkan aspek penjimatan dan kepatuhan kepada tempoh penyiapan malah ianya juga perlu untuk mengambil kira kesan jangka panjang kepada generasi mendatang di samping implikasi alam sekitar. Kita tidak mahu projek-projek pembangunan fizikal yang dilaksanakan itu akan mengakibatkan kerosakan alam sekitar, pencemaran kualiti air dan udara, kehilangan kawasan tadahan dan terjadinya banjir kilat ataupun runtuh tebing mahupun cerun. Apabila ianya terjadi sudah pasti Kerajaan akan terpaksa menanggung risikonya dan ia sudah pasti juga akan melibatkan kos yang tidak terkawal. Dalam kesempatan ini juga saya ingin mengambil perhatian berkaitan dengan program pembangunan berkaitan pengangkutan, perindustrian dan pelaburan dengan memperuntukkan sebanyak RM241.6 juta yang merupakan 14.6% dari jumlah peruntukan keseluruhan pembangunan iaitu dalam hal perancangan bandar dan desa supaya memastikan pembangunan infrastruktur yang dirancang oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan dapat diselaraskan. Ini amat penting supaya kepentingan rakyat dapat diberi keutamaan, projek-projek lebuhraya seperti laluan LRT, MRT dan terkini merupakan *High Speed Rail* (HSR), semuanya ini melibatkan kepentingan rakyat. Maka dalam menentukan laluan ataupun jajaran, saya pohon agar ia dapat dielakkan kawasan penempatan terutamanya kawasan penempatan Melayu ataupun kawasan-kawasan kampung tradisi kerana ianya adalah merupakan identiti warisan yang perlu dikekalkan khususnya di Negeri Selangor ini. HSR yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan perlu elakkan kawasan penempatan sama ada ianya merupakan kawasan penempatan Melayu ataupun kawasan penempatan Cina mahupun India dan juga kawasan penempatan orang asal. Melaksanakan strategi *Smart Selangor* tidak akan lari daripada menyediakan prasarana berasaskan teknologi internet ataupun *wifi*. Lokasi *wifi* yang sedia ada perlulah dikaji semula agar ianya menepati capaian sasaran utama iaitu

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

rakyat luar bandar yang sukar memperoleh akses yang diperlukan. Saya mencadangkan agar pemasangan *wifi* ini ditentukan kriterianya seperti di tempat-tempat ataupun di pusat-pusat komuniti iaitu di perpustakaan desa, balai raya, dewan orang ramai ataupun di rumah-rumah ibadat termasuk juga masjid dan juga surau. Tidaklah ia dipasang di kafe-kafe ataupun di tempat-tempat, kedai-kedai mamak yang merata-rata. Dalam melaksanakan strategi kesejahteraan rakyat, aspek kesihatan dan tempat tinggal serta kesempurnaan prasarana menjadi kemestian yang perlu diutamakan. Aspek kesihatan yang merupakan perkara yang sangat penting terutamanya pesakit kronik seperti buah pinggang yang semakin hari semakin meningkat jumlahnya dan kos perubatannya merupakan kos yang agak tinggi, maka saya mencadangkan agar Kerajaan dapat membuat satu dasar bagi penubuhan pusat dialisis rakyat bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh Negeri Selangor dengan caj yang paling minimum bagi tujuan membantu golongan kurang berkemampuan di negeri ini. Dalam hal rumah kediaman, rakyat Negeri Selangor sangat berbangga kepada Kerajaan Negeri yang telah pun membina dan menyediakan Rumah Mampu Milik untuk dinikmati oleh rakyat Negeri Selangor. Memandangkan kos rumah milik ini kediaman ini semakin meningkat ramai di kalangan yang memerlukan tidak berupaya memilikinya akibat kelayakan pinjaman yang ditentukan oleh pihak bank itu sendiri. Maka saya dengan ini mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar menggubal satu dasar berkaitan dengan pembangunan penempatan desa melalui penyusunan semula dan pembesaran kampung-kampung tradisi, penempatan baharu bagi pekerja ladang dan penyusunan semula kampung-kampung bagan bagi tujuan agar pembangunan desa ini sejajar dengan Gagasan Smart Selangor sekali gus memberi peluang kepada generasi luar bandar yang tidak berminat tinggal di pekan-pekan atau pun di bandar untuk memiliki rumah kediaman masing-masing. Keseimbangan pembangunan berbanding dengan peningkatan taraf hidup juga harus diukur dengan jumlah pendapatan isi rumah dan kemampuan rakyat untuk berbelanja. Pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dengan nilai RM200 setiap bulan kepada isi rumah yang layak memang sangat menggembirakan ramai rakyat di Negeri Selangor. Tetapi sebagai sebuah Kerajaan yang peduli rakyat perlulah bertindak lebih berani dan bertanggungjawab dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan ataupun peluang-peluang tempat ataupun kawasan lokasi yang strategik bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat agar rakyat di Negeri Selangor ini dilatih atau dididik berusaha, berikhtiar untuk menambahkan pendapatan isi rumah masing-masing. Lokasi ataupun kawasan pertumbuhan ekonomi ini mestilah disokong oleh Kerajaan dengan kemudahan prasarana asas yang diperlukan. Tanjung Sepat ada memohon dua perkara yang sangat kronik ataupun sangat penting bagi kawasan ini bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Yang pertamanya berkaitan dengan Jeti Tanjung Sepat. *Alhamdulillah* saya bersyukur ke hadrat Allah SWT hari ini Jeti Tanjung

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Sepat telah pun siap disempurnakan dan kita mengharapkan dengan terbinanya penyiapan jeti ini akan dapat meningkatkan aktiviti masyarakat yang berkaitan ekonomi setempat. Lanjutan daripada ini saya juga bermohon kepada Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan agar dataran jeti tersebut dibangunkan dengan kemudahan-kemudahan asas dengan lengkap dengan gerai-gerai ataupun tempat-tempat untuk kita menaikkan ekonomi ataupun aktiviti masyarakat setempat. Yang kedua permintaan dan permohonan saya kepada Kerajaan Negeri agar mempertimbangkan tentang pencapaian yang cemerlang yang telah ditunjukkan oleh atlet-atlet sukan perahu layar lahir daripada anak tempatan Tanjung Sepat yang telah mengharumkan nama negeri dan negara kita di sukan perahu layar. Untuk tujuan itu saya mencadangkan ataupun mengharapkan agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk membaik pulih atau menaik taraf pantai Batu Laut yang merupakan lokasi latihan yang utama bagi Persatuan Sukan Layar Negeri Selangor yang telah pun melahirkan atlet mengharumkan nama negara dalam Sukan SEA dan juga di peringkat Antarabangsa. Dengan ini saya mencadang bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya bagi wanita dulu ya. Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana membenarkan Teratai menyertai perbahasan pada petang ini. Teratai mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor dengan mengemukakan RM3.12bilion bajet yang mana terdiri daripada 53.2% bajet pembangunan. Dengan memperkenalkan 5 strategi, Teratai yakin bahawa Kerajaan Pakatan dapat menjadi satu Kerajaan yang maju dengan melindungi rakyat di Selangor. Berkenaan dengan Smart Waste Management, Teratai mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Selangor dan KDEB dengan memperkenalkan Sistem iClean yang mana memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk dalam urusan kutipan sisa pepejal. Teratai juga berharap dengan memperkenalkan Sistem iClean ini KDEB juga dapat menguruskan sisa pepejal bukan sahaja sisa pepejal komersial kita katakan rumah tetapi juga dapat menguruskan sisa pepejal komersial dan juga pukal. Sejumlah RM10.6 juta disediakan untuk pembangunan infrastruktur digital termasuk penambahbaikan platform *Publicism Partnership* telah diperkenalkan dalam Bajet 2018 ini. Teratai mengalu-alukan rancangan sebegini yang demokratik dengan melibatkan rakyat dalam perancangan Selangor melalui kemudahan digital yang mana selaras dengan *local* Agenda 21. RM11 juta telah disediakan untuk pelaksanaan projek perhentian bas pintar dan SSDU dalam usaha membangunkan aplikasi *mobile* yang akan memaparkan waktu ketibaan bas Smart Selangor yang mana telah memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk setempat. Teratai merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Selangor dan juga pihak MPAJ dalam membekalkan perkhidmatan bas Smart Selangor melalui

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

kawasan DUN Teratai semoga satu laluan baru boleh masuk ke kawasan Pandan Perdana yang kebanyakannya terdiri daripada rumah pangsapuri, apartment yang tinggi. Bagi aplikasi mobile yang telah diperkenalkan pada pagi ini, Teratai juga berharap aplikasi ini dapat kelulusan daripada *Apple* yang mana pengguna-pengguna *Iphone* boleh juga menggunakan aplikasi *mobile* yang memberikan kemudahan dalam menaiki bas Smart Selangor ini. Untuk strategi yang kedua Meningkatkan Kesejahteraan Menjamin Keselamatan dalam Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar sebanyak RM30 juta telah disediakan untuk menggantikan lif-lif lama secara percuma. Teratai berharap supaya Geran 30 juta ini bukan sahaja untuk membeli lif-lif baru tetapi dapat juga digunakan untuk menukarkan lif-lif atau pun membaiki lif-lif di rumah pangsapuri kos rendah ataupun sederhana yang pada masa kini merupakan program berasaskan kongsi kos antara Kerajaan dan JNB. Bagi Skim Kesihatan Bersepadu, Teratai mengalu-alukan inisiatif skim ini yang mana merangkumi rawatan jantung, suntikan vaksin pneumokokal, penjagaan kesihatan mental dan juga perkhidmatan penjagaan paliatif bagi pesakit kanser. Teratai juga mencadangkan supaya Kerajaan Selangor boleh mengkaji sama ada kita boleh mewujudkan e-klinik dengan memberikan nasihat melalui Internet bagi penyakit-penyakit yang sesuai. Untuk pembudayaan wanita IWB, Teratai mengucapkan tahniah atas penubuhan IWB yang mana dasar wanita Selangor dan pelantikan telah diperkenalkan dengan 3 misi dan 7 matlamat. Teratai dengan ini ingin mengetengahkan laporan kaji selidik aspek keselamatan awam yang telah dipaparkan dalam laporan dasar dan pelan tindakan wanita Selangor yang mana 54.9% wanita berasa tidak selamat semasa berjalan di jalan raya, 15% wanita berasa sangat tidak selamat dan 57.6% berasa tidak selamat di ruang awam. Dengan ini Teratai berharap bajet infra yang telah diperuntukkan dalam Bajet 2018 ini haruslah memberi fokus untuk menangani masalah ini supaya wanita-wanita di Negeri Selangor berasa selamat apabila kita tinggal belajar ataupun berurusan di Selangor ini. Teratai mengalu-alukan bajet sejumlah RM7.8 juta diagihkan untuk IWB yang mana kita juga menanti-nantikan ada pelbagai dasar atau pun polisi Kerajaan yang memang menjaga rakyat wanita. Untuk mereformasi perkhidmatan PBT yang mana PBT telah mengambil pendekatan dalam perancangan pembangunan setempat yang mana antaranya ada PBT yang cuba melaksanakan *participatory budgeting* yang memberi ruang kepada penglibatan langsung masyarakat untuk merencana program dan projek yang mana dicadangkan 10% daripada keseluruhan belanjawan pembangunan PBT yang telah dicadangkan digunakan untuk tujuan ini. Teratai berharap apabila bajet yang telah dibentangkan bersama dengan JKP dalam PBT suara atau pun hasrat ahli-ahli JKP ataupun persatuan-persatuan penduduk KRT ataupun NGO-NGO lain dapat diambil kira dan dipandang berat semasa PBT-PBT merangka bajet masing-masing dan bukannya hanya apabila selepas berjumpa mereka selepas merangka ataupun mendrafkan bajet PBT masing-masing. Untuk hutan simpan dan SPA, Teratai ingin mengetengahkan masalah yang dikemukakan dalam

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 di mana semakan audit mendapati hanya 3 daripada keseluruhan 12 hutan lipur di Negeri Selangor telah diwartakan oleh JPNS yang lain yang belum diwartakan lagi. Masalah penebangan hutan untuk tujuan-tujuan berlainan bukan sahaja berlaku di Selangor tetapi juga di negeri lain tetapi di Negeri Selangor Kawasan DUN Teratai merupakan satu kawasan yang memang amat terjejas sekali apabila telah berlaku penebangan hutan secara berleluasa demi untuk memberi kemudahan atau memberi laluan kepada projek-projek daripada Kerajaan Persekutuan yang mana terlibat projek pemasangan ataupun Projek Lebu Raya SUKE di mana apabila selepas penebangan hutan-hutan simpan ini yang telah digazetkan terdapat habitat haiwan-haiwan telah hilang habitat. Terdapat kera-kera yang telah masuk ke kawasan taman perumahan yang mana telah merosakkan harga benda penduduk ataupun menimbulkan perasaan bimbang bagi kanak-kanak yang tinggal di kawasan taman perumahan. Bukan itu sahaja terdapat insiden banjir lumpur telah berlaku di Taman Bukit Teratai akibat pembangunan projek Lebu raya SUKE yang mana telah menyebabkan seramai penduduk-penduduk di kawasan Taman Bukit Teratai ini telah menjadi mangsa dan mereka terpaksa untuk pindah ke tempat lain buat sementara waktu. Ada antara mereka telah menghadapi kehilangan ataupun kerosakan benda mereka, harta benda mereka. Bagi Program Penjagaan dan Kawalan Tinggi, Teratai mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor dalam usaha untuk mencuba membaiki keadaan kes-kes denggi yang agak tinggi di Selangor ini. Akan Teratai tetapi berharap supaya bagi agensi-agensi yang terlibat haruslah melaksanakan program-program kerja dan musnah denggi ini dengan mengambil kira langkah-langkah yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Selangor dengan memastikan kes-kes denggi ini dapat dimusnahkan dan dapat dibanteras sekali. Teratai juga ingin mengetengahkan jejantas yang mana telah dimohon oleh Teratai sejak 3 tahun yang lepas di Taman Raya sampai hari ini kerja-kerja pembinaan jejantas ini masih belum bermula lagi. Saya juga ingin mengetengahkan kepentingan untuk pembinaan jejantas ini disebabkan di Taman Raya kita ada pelajar-pelajar dan juga warga emas yang selalunya terpaksa melintas jalan utama daripada Taman Raya ke kawasan komersil yang mana sering kali kita dapat maklumat bahawa kemalangan sering berlaku di situ. Dan saya juga dimaklumkan bahawa pembinaan jejantas ini tidak memerlukan kos yang tinggi jadi saya berharap Kerajaan Selangor dapat memulakan kerja pembinaan jejantas ini secepat mungkin. Saya juga ingin mengetengahkan dengan masalah kesesakan lalu lintas di sekitar Taman Putera dan Taman Muda ini dan minggu yang lepas saya mengucapkan terima kasih kepada pihak JD JKR Hulu Langat Ir. Shahbudin yang mana beliau turun pada bersama dengan saya untuk meninjau keadaan lalu lintas Jalan Teratai/1 yang mana difahamkan sebahagian jalan itu di bawah penyelenggaraan JKR tapi sebahagian pula di bawah penyelenggaraan MPAJ tetapi selepas sesi turun padang itu saya difahamkan bahawa pihak JKR memang bersedia untuk menolong supaya menaik taraf keadaan jalan raya di sekitar Taman Putera dan Taman Muda itu

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

hanya melibatkan anggaran kos RM90,000 sahaja. Dan saya mohon supaya EXCO dan Kerajaan Selangor melepaskan anggaran kos kepada JKR yang mana supaya membenarkan pihak JKR untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan kerja-kerja menaiktarafkan keadaan lalu lintas di sekitar Taman Muda dan Taman Putera ini. Bagi strategi yang ketiga, memperkasa kualiti pendidikan dan kemahiran berinovasi. Sejumlah RM101.73 juta telah diperuntukkan dalam bajet 2018 untuk pendidikan tinggi. Yang mana Teratai mengalu-alukan satu perancangan yang kita kata berani dan juga daripada Kerajaan Selangor. Teratai berkongsi kebimbangan Dato Menteri Besar dengan keadaan tujuh belas ribu empat ratus empat puluh empat orang pelajar Maahad Tahfiz persendirian yang tidak dilengkapkan dengan peluang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Teratai berharap dengan adakan projek begini program SMART Tahfiz dan program bimbingan Hufaz, Bifaz diperluaskan untuk golongan tersebut bagi pelajar-pelajar tersebut supaya mereka boleh menduduki peperiksaan SPM. Untuk strategi keempat merakyatkan budaya warisan intelek dan menyegarkan jasmani dan lingkungan Teratai merakamkan penghargaan saya terhadap PPS dalam usaha membina perpustakaan komuniti di DUN Teratai. Dan untuk elimen kebudayaan juga sejumlah lima perpuluhan juta telah diperuntukkan untuk memajukan kegiatan dan aktiviti budaya dan seni dalam masyarakat. Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat memperuntukkan bajet untuk pasukan Tarian Singa dan Naga yang merupakan salah satu budaya seni dan sukan Malaysia di mana pasukan Tarian Singa dan Naga di Selangor telah mencapai Malaysia Book Of Records dalam beberapa tahun yang lepas. Kemudian mereka juga telah mencapai Guinness Book Of Records yang mana kedua-dua rekod ini telah membawa nama baik Selangor. Dan untuk strategi kelima membangun negeri penyayang. Kasih Ibu SMART Selangor yang mana tujuh puluh dua juta telah diperuntukkan untuk tiga puluh ribu ibu untuk dalam bajet 2018 ini di mana bagi Kasih Ibu SMART Selangor ini Teratai berharap supaya bagi kad ini haruslah diberi kepada ibu-ibu yang mana menghadapi kesukaran dan kesusahan khususnya untuk ibu-ibu tunggal. Dan bagi program Jom Shopping yang mana setelah dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor bertahun-tahun Teratai telah terima permintaan daripada penduduk ataupun peserta Jom Shopping supaya seratus ringgit itu harap dapat ditambahkan kepada dua ratus ringgit. Dan untuk warga emas kita ada skim mesra...aa....SMUE, Skim Mesra Usia Emas, yang mana Teratai telah dapat ramai warga emas yang memohon supaya Kerajaan Selangor dapat mengadakan satu bajet untuk warga emas dan bukannya hanya sekadar untuk Khairat Kematian supaya warga emas yang telah berkhidmat dalam Negara kita khususnya di Selangor mereka juga dapat menikmati Program Inisiatif Peduli Rakyat yang khususnya untuk warga emas ni. Dan Teratai dengan ini mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Selangor dan Teratai berharap apa yang telah diketengahkan oleh Teratai ini dapat diambil berat oleh Kerajaan Selangor dan tindakan yang tidak melibatkan bajet yang tinggi haruslah diambil tindakan secepat mungkin. Sekian, Teratai menyokong.

TUAN SPEAKER: Semenyih, sepuluh minit.

Y.B. DATUKJOHAN BIN ABD AZIZ: Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum waramatullahitaala wabaraqatuh. Salam sejahtera. Salam satu Malaysia. Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada Semenyih untuk sama-sama membahaskan Bajet Belanjawan Selangor 2018 yang telah dibentangkan oleh YAB Menteri Besar pada Jumaat lepas. Tuan Speaker, pada awal pembentangan bajet tersebut YAB Menteri Besar telah menyatakan pada tahun 2018 negeri akan memperolehi anggaran hasil sebanyak RM2.25 billion. Namun amat menyedihkan kerana hampir keseluruhan hasil tersebut ialah dari duit yang diambil dari wang rakyat melalui kutipan premium tanah iaitu sebanyak 48.3 % atau 1.09 billion dan hasil cukai tanah iaitu sebanyak 23.3% ataupun lima ratus juta. Saya nak tanya pada pihak Kerajaan apakah rakyat dapat setelah menjadi penyumbang utama kepada pendapatan hasil negeri. YAB Menteri Besar juga ada menyentuh beberapa perkara yang cuba menggambarkan keperhatian Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kesejahteraan serta menjamin keselamatan rakyat di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana. Saya tak pasti Kerajaan Negeri ni baru bangun dari tidur ke atau apa saya tak pasti. Untuk maklumat ahli Dewan Yang Mulia ini, pada 21 Mei 2017, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan pemberian 23 unit lif yang dilengkapi dengan kad akses keselamatan di PPR Lembah Subang 1 yang menelan belanja kos enam belas juta ditanggung oleh Kementerian Perumahan dan Tempatan. Tapi bila dalam pengumuman bajet Selangor 2018 YAB Menteri Besar menyebut mulai tahun ini Kerajaan Negeri telah melaksanakan SMART LIFE dengan memberi bantuan khas berjumlah tiga puluh juta menggantikan lif-lif lama secara percuma tanpa perkongsian dengan penduduk. Kenapa lama sangat nak buat keputusan ni. Ini apa Tuan Speaker, berapa banyak lif nak letak dalam satu bangunan. KPKT baru letak. Ni tiba-tiba Kerajaan Negeri pun nak letak juga. Saya kira berat kalau bumbung lif nak ditaruk sampai double boleh roboh rumah. Jadi saya kira ini adalah juga bajet yang dibentangkan untuk meletakkan kos sebanyak tiga puluh juta ini untuk baiki lif ini adalah bajet untuk pilihan raya. Baru Kerajaan Negeri umum itu. Ini walhal semua telah diselesaikan oleh Kerajaan Persekutuan. Malangnya rakyat Selangor sejak Pakatan Harapan mentadbir negeri pada 2008 bermacam-macam masalah telah membelenggu penduduk di kawasan perumahan tersebut. Oleh kerana sikap tidak peduli yang galak diamalkan oleh pihak Kerajaan Negeri sepanjang memegang tampuk kuasa. Untuk pengetahuan Ahli Y.B. sekalian, cas sewaan di perumahan tersebut dikutip oleh Kerajaan Negeri setiap bulan tanpa gagal tanpa memberi hasil waima satu sen pun kepada Kerajaan Pusat. Tetapi bila sampai kepada bab penyelenggaraan, rosak itu dan ini Kerajaan Negeri sewenang-wenangnya menolak masalah tersebut kepada Kerajaan Pusat. Di manakah lojiknya perkara ini. Kita berterima kasih atas sikap gentleman Kerajaan Pusat yang tidak berminat untuk memanjangkan masalah ini. Kerana apa yang lebih penting adalah soal memastikan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

keselamatan dan kesejahteraan penduduk di kawasan perumahan tersebut dapat dijaga dengan baik. Maka Kerajaan Pusat telah memberi tawaran kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil semula PPR Lembah Subang 1 untuk diuruskan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Namun pun begitu alangkah malangnya nasib penduduk PPR Lembah Subang 1 apabila Kerajaan Negeri Selangor pula yang enggan membawa masalah ini kepada jalan penyelesaian. Tuntutan sebanyak enam puluh juta pula dikeluarkan daripada Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Pusat Kononnya kos penyelenggaraan bangunan kebersihan serta penyeliaan kesemua lif melibatkan lapan blok di kawasan perumahan tersebut telah ditanggung oleh Majlis Perbandaran MBPJ. Kita beranggapan barangkali Kerajaan Negeri berurusan dengan bunian agaknya. Keranan keadaan kawasan perumahan itu masih lagi sama, tidak berubah, bahaya dan menyedihkan sehingga ke hari ini.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta celah

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Penduduk di kawasan, minta maaf masa tak cukup. Penduduk di kawasan tersebut bukan sahaja berdepan dengan masalah sampah, yang menimbun tidak berkutip tetapi juga masalah-masalah besar yang lain, seperti lif rosak, tangki kumbahan tersumbat dan paip bocor sehingga menjejaskan kesihatan penduduk. Kerajaan Persekutuan tidak pernah berkira dengan kos yang dikeluarkan untuk membantu meningkatkan prasarana seperti membina tempat letak kereta bertingkat, memasang cctv dan menaiktaraf landskap kerana semua ini dilakukan sebab ingin memastikan penduduk yang juga merupakan rakyat marhein mendapat pembelaan yang sewajarnya. Tetapi Kerajaan Negeri Selangor terus ingin berpolitik daripada mengutamakan kebajikan rakyat. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini pada tahun 2017 sahaja Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meluluskan sebanyak seratus enam puluh juta Tabung TP1M dikenakan pembayaran, tidak dikenakan, tanpa dikenakan pembayaran perkongsian untuk membantu menyelesaikan masalah perumahan rakyat yang diabaikan Kerajaan Negeri hampir Sembilan tahun lebih. Seperkara lagi dukacita saya mengongsikan pada sesi Dewan Yang Mulia ini kesan daripada sikap tidak peduli yang diamalkan oleh Kerajaan yang enggan membela rakyat susah dan dianggap kelas bawahan sehingga kini PPR Lembah Subang 1 mempunyai seribu tujuh ratus lapan puluh sembilan bil TNB tertunggak dengan bernilai RM1.48 juta. Bil ini masih lagi di bawah Ketua Pengarah Jabatan Perumahan. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Selangor memang langsung tiada berminat untuk mengambil tahu hal penduduk di sini. Jika benar mereka prihatin sudah tentu nama bil elektrik ini telah ditukar sebelum ini kepada penghuni-penghuni. Jika sekecil-kecil perkara ini pun Kerajaan Negeri gagal untuk ambil kisah apatah lagi hal besar yang lain. Mereka hanya mengambil hasil dari apa yang telah diusahakan oleh Barisan Nasional sebelum ini. Tetapi setelah mendapat kuasa habis rosak binasa. Layaklah mereka ini digelar sebagai cencorot politik.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Sosoknya susah untuk dilihat tetapi keberadaannya membawa penyakit dan musibah kepada masyarakat. Barisan Nasional ingin mendesak agar Kerajaan Negeri dapat bangun dari lena yang panjang, marilah turun padang, untuk melihat masalah rakyat di PPR Lembah Subang 1 ini. Usahlah mengaburi mata rakyat dengan mendendangkan peruntukkan yang tidak dapat dipastikan sama ada benar-benar sampai kepada rakyat atau sebaliknya. Sebagai contoh, skim ceria yang dikatakan telah dilaksanakan pada 2010 hingga kini, dan telah menelan belanja RM9.2 juta hanyalah omongan kosong yang dibualkan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat Negeri Selangor kerana di PPR Lembah Subang 1 antaranya masih lagi tidak menerima menafaat seperti apa yang dilaporkan. Cukup-cukuplah berselindung di sebalik keghairahan gaya percakapan yang kononnya nampak cerdik tetapi akhirnya orang susah yang akan terus sengsara kerana tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Barisan Nasional yakin golongan marhaein yang susah yang dianggap tidak penting oleh Kerajaan Negeri ini akan menghukum Kerajaan Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum akan datang.

Tuan Speaker, saya ingin juga menyentuh tentang ini bukan tiap-tiap tahun Lembah Subang, Sekinchan, kau cakap siapa Sekinchan.

Y.B. NG SUEE LIM: Kan tu mesti macam tu pusing

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Mohon mencelah nak tanya saja. Berkenaan dengan Skim Ceria ini yang telah dikatakan oleh Y.B.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Speaker, boleh main-main berdiri cakap tu...

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Ya sekejap saja saya mencelah, satu minit sahaja.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Tak layaklah Sekinchan nak buat kecoh....

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Sangat ambil berat tentang Skim Ceria ni, kata hari tu bangunan akan runtuh akibat cat tebal ni. Nak tanya...bagaimana

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Isu rumah....

TUAN SPEAKER: Teratai duduk, Semenyih teruskan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Kerajaan Negeri, isu rumah Selangor ini dalam merealisasikan dasar pendemokrasian pemilikan rumah di Negeri Selangor. Secara asasnya penukaran dan pelepasan status atau kouta bumiputera untuk rumah-rumah mewah dalam kategori rumah kos rendah adalah dibenarkan dan menjadi amalan Kerajaan Negeri sejak dari dulu lagi. Ia terpakai kepada rumah-rumah mewah yang telah melepasi tempoh dan syarat tertentu bagi mengelakkan lambakan rumah dengan harga mampu tengok yang tidak terjual kepada pembeli bumiputera. Permohonan ini lazimnya dibuat oleh pemaju perumahan untuk mengelakkan kerugian yang besar dan menjadi beban kepada komitmen pembiayaan projek pembangunan mereka. Barisan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Nasional ingin mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri Selangor dapat menetapkan bahawa salah-satu syarat yang mesti dipenuhi oleh pemaju dalam membuat permohonan pelepasan status bumiputera tersebut ialah dengan pemaju diwajibkan memberikan sumbangan kepada Kerajaan Negeri jumlah diperingkat awal yang boleh ditetapkan adalah sebanyak 50% daripada diskaun bumiputera yang diperuntukkan. Sumbangan atau kutipan yang diperolehi hasil bayaran penukaran dan pelepasan status bumiputera ini kemudiannya mesti dimasukkan ke dalam tabung perumahan bumiputera dan dana ini seterusnya akan digunakan oleh Kerajaan Negeri melalui syarikat berkaitan Kerajaan Negeri GLC sebagai sumber dana dalam perbelanjaan. Hal ini kerana permintaan permohonan bumiputera di Selangor untuk mendapatkan rumah mampu milik seringkali ditolak dengan sebab tidak lepas syarat pembiayaan. Banyak sangat kerenah birokrasi seolah-olah ianya menidakkan mereka untuk memiliki rumah sebagai keperluan asas. Terutamanya bagi golongan yang telah berumah tangga. Manakan tidak hal ini disokong oleh statistik pembinaan perumahan dari tahun 2010 sehingga kini yang mencatat bahawa 117 projek berjumlah 53,510 telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Daripada jumlah ini sebanyak 2,546 unit telah siap dibina, manakala sebanyak 16,922 unit sedang dibina dan selebihnya menjadi tanda tanya. Persoalan yang timbul adakah Kerajaan Negeri Selangor hanya membentangkan perkara yang retorik kepada rakyat negeri Selangor tanpa mengambil kira kredibiliti untuk melaksanakan apa yang telah dijanjikan. Kononnya Kerajaan Negeri Selangor lebih ke depan dalam isu rumah. Saya ingin berkongsi dengan Ahli Yang Berhormat, kebelakangan ini semalam saya membangkit menanyakan rumah Selangorku di Semenyih kerana disebut oleh EXCO. Bila saya tanya 16 unit di mana Batu 18, Jalan Semenyih. Saya pun tak tahu secara umum begitu. Saya nak maklumkan bahawa dan ada dibagi tahu oleh EXCO bahawa lagi tiga tahun, lagi akan datang akan ada lagi banyak sebut nama satu pemaju yang begitu besar di Semenyih iaitu Eco World, Eco Hill. Saya nak bagi tahu kelulusan saya pun dah pergi meninjau dan bertanya kelulusan memang dah diberi untuk syarat Selangorku tetapi dah tiga tahun rumah *double storey*, rumah semi D, rumah lot banglo sudah habis dijual. Hingga ke hari ini Selangorku dia tak ada! "*lek!*" dengan izin. Ini berlaku. Jadi rakyat marhaen menunggu sampai sekarang, saya difahamkan juga bahawa yang dulu telah dikenakan, saya tak pasti ini saya akan semak dan akan siasat. Dah pun diluluskan Selangorku, saya difahamkan, nak dipindahkan pula ke tempat lain, Selangorku ini. Jadi, bilalah rakyat akan dapat. Dan saya difahamkan juga, saya kira pemaju dicekik oleh Kerajaan. Kenapa saya cakap begini kerana saya pun dah tanya berapa banyak buah Selangorku setiap perumahan yang wujud? Kerajaan Negeri mengenakan syarat 50% daripada rumah itu mesti buat wajib Selangorku. Type A, B, C dan D. 50%! Dan patutlah harga rumah dua tingkat di Semenyih RM500,000 ke atas dan patutlah mereka buat rumah dua tingkat ini terlebih dahulu sebab nak *cover* balik. Ni premium tanah dah ambil, itu

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

yang saya cakap boleh dikata pemaju dicekik di Selangor ini. Dan saiz rumah ini adalah 600 kaki....

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN : Boleh mencelah. Tak Boleh?

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Tak yah. Masa saya tak ada. Kalau dia nak bagi 10 minit lagi boleh.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Semenyih cakap untuk *developer* ke untuk rakyat?

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Saya bercakap untuk rakyat kerana telah dikenakan syarat untuk Selangorku tapi sampai hari ini dah tiga tahun dah! Tak ada rumah Selangorkunya.. 16 unit.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Bukan untuk *developer*?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN : Ni kita *confius* Semenyih ni nak rumah Selangorku ke tak nak rumah Selangorku ni?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Seolah-olah Semenyih bela pemaju tanah daripada rakyat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN : Semenyih ni nak rumah Selangorku ke tak nak rumah Selangorku ni?

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Soalannya kenapa Kerajaan Negeri tak buat? Saya pernah cakap di dewan ini. Tanah Kerajaan Negeri ada kenapa rumah mampu milik Kerajaan Negeri tidak bina? Buat sendiri *collection* daripada premium pun banyak berjuta-juta buatlah. Bagilah dulu PKNS harga 15,000, 25,000 banyak rakyat miskin di Selangor yang menunggu ini. Bukan di Semenyih sahaja.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat ada contoh tak?

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Tunggu! Tak usah! Jangan bangun tanpa kebenaran!

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Pasti kawasan Semenyih ada contoh satu, dua pun tak apa...

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Tak, kenapa *you* cakap ni?

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya tanya soalan lah.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Saya, *you* bercakap saya tak kacau. Mintalah kebenaran dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, minta kebenaran, saya nak tanya..

Y.B. DATUK JOHAN BIN AZIZ : Ha, saya tak benarkan, Speaker, Puan Speaker saya tak benarkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, terima kasih kerana tidak membenarkan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Dan saya nak tanya pemaju Kerajaan Negeri bila berunding masih ke nak bina rumah bersaiz 600 kaki? Saya difahamkan di tempat saya ada syarat untuk Selangorku 600 kaki, 3 bilik? Cubalah bayangkan, kalau boleh ubahlah. Fikirlah kesejahteraan rakyat yang kata peduli rakyat ini. Dan 600 kaki rumah bertingkat. Jadi, itu hal rumah yang mampu tengok atau mampu jeling saja banyak yang mana rakyat di bawah tidak mampu untuk beli. Saya akhirnya, nak bangkitkan, Tuan Speaker saya ambil masa sedikit untuk bangkitkan isu. Saya kira kezaliman di Permatang ada bangkitkan di dalam DUN nya, saya nak bangkitkan dalam DUN saya kemungkinan mereka tahu ada sidang DUN dan memang mereka mengharap untuk saya bangkitkan. Satu pemaju, masalah projek perumahan apartmen Penta Height Sdn. Bhd. Taman Desa Mutiara Semenyih, mukim Kajang. Saya pun terkejut. 2014, tanah ini dirampas dan Kerajaan Negeri mengambil keputusan pindahkan hak miliknya diambil oleh Menteri Besar Selangor Pembedaan (MBI) 2014. Rumah ini 120 unit rumah kos rendah dan 100 unit rumah kos sederhana. Saya sebenarnya semalam baru dapat semua *detail* ini sempat saya semak perkara ini, saya dapat lihat mereka ini teraniaya. Inikah dikatakan Kerajaan Peduli Rakyat? Saya lihat mereka ini teraniaya sebelum ini, tak ada orang yang sanggup jadi melaksanakan JMB dan ianya diuruskan oleh persatuan penduduk dan mereka ini bayar, mereka ini memberi saya dokumen yang lengkap, pembayaran-pembayaran mereka dan hak milik strata yang mereka telah bayar sepenuhnya. Akhirnya 2014, saya tanya kenapa lambat sangat nak bagi tahu saya? Dia cakap saya pernah dah nak pergi ke Semenyih tapi saya diugut. Saya tak nak dedahkan penghuni rumah ini yang buat aduan ini kerana mungkin betul juga dia diugut kerana dia dah mengadu. Saya tanya dah mengadu sampai mana? Dia cakap Ahli Majlis dah mengadu, semua dah mengadu. Akhirnya saya rasa penduduk marhaen ini di Sungai Jeluk, saya rasa teraniaya. Jadi saya minta Kerajaan Negeri kajilah semula balik iaitu satu projek perumahan yang berada di Sungai Jeluk yang saya sebutkan tadi Taman Desa Mutiara, Semenyih. Saya kira satu penzaliman. Kalaulah

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

MBI nak mengambil rumah, tanah, mengambil alih tanah ini yang mana terdiri rumah di situ sebanyak 220 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Jadi saya kira perkara ini sangat penting untuk rakyat dan penduduk sebab itu saya bawa. Dan kalau misal kata Kerajaan Negeri, EXCO yang bertanggungjawab ingin *detail* ini, saya sedia untuk bekerjasama membantu menyelesaikan masalah rakyat yang saya kira penzaliman berlaku kepada mereka. Akhir sekali, saya juga nak merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada bekas-bekas Menteri Besar. Saya kira daripada zaman Dato' Hormat Rafie, 7 tahun jadi Menteri Besar di Selangor dapat mewujudkan ibu negeri Selangor, lengkap dengan Istana Sultan dan Raja Muda, Dewan Negeri, Perpustakaan Negeri, Masjid Negeri dan lebih tiga puluh seksyen taman-taman perumahan, zon-zon industri. Di zaman Dato' Harun juga 11 tahun membina, menubuhkan syarikat-syarikat, di mana hari ini saya kira rakyat Selangor yang menerima hasilnya yang dinikmati oleh rakyat Selangor seterusnya membawa kekayaan. Zaman Tan Sri Mat Taib mengumumkan pada tahun 2005 Selangor maju. Jadi saya ingin merakamkan juga kepada bekas-bekas Menteri Besar, sama ada yang telah pun meninggal dunia, jadi banyak jasa mereka. Hari ini Kerajaan Pakatan Harapan *continue* sahaja, sambung! Saya tak nampak bangunan-bangunan yang akan dibanggakan yang akan, saya cakap tadi 7 tahun pemerintahan, dan hari ini saya cakap tadi 9 tahun Selangorku pun saya tak nampak di Semenyih. Jadi saya kira wajib kita menyampaikan terima kasih kepada mereka-mereka yang telah banyak jasa dalam memastikan kejayaan negeri Selangor pada hari ini yang cukup-cukup kita banggakan. Tadi Kg. Tunku pantun saya dah janji saya nak jawab pantun dia.

TUAN SPEAKER : Cukup masa Semenyih untuk pantun.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Dua kerat ja.

TUAN SPEAKER : Dua kerat. Cepat-cepat.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :

Mendung Si Mega mendung, Mendung datang dari utara,
Jangan salah kita menyanjung, Sanjunglah orang yang benar-benar berjasa.

Terima kasih kerana memberi. Kalau nak sambung ada lagi. Boleh Speaker? Cukup?

TUAN SPEAKER : Cukup.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Terima kasih banyak-banyak kepada Tuan Speaker kerana memberi saya peluang untuk berbahas.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang, sepuluh minit.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum w.b.t. dan selamat petang. Pertama kali Seri Serdang mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar atas pembentangan bajet 2018 yang cukup baik sepanjang berKerajaan di Selangor. Terima kasih juga kepada JPS, Pejabat Daerah Petaling, MPSJ dan semua yang terlibat dalam membangunkan negeri Selangor dan N29 Seri Serdang. Seiring dengan IWB dan PWB, sebab ramai ADUN-ADUN tidak sentuh tentang IWB dan PWB. Seri Serdang ingin menyentuh bajet RM7.8 juta untuk PWB dan RM30 ribu sebelum ini dinaikkan kepada RM50 ribu untuk PWB. Tahniah dan terima kasih EXCO wanita yang sering bekerja sama menaikkan imej wanita. Seri Serdang sekali lagi mengucapkan tahniah terutamanya kepada EXCO Wanita berjaya memikat hati wanita di negeri Selangor dengan program-program PWB, Seri Serdang menyambut baik, dapat mempertingkatkan ilmu pendidikan dan mempertingkatkan ilmu pendidikan, mempertahankan diri perundangan dan masakan dan berbagai program untuk memikat hati wanita di bawah DUN Seri Serdang. Tidak ketinggalan juga wanita orang asal, yang PWB turun mengajar mereka untuk memasak masakan tradisional iaitu "Masak Lemak Cili Api Ayam". Ini telah menaikkan imej orang-orang asal dan amat suka dengan program-program PWB. Di sini Seri Serdang ingin mencadangkan kepada EXCO wanita, sempena kenaikan bajet ini, Seri Serdang ingin mencadangkan supaya menaikkan elaun penyelarasan PWB di setiap DUN dengan khidmat mereka tidak mengenal masa dan ketika, mereka sentiasa membantu wanita-wanita di luar sana agar memberi sokongan dengan program-program PWB di samping membantu ADUN mereka sendiri. Yang kedua berkenaan dengan PTRS. Program Tuisyen Rakyat diperluaskan kepada pelajar-pelajar UPSR, PT3 dan SPM. Yang diperuntukkan 3.4 juta dan tahun 2018 meningkat 3.9 juta untuk meneruskan program Seri Serdang ingin mengucapkan tahniah juga kepada EXCO Pendidikan dengan peningkatan pengurus mengurus PTRS dan dengan demikian juga menaikkan bajet 2018. Seri Serdang juga ingin mencadangkan untuk menaikkan elaun KPPI yang berpatutan dan bonus juga untuk mereka harus diberikan. Semua pelajar-pelajar PTRS ini adalah aset Kerajaan Negeri dalam membangunkan pendidikan akan datang. Bas Smart Selangor, seiring dengan pembangunan Kerajaan Negeri Seri Serdang ingin mencadangkan supaya mengadakan laluan di antara Puchong Permai tempat pemindahan dan orang-orang rakyat marhaen di sana ke Hospital Besar Serdang, memandangkan *transport* di sana agak sukar untuk didapati. Begitu juga berkenaan dengan pembangunan modal insan yang telah diperuntukkan 5.6 . Alhamdulillah peruntukan untuk Pembangunan Modal Insan bagi melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan yang bertujuan untuk menyiapkan sumber daya manusia yang berketerampilan dengan mengaktifkan semua DUN untuk belia melalui pejabat ADUN. Seri Serdang ingin mencadangkan program SPIES dikembalikan dengan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

syllabus bina insan ini diterapkan daripada usia 13 tahun ke atas. Pembentukan akhlak ini perlu diterap dari usia yang muda. Bak kata pepatah “melentur aur biar dari rebungya”. Banyak kes-kes disiplin berlaku di peringkat sekolah menengah yang begitu juga mendorong gejala-gejala samseng di sekolah-sekolah dengan keadaan sekarang. Memperdayakan Institusi Islam. Seri Serdang ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang berkembang pesat dengan pembangunan pesat sekolah-sekolah agama. Contoh MEPS begitu juga dengan masjid-masjid baru yang akan dibina. Seri Serdang ingin memohon supaya dipercepatkan pembinaan SRA Puchong Perdana memandangkan pertambahan murid setiap tahun dan tidak lagi sesuai tempat yang ada sekarang kerana bersebelahan dengan stesen LRT Puchong Perdana. Seri Serdang juga ingin menyarankan peruntukan kepada Maahad Tahfiz Vokasional. Di mana Maahad Tahfiz Vokasional adalah satu-satunya yang terletak di bawah DUN Seri Serdang dan adalah satu-satunya di Selangor yang sedang beroperasi dengan pesat. Dan InsyaAllah kurikulum Maahad Tahfiz Vokasional ini akan diperkenalkan di seluruh Malaysia terutama dari segi kulinari, pembaikan automotif dan juga jahitan. Dan InsyaAllah saya mohon Kerajaan Negeri memandang serius berkenaan dengan Maahad Tahfiz Vokasional di samping mereka adalah yang bakal akan menjadi Hufaz-hufaz di negeri Selangor, InsyaAllah. Seri Serdang ingin memohon juga agar dapat membina sebuah masjid di Taman Lestari Putera. Pendudukan majoriti Islam, melebihi 20,000 orang, pembangunan perumahan yang baru dan telah pun digazetkan oleh *developer* sebagai tapak masjid. Dan untuk peruntukan tapak masjid ini, bersama dengan sekolah agama. Seri Serdang juga ingin mencadangkan supaya seiring dengan masjid ini dibina juga SRA di kawasan masjid Taman Lestari Putera ini. Harap pihak Kerajaan boleh membantu pembinaan ini walaupun Seri Serdang telah pun mendapat tahun ini dibenarkan untuk solat iaitu di masjid Seri Aman yang telah pun beroperasi. Seri Serdang juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato’ Menteri Besar dan juga pejabat Daerah di mana telah pun dapat mengurniakan geran kekal untuk penduduk Kampung Seri Aman yang seramai memohon 250 dan berjaya memberi geran kekal sebanyak 45 orang walaupun dalam kuantiti yang kecil tetapi sekurang-kurang pelaksanaan ini telah pun dijalankan. Dan InsyaAllah Seri Serdang menggesa kepada Pejabat Daerah Petaling supaya mempercepatkan supaya dapat mengeluarkan geran-geran ini secepat mungkin kerana yang menunggu hampir 30 tahun yang lalu. Ini juga kerja dari tangan-tangan orang terdahulu. Seri Serdang ingin menyebut sedikit ada geran-geran dalam lombong, lombong buaya ya tuan-tuan dan puan-puan ye. Ahli Dewan, untuk makluman lombong buaya adalah satu-satunya lombong di Puchong ada geran di dalamnya. Tetapi sekarang mungkin dah kurangnya, dah dimasukkan dalam sidang DUN yang lepas, tetapi Alhamdulillah lombong ini berhampiran dengan masjid yang terkini ya. Dan masjid ini adalah satu masjid hasil daripada peruntukan, kutipan orang-orang ramai dan peruntukan dari Wakaf Selangor dan peruntukan dari berbagai-bagai pihak yang menyumbang,

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Alhamdulillah masjid ini terdiri adalah satu-satu masjid di dalam Kampung Seri Aman yang mempunyai pengundi seramai 4,000 orang. Seri Serdang ingin menambah sedikit berkenaan dengan KITIS yang disebut oleh Selat Klang tadi. KITIS ini adalah merupakan Institusi Pengajian di peringkat tahfiz, subjek diniah dan akademik. Dan untuk memasukkan pelajar-pelajar ini adalah ditapis *of the cram* dengan ini Seri Serdang juga menyambut supaya Kerajaan Negeri memberi sedikit inisiatif, memandangkan sedikitlah bahawa sekolah ini adalah sekolah persendirian dan peruntukan-peruntukan harus diletakkan juga berkenaan dengan pendidikan ini, memandangkan sekolah swasta yang dikatakan sekolah seakan-akan seperti sekolah bestari sebab memandangkan kemasukan sekolah ini juga mengikut prosedur seperti mana JAIS memilih sekolah asrama seperti SAMBESTARI. Jadi, Seri Serdang ingin mencadangkan supaya diperuntukkan untuk sekolah Kolej Tahfiz Integrasi Sains ini diambil berat oleh JAIS. Dan begitu juga terima kasih kepada Dato' Menteri Besar, Kampung Seri Aman. Saya juga ingin menyebut peruntukan RM8 juta juga telah diluluskan dan minggu lepas Pejabat Daerah telah pun menerangkan dalam rancangan menyebut harga untuk naik taraf longkang-longkang untuk menjayakan program ini seperti mana yang telah dijanjikan oleh Dato' Menteri Besar. Untuk makluman Ahli Dewan, penduduk Kampung Seri Aman amat gembira dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri walaupun tempat ini, untuk makluman Barisan Nasional ya, kawan kita sebelah sana majoriti di sini adalah orang-orang UMNO tetapi Dato' Menteri Besar turun, tidak mengenal apa ideologi. Sebab itu diluluskan peruntukan RM8 juta untuk membina longkang-longkang ini. Dan terima kasih sekali lagi kepada Dato' Menteri Besar. DUN Serdang menyokong dengan bajet yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

T.B. TUAN SPEAKER: Senior dulu. Ijok.

Y.B. TUAN DR. DIRIS BIN AHMAD: Bismillahirrahmarir-Rahim. Assalamualaikum Warhamatullahi Wabarakatuh. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, yang saya hormati sekalian. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Bajet 2018 Negeri Selangor. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Dato' Menteri Besar yang telah memberi peluang kepada Kerajaan Negeri Selangor membentangkan bajet pembangunan untuk negeri Selangor pada tahun depan. Kita bandingkan bajet Persekutuan, bajet pembangunan cuma ciput sahaja, 16%. Macam mana nak membangun Malaysia. Jadi, kita di Selangor mengutamakan pedulikan pembangunan rakyat. Itu yang penting, apa yang rakyat mahu. Tuan-tuan dan puan-puan, Yang Amat Berhormat rakyat nak mereka hidup sihat. Mereka nak hidup seselesa. Mereka nak hidup selamat dan mereka nak hidup sejahtera. Jadi, dalam

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

bajet ini, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan bajet untuk merangkumi segala-segala yang apa rakyat hendak.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ijok, boleh tak minta penjelasan sedikit.

Y.B. TUAN DR. DIRIS BIN AHMAD: Boleh.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Okay, terima kasih. Ini bukan nak kacau ni.

Y.B. TUAN DR. DIRIS BIN AHMAD: Eh ni, saya tak ada masa ni.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sikit aje ni. Cuma betulkan, bukan nak kacau. Nak betulkan. Bajet Federal tahun lepas untuk pembangunan tahun 2017 RM46 bilion campur RM2 bilion kontingensi. 2018 Bajet Federal mengekalkan RM46 bilion dan dicampur RM2 bilion kontingensi, tak berubah. Tetapi Bajet Selangor 2017 RM1.86 bilion pembangunan tetapi tahun 2018 turun RM1.66 bilion. Siapa yang turun

Y.B. TUAN DR. DIRIS BIN AHMAD: Saya kata *percentage*.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kerajaan Negeri. Dari segi *percentage*

Y.B. TUAN DR. DIRIS BIN AHMAD: Dari segi amaun.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tak taulah

Y.B. TUAN DR. DIRIS BIN AHMAD: Kita banyak kepada pembangunan bukan pengurusan. Di Putrajaya banyak ketirisan, banyak *corruption*. Ya, saya kata *percentage*, bermakna kita pedulikan pembangunan rakyat di negeri Selangor.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh saya cakap percent

Y.B. TUAN DR. DIRIS BIN AHMAD: Permatang, maaflah, boleh saya teruskan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: okaylah. Tak apa.

Y.B. TUAN DR. DIRIS BIN AHMAD: Terima kasih. Jadi, saya tak mahu menyentuhkan lagi. Yang Berhormat telah menyentuh detail semuanya. Saya nak

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

menyentuh keperluan asas manusia yang telah kita pedulikan di Selangor. Tetapi nak sentuh sikitlah kalau boleh tambah.

Nombor satu ialah sihat, kesihatan. Ini salah satu, kesihatan adalah salah satu asas apa keperluan manusia. Saya ucapkan tahniah Skim Peduli Sihat iaitu skim-skim yang paling utama sekali yang ada di negara ini. Tahniah kepada negeri Selangor. Tetapi saya haraplah cara mengendalikan peduli sihat tadi banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah sentuh tentang tidak kepuasan ya, cara kita mengendalikan. Mungkin kita kena kaji balik SOP kita, cara-cara kita mengendalikan untuk memantapkan lagi *mengefficient kan lagi our health decision* di negeri Selangor ini. Yang kedua, saya mengucapkan tahniah kepada negeri Selangor yang inisiatif baru untuk mewujudkan satu hospital jantung di Shah Alam. Tetapi saya haraplah bukan sampai tahap hospital jantung sahaja, kita nak sepatunya buat Selangor macam satu Healthy Center satu halp untuk perubatan mungkin kita pelan satu medical ataupun health city untuk Selangor. Bermakna rakyat Malaysia kalau nak mendapatkan khidmat kesihatan ataupun perubatan dia datang ke negeri Selangor. Ini salah satu saya ingat kita boleh ada kemampuan untuk membina. Yang Berhormat sekalian, kesihatan ini ialah satu keperluan asas. Tetapi kalaulah sistem kita tidak sampai ke desa-desa bermakna dia tidak memuaskan, gagal. Apa saya maksudkan, banyak pesakit-pesakit terlantar di rumah, pesakit-pesakit dari segi logistik tak boleh mampu ke klinik, ke hospital oleh sebab pengangkutan. Mereka kadang-kadang harapkan anak-anak mereka hantar ke hospital pada hujung-hujung minggu mereka bercuti. Jadi, kad kita beri, mereka pergi ke klinik, tetapi tanya diri sendiri kalaulah kita sakit terlantar di rumah, mampukah kita pergi ke klinik. Jadi apa yang saya nak cadangkan kita mula satu projek di negeri Selangor ini, kita bawa khidmat kesihatan kepada orang yang tak mampu datang ke klinik. Bermakna buat satu sistem, satu organisasi, kita bawa khidmat kesihatan kepada orang-orang di rumah yang tidak ada kemampuan untuk datang ke hospital atau ke klinik. Memang saya nampak banyak inisiatif baru, macam vaksin, memo apa memo sel, sakit kanser tetapi walaupun dari segi kesihatan, dulu pun saya pernah tegur jangan lupa kaum lelaki. Banyak inisiatif-inisiatif pada kaum wanita, walaupun saya doktor wanita, tetapi saya prihatin dengan kawan-kawan ataupun ADUN-ADUN lelaki. Jadi, sila kaji balik fasal apa, lelaki pun ada, banyak sakit jantung, sakit kanser, sakit hati, sakit paru-paru. Sakit hati ada dah, mental, inisiatif. Jadi, saya haraplah Kerajaan Negeri Selangor, EXCO Kesihatan kaji pada seluruhnya. Kita nak jaga masyarakat di negeri Selangor ini.

Tuan-tuan Yang Berhormat, lagi satu asas keperluan manusia ialah pendidikan. Memang banyak anak-anak kita ialah semua aset negeri, aset negara. Kita perlu memberi mereka peluang untuk memaju ke hadapan melalui pendidikan. Saya seorang budak kampung, kalau tak ada keperluan tak sampai tahap inilah, pendidikan yang

penting ya. Lagi-lagi anak-anak kita di desa. Apa yang mereka perlu ialah banyak bantuan yang ada tetapi saya nak sentuh 3 perkara di sini yang saya tahu:

- (1) Pendidikan agama, saya dulu dah cakap di Ijok tu ada 7 Sekolah Agama Rakyat Rendah. Bila sampai ke tahap menengah mereka kena pergi ke Jeram ke Kuala Selangor. Mereka orang kampung, tak mampu nak pergi ke sana. Bermakna pendidikan sampai sebegitu sahaja. Jadi saya harapkan Kerajaan Negeri Selangor wujudkan satu Sekolah Agama Rakyat Menengah di Ijok tu. Sebab penduduk makin lama makin banyak, mereka perlu itu.
- (2) Dari segi pendidikan kita nak anak-anak kita di kampung boleh bersaing di dunia, bukan jadi jaguh kampung sahaja ya. Sebab saya dapati kalau sampai tahap pendidikan sekarang mereka tak boleh bersaing apa yang saya nak tekankan kita macam saya telah dibuat, dah buat 4 tahun di DUN saya. Kita, saya *introduce English classes*. *English tuition* setiap hari Sabtu, dibantu oleh Sunway University datang ke DUN saya, Lancaster University daripada England pun datang ke DUN saya dan Breeding Bus Club saya pun wujudkan satu *library*. Ini secara kecil tetapi cara skim, secara rancangan negeri Selangor untuk nak mengarifkan anak-anak kita dalam bahasa Inggeris, bukan apa, bukan saya nak memperlekehkan Bahasa Melayu tetapi masa sekarang kalau anak-anak kita buka komputer *online*, bahasa apa, bahasa Inggeris. Jadi kalau mereka ini nak maju ke depan boleh bersaing di tahap dunia, saya ingat mungkin pendidikan di negeri Selangor kita buat sebagai satu inisiatif Selangor sekarang saya dengar Kerajaan Persekutuan baru sahaja nak *encourage English* tetapi kita sepatutnya ke hadapan, *one step ahead* kepada Malaysia. Itu yang satu saya syorkan, yang ketiga ini perkara sensitif sikit, *English*, agama, Melayu ini pendidikan Tamil. Sebab di kawasan saya 37% warga India, Sekolah Tamil ada 2-3, tetapi ada rancangan untuk membina satu Sekolah Tamil macam di Midfield, apa Midlands yang besar, yang maju dan berasrama. Tetapi baru-baru ini pejabat saya dibanjiri oleh kaum-kaum yang dulu mereka telah difahamkan nak wujud satu sekolah berkelas 20 jumlah kelas moden. Tetapi sekarang telah dikecutkan, dikecilkan 6 kelas sahaja. Jadi saya nak dapatkan penjelasan mungkin dari EXCO Pendidikan, berilah satu penjelasan untuk menenteramkan mereka di kawasan saya itu sebab mereka banyak dari kaum India. Masa dah tak ada saya ingat nak sentuh tentang banjir, SOP. Jadi, sekian sahaja saya ucapkan ribuan terima kasih pada Tuan Speaker. Ijok sokong perbelanjaan 2018.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi peluang kepada saya untuk perbahasan bajet bagi tahun 2017 ini, bagi tahun 2017 pada sidang DUN ini dan saya ya pertama sekali ya. Saya ingin memperkatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan Selangor pada hari ini memang cukup-cukup bersifat seperti pepatah Melayu mengatakan 2018 ya, maaf ya seperti pepatah Melayu yang mengatakan gajah di depan mata tak nampak ya, kuman di seberang laut nampak dan jelas kelihatan. Begitulah keadaan yang berlaku di Selangor. Siang dan malam Pakatan Harapan sibuk mencari salah pemimpin Barisan Nasional tetapi nyamuk dan isu sampah di hadapan mata buat-buat tak nampak sehingga mana Selangor ini digelar dengan panggilan nama yang cukup memalukan, Selangor darul sampah, Selangor darul denggi dan berbagai lagi gelaran nama yang cukup negatif. Saya sebagai anak Selangor berasa ..

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah, mohon mencelah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Amat malu dengan gelaran ini. Pemimpin Barisan Nasional..

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah. Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya tak bagi sebab saya 10 minit je, minta maaf.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Alah sikit je, sikit je.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Nanti kita berdebat kemudian. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional hari ini bukan ingin berpolitik secara picisan. Tuan Speaker, kesihatan rakyat dan kualiti alam sekitar di negeri Selangor ini harus menjadi tajuk utama yang harus diberi perhatian penuh oleh Kerajaan Negeri. Di sini dukacita saya kongsiikan di dalam dewan yang mulia ini statistik sahih yang diperolehi daripada Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan mencatatkan bahawa kes denggi terkumpul yang terkini di Selangor sehingga 5 November 2017 ialah sebanyak 42,244 kes iaitu jumlah yang tertinggi di Selangor walaupun dalam bajet mengatakan ada sedikit penurunan ya. Catitan rekod ini jauh mengatasi kes-kes denggi di negeri lain yang mana perbezaan negeri kedua tertinggi iaitu Wilayah Persekutuan yang mencatat 7,130 kes dan perbezaan antara Selangor dan Wilayah adalah sebanyak 31,114 kes iaitu sebanyak 5 kali ganda bezanya. Apakah angka yang amat tinggi ini tidak menimbulkan langsung rasa kegerunan dan kebimbangan dalam negeri dan hati Kerajaan Negeri atau Kerajaan Negeri hanya butakan mata melihat statistik ini dan pekak kan telinga apabila mendengar keluhan rakyat. Satu lagi maklumat terpenting

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

adalah berkaitan dengan kawasan *hotspot* denggi di Selangor. Berdasarkan rekod pada 5hb November yang dikeluarkan oleh Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan. Kementerian Kesihatan Malaysia Selangor mencatatkan jumlah lokasi *hotspot* denggi tertinggi di Malaysia. Sebanyak 15 buah lokaliti dan daerah daripada 22 yang disenaraikan adalah dari negeri Selangor iaitu di Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang dan kawasan saya sendiri di Hulu Selangor. Keadaan ini amat membimbangkan dan rakyat di luar sana perlu mengetahui tentang realiti berkaitan jumlah kes dan kawasan *hotspot* denggi serta mengambil langkah berjaga-jaga. Antara sebab kes denggi meningkat adalah kerana kegagalan menguruskan sampah dan sisa pepejal di Selangor. Terdapat kebenaran di dalam kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan menyatakan Selangor mencatat rekod tertinggi wabak denggi disebabkan oleh faktor pengurusan sampah dan sisa pepejal yang lemah. Apa yang telah mendukacitakan dalam Belanjawan 2018 Negeri Selangor, Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan sebanyak RM5.5 juta sisa untuk sisa pepejal. Muka surat 186, PK 9, Perbandaran 09004 berbanding dengan sebanyak RM42,000,078 pada tahun 2017. Perbezaan sebanyak RM36.5 juta adalah satu perbezaan yang sangat besar. Penjelasan diperlukan, kenapa Kerajaan Negeri harus mengurangkan peruntukan sisa pepejal pada tahun 2018..

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Speaker.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sedangkan kes denggi di Selangor semakin meningkat dengan peruntukan sebanyak RM42 juta pada 2017.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Hulu Bernam.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam, Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kerajaan Negeri masih gagal menguruskan dan mengatasi masalah sampah.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam. Morib, Morib.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya tak, sebab saya banyak, panjang tak sempat

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Sikit je tadi saya bagi, tadi saya bagi mencelah.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tak apa nanti kita masuk jawatankuasa kita berdebat.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Sikit je bagi mencelah. Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kerajaan Negeri masih gagal menguruskan dan mengatasi masalah sampah. Inikan pula dengan jumlah yang dikurangkan amat banyak sekali. Ini kah yang dinamakan Kerajaan yang prihatin. Saya pasti selepas ini negeri Selangor akan menjadi negeri longgokan sampah jika keadaan ini tidak ditangani. Apakah rakyat masih tidak nampak bahawa masalah sampah yang tidak berkesudahan ini merupakan satu hadiah daripada kegagalan Kerajaan Pakatan Harapan kepada rakyat negeri Selangor setelah mereka diberi kepercayaan untuk mentadbir negara ini, saya tinggalkan persoalan-persoalan ini..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, Peraturan Tetap.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Dinilai oleh rakyat Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam. Sekinchan bangkitkan Peraturan Tetap saya kena dengar dulu, Hulu Bernam duduk dulu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ok Peraturan Tetap.

TUAN SPEAKER : Ya Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Peraturan Tetap. Tuan Speaker..

TUAN SPEAKER : Peraturan Tetap mana?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Peraturan Tetap 35 (6), (5) seorang ahli tidak boleh, (6) ya, seorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi bolehlah tapi dia baca daripada *start* sampai hujung tak ada tengok orang pun tak ada, dia nak tengok orang pun tak ada.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Eh, tadi tak nampak ke saya mula-mula cakap tadi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jadi ini minta supaya bagi *warning* sikit bagi arahan sedikit dan saya mintak

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kita semua, semua *educated* semua ada yang membaca dan sebelah sana pun itu tidak jadi soalan pun yang penting adalah fakta. Sekinchan eh saya..

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : saya pusing..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Pusing sekali pun tidak

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : tak ada.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Boleh kena pusing sekali. Pusing pun tak nak.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sebenarnya Sekinchan Barisan Nasional tidak mahu bersorak tau tak di atas kegagalan-kegagalan Kerajaan Negeri Selangor ini dalam menguruskan isu peningkatan kes denggi.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, saya minta arahan.

TUAN SPEAKER : Ya,ya ya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Nyawa rakyat.. kerana ia melibatkan nyawa rakyat..

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam bagi saya cakap dulu. Hulu Bernam, Sekinchan bangkitkan mengenai tak boleh baca, jadi Hulu Bernam bila bahas nanti pandang-pandang mereka.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ok, boleh pandang-pandang tak ada masalah. Saya pandang saya punya aktor, aktor yang pandai berlakon ini. Saya akan pandang dia tak payah risau ya dan saya ingatkan kes denggi ini jangan dipolitikkan, ini nyawa rakyat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Politik, Hulu Bernam. Minta, minta pencerahan sikit yang politik siapa?

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Bagi saya masa sebab 10 minit saya, saya banyak nak bawa hari ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Semalam, hari itu saya bagi banyak kali yang mencelah, 10 kali, lebih 10 kali. Ini Sekinchan 2 kali tak boleh ke.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Oleh yang demikian.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oleh yang demikian terus.

YB DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Oleh yang demikian wahai Sekinchan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mencelah-mencelah

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Barisan Nasional ingin mendesak apakah langkah-langkah kawalan yang strategik bagi menentukan kadar segera penurunan ini segera dilakukan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Bagi lah kita mencelah Hulu Bernam. Sikit je, nak tanya ni, *confuse* sikit.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Rakyat negeri Selangor ini sudah muak ya dan mendesak mohon tindakan yang progresif dan cepat perlu diadakan. Sudah-sudahlah ya YAB Menteri Besar terjah sana, terjah sini, main wayang, tetapi keadaan sampah berterusan seperti ini. Denggi tidak menurun dengan begitu baik. Sedikit sahaja 11 %. Betullah memang lah macam itu. Sudah sampai masanya YAB Menteri Besar untuk *walk the talk, because action louder than words* dengan izin. Secara analoginya, tak apalah Jerman ke Perancis semua pun boleh yang penting sampai mesej itu ya. Secara analoginya jika perhimpunan BERSIH dapat diadakan. Kenapa tidak diadakan di Selangor ini reformasi pembersihan denggi ini secara besar-besaran. Kita ambil reformasi pembersihan bukan maksud saya reformasi BERSIH. BERSIH boleh buat nak bersih nyamuk ini tak boleh lakukan secara besar-besaran.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Adakah YB sokong *BERSIH*.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya tidak menyokong.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Hidup *BERSIH*.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Hidup reformasi.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kita ambil contoh ya apa yang berlaku di Pulau Pinang ya, negeri sahabat Menteri Besar ini ya, yang mana pengurusan sampah tidak diuruskan, maka menyumbang keadaan banjir yang berlaku. Antara sebab, antara sebab ya, mahu kah kita dilanda banjir di sini dan akhirnya jalan penyelesaian tidak dapat ditanggung oleh Kerajaan Negeri, maka di saat orang sedang nyenyak tidur, Menteri Besar Pulau Pinang terhegeh-hegeh minta bantuan Kerajaan pusat ya dan saya harapkan Selangor jangan nak bongkak dan sombong ya dengan slogan Smart Selangor tu. Tuan Speaker, saya ingin membawa perhatian ya dewan dan seluruh rakyat Selangor mengenai peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diterajui oleh YB Tan Sri Noh Omar. Bila dengar itu dia..

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam, Hulu Bernam 10 minit untuk bangkitkan isu Belanjawan negeri Selangor.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Hulu Bernam, kalau tak baca, pernah nampak saya minta mencelah. Ini baca patutlah tidak perasan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kuala Selangor, bukan sahaja tidak praktikal tapi turut memberi kesan buruk kepada operasi kutipan sampah. Tak payahlah buli-buli. Saya tengok beberapa ADUN sebelah sana bercakap kadangkala langsung tak menengok tapi itu sebab kata gajah depan mata tak nampak, tadi Teratai laju jer tak tegur pun.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Hulu Bernam kena bagi, bukan Hulu Benam kena bangkit kena ikut peraturan-peraturan kena sebut kalau tak sebut tak boleh. Kalau ADUN sini. Hulu Bernam kena bangkit ikut aturan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Arahan Kerajaan Negeri kepada menyulitkan lagi masalah sampah di Selangor ini. Barisan Nasional menyarankan Kerajaan Negeri dapat meneliti semula arahan yang dikeluarkan supaya serta mengetepikan pandangan politik demi kesejahteraan rakyat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, masa lampu dah merah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker. rakyat harus menjadikan rakan strategik untuk bersama-sama memerangani ancaman denggi ini. Rakyat jadikan rakan strategik ini, tanpa mengira latar belakang fahaman politik, agama dan bangsa. Barisan Nasional mengesyorkan agar Kerajaan Negeri Selangor dapat mencontohi pelaksanaan strategik lautan biru kebangsaan *my beautiful neighbour hood and boss my BN* peringkat kebangsaan yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kuala Selangor kenapa pilih Kuala Selangor kerana memang dan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

sedia tahu masalah kebersihan meruncing di Selangor. Sebab itu dilancarkan di negeri Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SENG : Yang Berhormat jangan *Monday blues*, minta penjelasan, minta penjelasan. Belum lagi masih berdiri.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam, ayat terakhir boleh tak.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker, bajet yang bantangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi saya adalah bajet lompong je dan banyak meniru bajet Kerajaan Pusat.

Y.B. TUAN LAU WENG SENG : Hulu Bernam belum bagi keputusan

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Banyak program-program dicadangkan bajet 2018 telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat tau. Belanjawan ini juga mengaburi mata rakyat membeli maklumat yang salah.

Y.B. TUAN LAU WENG SENG : Mintak penjelasan

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Contohnya dalam program Kasih Ibu Smart Selangor. Kerajaan Negeri mengatakan program ini dilaksanakan kerana barang seperti bawah merah ikan kembung, dengar sini

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kasih ibu tu salah ke? (*Pertindihan percakapan ADUN Kg Tunku dan Sekinchan*)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kenaikan harga oleh pelaksanaan GST. Tak salah, tapi saya ingin sebutkan. Dengar dulu. Kenaikan harga disebabkan pelaksanaan GST. Siapakah, saya nak tanpa pada Menteri Besar, siapakah cerdik pandai yang menjadi penasihat YAB yang menyatakan senarai barang-barang dikenakan GST. Mana ada barang-barang basah kena GST. Kenalah betul-betul tengok sebelum janganlah, berpada-pada jika nak menipu rakyat. Jangan sebut GST bawang merah, cili lah konon nya, ikan kembung, itu bukan kena GST

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : GST tu gasak sampai tumbang itu GST

Y.B. TUAN LAU WENG SENG : Yang Berhormat minta penjelasan tentang GST ini.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Berkenaan program, KISS ini bukan saya cadangkan bukan setakat ibu yang ada anak tetapi ada wanita yang tidak

berkahwin yang bela ibu bapa ya, yang bela anak dan sebagainya ini juga perlu diberi perhatian untuk mendapat program KISS ini. Bagi saya program KISS ini tidak lain tidak bukan seperti *another vision of BRIM*. ha atau *rebrand* dengan izin kepada BRIM. Kita sedia maklum rakyat Selangor seramai 1 Juta menerima BRIM, jadi KIIS ini tiru BRIM saya nak nyatakan dulu kata BRIM tak betul. Sekarang Selangor tiru BRIM saya kata tidak. Ciplak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : BRIM itu bunyi broommm itu lain KISS lain

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ingin saya nyatakan ciplak lah tu Sekinchan perkataan yang Sekinchan guna ciplak. Saya juga bertanyakan kenapa bantuan yang saya seperti KISS melalui pusat zakat kat Selangor ya. Iaitu menerima barang dapur dan sebagainya dipotong. Kita mendapat rungutan daripada penduduk yang mendapat bantuan daripada pusat zakat ini. Jadi rungutan rakyat ini kenapa dipotong dan sebagainya. Kita nak tahu ke mana arahnya duit zakat ini. Dicurahkan kena jawab nanti Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar. Tuan Speaker kuasa wang ya, mengatasi segala-segalanya di Selangor dan buktinya terpampang jelas di depan mata apabila premis judi haram terlindung di sebalik lesen hiburan dan keluarga tumbuh macam cendawan tumbuh. Jika ada sekali pun serbuan dibuat Pihak Berkuasa cuma hangat-hangat tahi ayam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya minta pencerahan, jangan tuduh bagi figure....(*pertindihan percakapan YB Tuan Ng Suee Lim tidak jelas*)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sekadar menunjukkan kepada masyarakat setelah heboh di media. Hasil tujuan dan maklumat orang tempatan beberapa daerah contoh di Selangor antaranya Klang, Shah Alam Sabak Bernam, Hulu Selangor memperlihatkan premis judi ini semakin bertambah ya. Kenyataan Kerajaan Negeri kononnya isu politik. Ini adalah bohong semata-mata. *tidak jelas* jumlah yang tepat kerana. Namun begitu premis berlesen berselindung di sebalik pusat hiburan keluarga tetap jalan operasi kerana mendakwa mereka mempunyai lesen.

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAFARI : Masa dah habis sila duduk

TUAN SPAEKER : Hulu Bernam, habiskan perenggan itu. Hulu Bernam

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ok ya. Apa yang lebih membimbangkan kepesatan premis ini, melarat ke luar bandar Tuan Speaker. Kita bimbang anak-anak muda sekarang terlibat dengan judi dan sebagainya. Mesin judi dan sebagainya. Ini tak usahlah tolak perkara kebenaran. Berdosa terutama orang Islam. Saya ingin sebutkan perkara ini tadi memang berlaku memang sah. Jadi saya mengharapkan Yang Amat Menteri Besar.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mana *figure* angka berapa, main baca teks jer. Apa pun tak ada.

Akhir kata saya Yang Amat Menteri Besar dan Dewan yang mulia ini dapat meneliti dan mengambil tindakan-tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan demi kesejahteraan rakyat negeri Selangor ini dan sudahi dengan Wabillahitaufik Wal Hidayah, Wasallamulaikum Warahmatullahi Wabaratu. Minta maaf kepada yang mencelah masa pun pendek, banyak yang saya potong.

Y.B. TUAN LAU WENG SENG : Hului Bernam dimaafkan

TUAN SPAEKER : Sungai Pelek

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Terima kasih Tuan Speaker. Salam Selangorku. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Pelek untuk berbahas Belanjawan 2018 yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tuan Speaker dengan kestabilan Kerajaan Negeri Selangor telah berupaya menarik pelabur-pelabur domestik antarabangsa untuk terus menjadikan Selangor destinasi pelaburan yang terunggul. Dengan prestasi yang cemerlang Sungai Pelek yakin Selangor mampu meningkatkan merealisasikan agenda-agenda Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana mengiktiraf peranan wanita dalam semua aspek untuk bersama-sama memajukan masyarakat dengan peruntukan PWB dari RM30 ribu kepada RM50 ribu setahun untuk setiap DUN. Mudah-mudahan dengan penambahan peruntukan tersebut akan dapat membantu merealisasikan potensi wanita yang menyumbang kepada pembangunan negeri Selangor dengan menghasilkan satu produk satu DUN. Tuan Speaker dalam pada itu kita menghadapi masalah ekonomi negara yang sukar akibat pengaruh luar dan dalaman impaknya telah menghimpit kita sumber kewangan yang semakin merosot sedangkan permintaan tuntutan dan desakan rakyat terus meningkat. Rakyat tertekan dengan pelaksanaan GST dan kos pengangkutan dinaikkan akibat kenaikan harga bahan api. Syukurlah bahan api menyediakan bas secara percuma setiap daerah dan Sungai Pelek berharap perkhidmatan tersebut akan diperluaskan destinasi utamanya di Pekan Salak yang terletak klinik kesihatan daerah Sepang dan dikerapkan jadual perjalanan agar menepati keperluan rakyat negeri Selangor utamanya di DUN Sungai Pelek. Tuan Speaker, berdasar kewangan negeri Selangor yang kukuh dan terus berdaya. Sungai Pelek berharap cadangan pembinaan perpustakaan di atas lot tanah yang keluasan tujuh ekar di PT 4136 HS(D) 42195 di kaji semula atas keperluan penduduk dan sebagai daerah yang pesat membangun juga satu-satunya daerah di Selangor yang tidak mempunyai perpustakaan daerah. Keluasan tanah yang di cadangan bukan sahaja boleh menampung kelengkapan dalaman yang diperlukan malah melengkapi infrastruktur yang sama penting sebagai seperti tapak *parking* yang mencukupi dan tapak landskap menarik di sekitarnya. Di

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

daerah Sepang lebih daripada 10 IPT untuk menyokong pentingnya Kerajaan Negeri Selangor membina perpustakaan tersebut ia bagi memberi peluang.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Tuan Speaker, walaupun Sungai Pelek membaca, saya sokong kenyataan Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Terima kasih Dengkil. Ya bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar IPT pilihan mencari bahan-bahan rujukan yang boleh membantu mereka tanpa melibat kos yang besar. Pertumbuhan pesat yang berlaku telah menukarkan wajah daerah Sepang dan sewajarnya mesti diberi perhatian dan menyediakan infrastruktur selari dengan pembangunan yang memenuhi ciri-ciri sebuah daerah pesat pendidikan kerana terbinanya banyak IPTA IPTS. Tuan Speaker Kerajaan Negeri Selangor yang objektifnya meningkat kesejahteraan menjamin keselamatan telah membuktikan ke prihatin Kerajaan terhadap masalah rakyat. Ramai yang tidak mampu memilih kediaman yang berkualiti selesa tidak mampu memilih kediaman yang berkualiti selesa dan mampu milik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini DUN Sungai Pelek memerlukan banyak pembangunan Infrastruktur agar selari dengan pembangunan di daerah Sepang. Pertambahan penduduk memerlukan tempat tinggal yang selesa dengan kos berpatutan oleh yang demikian adalah di dalam pelan perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membina rumah mampu milik di DUN Sungai Pelek pada tahun 2018 dengan mengambil kira pertambahan penduduk yang semakin di DUN Sungai Pelek. Tuan Speaker, DUN Sungai Pelek juga mempunyai penghasil produk seperti kelapa sawit, buah-buahan dan tanaman kontan. Pengeluaran hasil perlu mendapatkan sokongan sistem jalan yang baik untuk memudahkan petani mengangkut hasil pertanian ke pasaran. Keperluan untuk menaik taraf sistem jalan yang rosak dan berlubang dapat meningkatkan hasil pendapatan pekebun. Mudah-mudahan dengan pelaksanaan sistem jalan yang sempurna, DUN Sungai Pelek mampu menyumbang ke arah peringkat pasaran melalui sektor pertanian kepada KDMK Negeri. Saya juga berharap dari jumlah RM746 juta atau 44.9% yang diperuntukkan untuk pembangunan infrastruktur ditambah pula kerjasama dengan google waze yang ditambah kepada 3800ap mampu mengesan dan melaporkan jalan yang rosak dan berlubang di DUN Sungai Pelek demi kemudahan peladang, petani dan pekebun. Yang Berhormat Tuan Speaker, program pinjaman HIJRAH yang dikenali Kerajaan Negeri Selangor telah mendapat sambutan hangat di DUN Sungai Pelek. Berkaitan program pinjaman Hijrah di DUN saya menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Program ini banyak membantu peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan di DUN saya. Bayaran caj perkhidmatan sebanyak 4% adalah terendah jika di banding dengan pinjaman dari institusi-institusi kewangan yang terdapat di negara ini. Untuk lebih berkesan dan benar-benar meringankan kelompok pasaran. Saya berharap Kerajaan menurunkan caj tersebut kepada 2% supaya pinjaman peminjam mampu meningkatkan perniagaan usahanya tidak tertekan dengan masalah tiada

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

modal. Pandangan pakar dari UPEN amat diperlukan untuk mengkaji semula program tersebut. Tuan Speaker saya mengakhiri ucapan dengan menyokong Belanjawan 2018 yang bertema Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuang, 10 minit.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ucapkan terima kasih kepada Speaker kerana memberikan peluang kepada Kuang untuk sama-sama

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tak ada lagi salam 1 Malaysia?

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Membahaskan Bajet 2018 Negeri Selangor. Saya tak nampak istimewanya bajet kerana bagi dedak jugalah. Kalau di pusat kata bagi dedak, Selangor pun bagi dedaklah tu. Bagi Ketua Kampung, bagi Siak, bagi Imam. Imam sampai terperanjat. Pusat bagi, negeri bagi, terperanjat Imam. Siak tak pernah dapat ni Sekinchan, Siak pun terperanjat dapat duit kali ini. Namun itu semua adalah kehendak ni negeri. Kita sokong jugalah kerana kita dapat, rakyat dapat duit. Pusat bagi duit *State* pun bagi duit. Saya nak menyentuh dalam masa 10 minit ni iaitu pertamanya mengenai pendidikan. Iaitu Yayasan Selangor. Saya sentuh Yayasan Selangor ini kerana kita telah pun menutup 2 asrama iaitu Asrama Tun Dr Ismail dan juga Asrama Toh Puan Norashikin. Dalam 1 tahun kita telah pun kalau tidak ditutup asrama ini, 463 orang pelajar kita ambil setahun. 2012 kita tutup, ni 2017. Ertinya kita telah kehilangan pelajar 2,315 orang dari luar bandar yang ada potensi untuk menjadi seorang tokoh daripada Yayasan Selangor ni. Maka itu saya tak dapat tahulah. Saya kira dalam 2010 atau 11, ada dipamerkan di perkarangan Dewan Negeri ini kononnya Yayasan Selangor nak membina sebuah sekolah berasrama penuh yang serba serbi lengkap. Tetapi sehingga hari ini saya tak nampak di mana dibina dan membazir saya kira buat model. Entah berapa ribu habis buat model asrama penuh yang nak dibuat oleh Yayasan Selangor. Dan ini mengenai Yayasan Selangor, 2 asrama yang saya sebut. Dan 1 lagi bangunan yang kepunyaan Yayasan Selangor di Kuala Lumpur yang sehingga hari ini saya pun tak dapat cerita apa berlaku pada Bangunan Yayasan Selangor di Sungai Wang ini, yang hari ini telah pun kerugian bernilai RM15.12 juta. Kerana begitu lama kita tak dapat nak menyewakan sedangkan itu merupakan hasil kepada Yayasan Selangor. Dan ini pun saya tak dapat tahu apa kesudahannya bangunan ini sampai hari ini. Kalau asrama pun kita dah tinggal, terlepas, penyewaan bangunan ini pun kita terlepas. Dan 1 lagi saya nak sentuh dalam masa 10 minit ini, cepat-cepat ni. Sekinchan jangan kacaulah. Tak ada masa ni. Kita juga kehilangan pelajar yang selama ini belajar di Institut Kemahiran Yayasan Selangor yang juga kita tutup pada 2010. Patutnya sebelum menutup asrama atau institut ni Yayasan Selangor

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

binalah, dulu Sekinchan. Jadi, tiidaklah kita rugi anak bangsa kita yang datang daripada luar bandar untuk menjadi insan yang terpilih, insan yang boleh kita naikkan menjadi tokoh di Negeri Selangor ini. Itu 2, 3 perkara. Saya tak mahu panjang-panjang. Kemudian saya nak menyentuh seperkara lagi dalam usaha kita nak menjaga aset Yayasan Selangor ini. Saya dapat tahu lot tanah PT 4221 di Daerah Klang milik Yayasan Selangor diberi kepada suatu syarikat untuk Pusat Kebudayaan Cina. Walhal banyak lagi tanah lain boleh bagi mengapa tanah ini? Dan saya dimaklumkan yang mohon tu seorang EXCO Kerajaan Negeri. Melalui sepucuk surat pada 21 Mac 2011 dan diluluskan pada 18 Mei tahun yang sama. Jadi saya pun rasa macam tak ada tanah lain. Ini Yayasan Selangor punya Sekinchan. Pergi bagi tanah lain. Ini kekalkanlah Yayasan Selangor. Dah 5 minit? Ok 5 minit lagi sebelum, sebelum habis. Saya nak ucap terima kasih jugalah kepada Bukit Antarabangsa ni bagi jambatan di Kundang, Kuang dan membangunkan tasik biru, tasik biru, bukan tasik kuning, tasik biru di Kuang. Biru itu *colour* dia. Dan dalam kita nak membangunkan negeri ini, negeri kita mesti kena aman, makmur dan sejahtera Sekinchan. Tapi jaga, kadang-kadang kerana mulut badan binasa. Saya nak menyentuh sedikit tentang program yang didatangi oleh Mantan Perdana Menteri pada 14 Oktober 2017 yang menghina Kaum Bugis ini. Bangsa Bugis. Dan ini menyentuh perasaan orang Bugis termasuk yang menjadi Ketua Negeri kita. Dan hari ini Ketua Negeri telah pun merasakan dirinya terhina dan telah pun mengadakan mesyuarat bersama dengan jawatankuasa yang terlibat fasal tak boleh sebut nama raja ni. Akhirnya, Ketua Negeri merasa murka. Dan saya nak tanya pendirian Menteri Besar, di mana pendirian Menteri Besar? Takkan diam saja. Saya nak Menteri Besar mengambil keputusan apakah hukuman yang sepatutnya diberikan kepada Mantan Perdana Menteri ni, Pengerusi Pakatan Harapan yang kita tak nak dia orang sesama kaum yang menghina raja kita. Saya tak dengar sampai hari ini, Ketua Negeri kita dah murka tapi Memanda Menteri kita tak ada apa-apa jawapan pun. Tak ada tindakan langsung.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta mencelah.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Nak mempertahankan Ketua Negeri kita.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Ini peraturan ke apa?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Peraturan ke penjelasan?

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bukan, minta penjelasan.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Penjelasan tak payah. Peraturan saya berhenti.

TUAN SPEAKER: Teruskan Kuang. Ramai lagi yang nak bahas.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Ini 2, 3 minit ni.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Kuang bagi ruang?

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Maka itu saya berharap.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Kuang, mencelah Kuang.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Yang Amat Berhormat Berhormat Menteri Besar mesti mengambil 1 ketetapan. Sebagai Ketua Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Bagi mencelah Kuang.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: *I don't understand* apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh negeri terhadap Mantan Perdana Menteri yang begitu celupar ini? Yang menyebutkan keturunan yang begitu mulia ini? Keturunan bangsawan? Keturunan Raja yang dikatakan lanun ini. Kita nak tengok di mana pendirian Menteri Besar. Saya tidak ada perkara lain yang saya nak sebutkan. Cukuplah yang itu. Lainlah Sekinchan dia ada masa 2 jam setengah. Saya ada masa 10 minit. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Speaker dan terima kasih juga peruntukan Masjid Biru dan juga jambatan Sri Kundang. Sekian, assalamualaikum.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam Belanjawan 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pengumuman belanjawan Negeri Selangor merupakan musim yang paling dinanti-nantikan oleh rakyat Selangor kerana mengikut pengalaman rakyat Selangor, setiap kali pengumuman belanjawan negeri,

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

pasti adanya kejutan dan berita baik yang akan dibawa kepada para rakyat Selangor. Peruntukan, Belanjawan Selangor 2018 menunjukkan peruntukan pembangunan melebihi peruntukan belanja mengurus. Bukan 1 tahun, 2 tahun berturut-turut. Permatang ok ya? 2 tahun berturut-turut, 2017 dan 2018 peruntukan pembangunan lebih daripada mengurus, 2 tahun berturut-turut. Ini telah menunjukkan Kerajaan Selangor mepedulikan soal kepentingan rakyat dan mengutamakan pembangunan. Ia merupakan 1 tindakan bijak dan perlu dipuji. Inilah Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan yang berhemah dan telus dalam pengurusan kewangan. Terlalu banyak faedah yang telah disediakan dalam Belanjawan 2018. Tidak sempat kalau kita nak membuat ulasan terhadap 1, kesemuanya. Maka saya akan menyentuh beberapa perkara sahaja di sini. Tuan Speaker, Skim Ceria yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu penduduk membaik pulih kediaman mereka kerana kualiti kebanyakan Pangsapuri-pangsapuri Kos Rendah yang dibina pada zaman Barisan Nasional adalah rendah. Saya, sehingga adanya yang dibina di atas tapak pertanian. Saya memang terkejut sekali apabila saya dengar jawapan daripada Y.B. EXCO, Y.B. Chempaka pagi ini bahawa ada bangunan, ada sesebuah bangunan berstrata boleh di dirikan di atas tapak pertanian. Saya hairan kenapa dulu, pada zaman BN perkara seperti macam ni boleh berlaku. Bangunan boleh di dirikan di atas tapak pertanian. Jadi, jadi dalam bajet dalam Belanjawan 2018 skim yang berkonsepkan perkongsian kos 20% bagi Pangsapuri Kos Rendah dan 40% bagi Pangsapuri Kos Sederhana di antara Kerajaan Negeri dan penduduk akan dihapuskan. Saya percaya dan dijangka kebanyakan pangsapuri akan dapat diberikan wajah yang lebih indah dan keadaan yang lebih selamat. Walau bagaimanapun terdapat juga banyak JMB atau pangsapuri-pangsapuri yang masih gagal berfungsi. Berhubungan itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil alih pengurusan pangsapuri-pangsapuri yang dimaksudkan tadi supaya tiada pangsapuri yang akan terus terbiar tidak diselenggara. Perkara yang seterusnya, Bas Smart Selangor. Bukan sekadar menyediakan perkhidmatan percuma, malah ia juga bertujuan membudayakan masyarakat menggunakan kenderaan awam dalam usaha merealisasikan Selangor sebagai Smart State. Di Selangor kita sasarkan 60% penduduk menggunakan kenderaan awam menjelang 2030. Untuk capai tahap itu, kita mesti membudayakan penggunaannya terlebih dahulu dan langkah utama dimulakan dengan menyediakan pas bas percuma dan berteknologi tinggi. Untuk itu, aplikasi Bas Smart Selangor telah diperkenalkan bagi memudahkan para penumpang atur perjalanan mereka. Para pengguna aps boleh dapatkan maklumat lokasi, lokasi hentian terdekat dan laluan bas serta jadual perjalanan bas, sekali gus menjimatkan masa. Ini 1 inovasi yang hebat. Syabas kepada Kerajaan Negeri. Saya menyahut usaha Kerajaan Negeri dalam membudayakan masyarakat dalam menggunakan kenderaan awam. Dan DUN Kinrara merupakan 1 kawasan yang sangat memerlukan perkhidmatan kenderaan awam kerana tol-tol di sekitar Puchong tidak dimansuhkan oleh ibu kepada segala bajet. Puchong dikelilingi oleh begitu banyak tol tetapi dalam

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

ibu kepada segala bajet tiada 1 pun tol di Puchong dimansuhkan. Saya bagi 1 contoh. Saya selalu terima aduan daripada DUN jiran saya. Seperti di DUN Dengkil, apabila saya terima aduan dari DUN Dengkil, saya perlu pergi ke sana untuk jumpa pengadu. Saya perlu bayar tol RM2.10 sen untuk jumpa pengadu itu dan bila saya balik ke kawasan saya, saya perlu bayar lagi RM2.10 sen. Jumlah tol RM4.20 sen. Untuk jumpa 1 pengundi, pengadu, boleh tak saya *claim* tol ni daripada Y.B. Dengkil? Ha, kena ibu segala bajet tidak hapuskan tol di kawasan Puchong?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Gaji RM16 ribu pun RM4 punya tol mahu kira ka?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ok, tak apa saya tak dengar apa jawapan tu, boleh *claim*? Boleh Dengkil? Ok. Sehubungan itu, Kinrara mencadangkan supaya lebih banyak Bas Smart Selangor disediakan di kawasan Puchong dan Puchong akan menjadi titik permulaan bagi misi membudayakan penggunaan kenderaan awam. Saya menyokong penuh tadi apa yang disebutkan oleh Y.B. Seri Serdang tadi. Di Puchong, kita perlukan 1 laluan Bas Smart Selangor, 1 laluan tambahan dari Puchong ke Hospital Serdang kerana Hospital Serdanglah yang paling dekat dengan Puchong dan tiada perkhidmatan bas dari Puchong ke Hospital Serdang. Saya menyokong penuh tadi permintaan daripada Y.B. DUN Seri Serdang Y.B. DUN Seri Serdang. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memberi perhatian serius terhadap kemudahan asas dan awam di semua PBT yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Bagi itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 20 juta ringgit dan mencadangkan PBT untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya 20% daripada rizab tunai bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan awam. Saya melihat memang tepat dan tibanya masa diberi tumpuan kepada pembinaan dan meningkatkan taraf taman rekreasi dan pasar awam. Rakyat perlu ada amalan sihat dan riadah bagi mengelakkan pelbagai masalah emosi dan mental. Taman rekreasi juga berfungsi meningkatkan kekeluargaan dan kejiranan sekali gus melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Untuk itu, Kinrara mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil balik tanah-tanah yang telah diberikan kepada agensi-agensi tetapi tidak dibangunkan dan terbiar tidak diguna pakai dan membina tapak taman-taman rekreasi untuk kegunaan rakyat setempat. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan supaya semua pasar awam dapat dinaiktarafkan dan dijadikan sebagai pasar Smart Selangor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan di DUN Kinrara sebenarnya tidak luas tetapi penduduknya amat padat. Di kawasan yang penduduknya begitu padat tiada pun sebuah pasar awam yang dapat menampung keperluan harian. Di Puchong ada enam pasar pagi yang sangat besar. Tiga di DUN Kinrara dan tiga lagi di DUN Serdang. Saya ingin mencadangkan pasar-pasar pagi yang sedia ada dapat dinaiktarafkan dibina bumbung dan dijadikan sebuah pasar pagi

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

berbumbung. Sekiranya kita hendak membina sebuah pasar awam yang baru, dia ambil masa kita perlu cari tapak, kita perlu dapatkan satu kos. Satu kos pembinaan yang agak tinggi. Jadi cadangan saya kita membina bumbung bagi pasar pagi yang sedia ada. Cadangan ini saya kemukakan untuk perhatian Kerajaan dan pertimbangan Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker, Seperti tahun lepas pembentangan kedua-dua Belanjawan Negeri Selangor dan Bajet Negara juga telah di siaran langsung di *facebook*, *facebook live* secara perbandingan telah nyata melihat reaksi para penonton terhadap kedua-dua bajet. Sekali lagi pembentangan Belanjawan Selangor oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar jauh lebih digemari oleh rakyat. Banyak *like* dan *love* di *click* tetapi ibu kepada segala bajet pula mendapat banyak sad dan angry seperti tahun lepas. Ini, ini telah membuktikan bahawa Belanjawan Negeri Selangor lebih hebat daripada ibu kepada segala bajet. Oleh itu, Kinrara dengan bangganya menyokong Belanjawan Negeri Selangor 2018. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ya terima kasih kepada Tuan Speaker. Tuan Speaker, Dato' Menteri Besar yang bersedia membelanjakan sejumlah 3.12 bilion pada tahun 2018 saya mempunyai pandangan yang sama dengan Yang Berhormat Ijok. Iaitu peratusan adalah sangat penting di mana Menteri Besar kita telah membentangkan satu Belanjawan di mana peratus belanja pembangunan melebihi belanja mengurus. Belanja Pembangunan sebanyak 53.2% itu bukan sahaja merupakan kenaikan sebanyak 1% berbanding dengan tahun 2017 tetapi jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan bajet Kerajaan Persekutuan yang mana belanja pembangunannya hanya 16.4%. Saya tidak faham mengapa Kerajaan Persekutuan hanya membelanjakan sebahagian yang sangat kecil wang rakyat untuk pembangunan. Adakah belanja pembangunan sedikit memang merupakan amalan seorang *kleptokrat*. Ini Permatang, Yang Berhormat Permatang sudah buat sidang media di luar. Kalau nak buat lagi satu sidang media menjelaskan belanja pembangunan Kerajaan Persekutuan yang hanya 16.4% tu saya rasa boleh lagi buat satu kali lah. Tahniah dan syabas kepada Dato' Menteri Besar atas belanja pembangunan yang tinggi tetapi tidak menjejaskan belanja mengurus. Dato' Menteri Besar sanggup memberikan bantuan khas kewangan sebanyak tiga bulan gaji kepada anggota perkhidmatan awam Negeri Selangor telah mencipta satu rekod baru di Selangor. Anggota perkhidmatan awam Negeri Selangor tidak pernah menerima bonus yang begitu tinggi daripada Kerajaan Selangor sebelum ini. Zaman Barisan Nasional memerintah Selangor pun membayar bantuan kewangan yang hanya sebanyak 1.5 bulan gaji sahaja. Tuan Speaker, Belanjawan 2018 yang dibentangkan oleh Menteri Besar juga mengambil faktor sosial ekonomi rakyat yang turut menyentuh keperluan golongan wanita. Saya ingin menumpukan fokus kepada inisiatif Kerajaan Negeri dalam memperkasakan kaum

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

wanita di Negeri Selangor. Agenda wanita adalah agenda masyarakat. Seiring dengan Belanjawan yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar, kita dapat melihat bahawa Kerajaan Negeri menghargai dan mengakui peranan utama golongan wanita di Negeri Selangor. Peranan dan potensi wanita sebagai pemimpin perlu diberi perhatian. Menurut *United Nation Development Report* penyertaan wanita dalam bidang *rejeretive* merupakan salah satu daripada tiga kaedah untuk menilai pemerkasaan wanita. Dengan penyertaan wanita yang mencukupi perubahan yang menuju kepada kesaksamaan gender boleh direalisasikan. Baru-baru ini perkara ini dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Parlimen. Di mana Kerajaan Persekutuan didesak untuk mewajibkan sekurang-kurangnya 30% wanita dalam komposisi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri yang lain. Negeri Selangor telah sekali lagi menonjolkan diri sebagai sebuah negeri termaju, progresif dan inklusif yang mana penyertaan golongan wanita Selangor sebagai pembuat keputusan adalah tertinggi berbanding dengan badan *rejeretive* yang lain di Malaysia. Dewan Negeri Selangor diwakili hampir 30% Ahli Dewan Negeri wanita dan menjadi satu contoh yang maju, progresif dan inklusif kepada Parlimen Malaysia dan Dewan Undangan Negeri yang lain dalam merealisasikan sasaran ini. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa Dewan Rakyat mempunyai 10% wakil rakyat wanita. Manakala wakil rakyat wanita di Dewan Undangan Negeri Perlis adalah 13%. Dewan Undangan Negeri Kedah adalah 11%. Dewan Undangan Negeri Kelantan adalah 7%. Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang adalah 12%. Dewan Undangan Negeri Perak adalah 10%. Dewan Undangan Negeri Sembilan adalah 5%. Dewan Undangan Negeri Sabah adalah 5%. Dewan Undangan Negeri Sarawak adalah 9%. Dewan Undangan Negeri Melaka adalah 7%. Dewan Undangan Negeri Johor adalah 14%. Terdapat satu Dewan Undangan Negeri iaitu Dewan Undangan Negeri Terengganu tidak mempunyai wakil rakyat wanita. Saya berharap penyertaan wanita yang tinggi di Dewan Negeri Selangor boleh terus dikekalkan pada penggal sidang yang akan datang. Manakala penyertaan wanita di Parlimen Malaysia dan Dewan Undangan Negeri yang lain akan bertambah lagi. Saya juga berharap Kerajaan Negeri boleh melaksanakan dengan secepat mungkin kuota minimum 30% perwakilan wanita di setiap peringkat kepimpinan sama ada di peringkat Penjawat Awam, Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung, Ahli Majlis, Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Pengarah Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), Badan Berkanun dan sebagainya. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, kuota 30% juga merupakan salah satu pelan tindakan yang terkandung dalam matlamat yang keempat Dasar Wanita Selangor. Tuan Speaker, Saya menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri mewujudkan Pusat Wanita Berdaya yang telah membantu meningkatkan taraf hidup golongan wanita pada peringkat akar umbi di Negeri Selangor. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Menteri Besar yang meningkatkan peruntukan setiap PWB daripada RM30,000.00 setahun kepada RM50,000.00 setahun. Kejayaan PWB dalam masyarakat tidak dapat

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

dinafikan. Program pembudayaan golongan wanita yang dianjurkan oleh PWB telah memberi manfaat kepada lebih daripada 30,000 orang setiap tahun. Di sini saya ingin mengemukakan satu cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya PWB boleh berkembang maju dan mencapai matlamatnya yang sepenuhnya. Cadangan saya ialah satu mekanisma tertentu perlu diwujudkan bagi memastikan kualiti dan rangka kerja program-program PWB diselaraskan di setiap DUN. Ini adalah kerana setiap individu mempunyai potensi dan kemahiran yang unik. Oleh itu program-program yang dilaksanakan hendaklah bersifat inklusif serta mencerminkan peranan wanita dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang ataupun sosial ekonomi dan membantu wanita meningkatkan pendapatan isi rumah. Buat masa kini saya mendapati kebanyakan program PWB hanya menumpukan kepada beberapa bidang sahaja seperti kelas masakan dan jahitan. Tuan Speaker, saya juga merakamkan tahniah kepada Kerajaan Negeri atas penubuhan Institut Wanita Berdaya pada bulan lepas. Pihak PWB telah berjaya merangka Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2017 hingga dua ribu dua ribu yang terdiri daripada lima titik tumpuan dan tujuh matlamat serta lima program utama untuk merencanakan pembangunan wanita secara holistik. PWB memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan martabat kaum wanita serta mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat. Kini PWB boleh bertindak sebagai penyelaras semua program PWB. Tindakan ini akan memudahkan PWB mengkaji keperluan serta menetapkan satu piawaian yang komprehensif bagi program PWB di setiap DUN. Selaras dengan Dasar Wanita Selangor. Saya berharap piawaian ini juga termasuk satu program khas yang menawarkan kursus latihan vokasional oleh pakar-pakar yang mempunyai kemahiran dalam bidang tertentu untuk membantu golongan ibu kembali semula ke dalam pasaran kerja.

Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan supaya IWB mengadakan perbincangan dengan semua Ahli Dewan Negeri secara berkala agar keperluan wanita di peringkat akar umbi dapat dikenal pasti dengan tepat. Tuan Speaker, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2016 hanya 54.3 wanita yang berumur antara 15 hingga 60 tahun berada dalam tenaga kerja di Malaysia. Ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan wanita di Malaysia tidak mempunyai kuasa ekonomi yang kukuh. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri dapat mewujudkan dasar-dasar ekonomi yang menggalakkan ke usahawan dan pemilikan aset di kalangan wanita. Antara inisiatif-inisiatif

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu boleh ringkaskan dah..

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Wah! Ok. Saya bacakan inisiatif-inisiatif ke usahawan yang boleh memanfaatkan wanita termasuk menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia hanya 19.7 usahawan kecil dan sederhana

dimiliki oleh wanita. Oleh itu, pelan tindakan untuk menubuhkan Koperasi Wanita seperti mana yang digariskan dalam Dasar Wanita Selangor perlu disegerakan. Koperasi Wanita pasti akan mempromosikan SME dan mewujudkan jaringan keusahawanan di kalangan wanita. Yang kedua, Tuan Speaker bagi saya habiskan tiga point lagi ya. Selaras dengan matlamat Smart Selangor juga adalah tepat masanya untuk Kerajaan Negeri mengambil inisiatif yang akan membantu golongan wanita untuk mengembangkan perniagaan dalam platform digital. Pendedahan kepada teknik pemasaran digital yang efektif, praktikal dan relevan kepada pengguna semasa perlu diberi kepada golongan wanita. Ruang digital ini bakal memudahkan golongan wanita menjalankan perniagaan secara sambilan atau sepenuh masa. Ketiga, pendidikan kewangan di kalangan wanita adalah penting untuk menarik lebih ramai wanita menceburi bidang ke usahawan. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji kaedah untuk mendedahkan lebih ramai orang wanita kepada hak dan tanggungjawab kewangan. Seperti amalan berjimat cermat, pelaburan kewangan dan sebagainya. Keempat, jaringan kerjasama antara institusi yang berkongsi nilai serta matlamat pembangunan yang sama seperti Bank Negara Malaysia, SME Bank, AMTEC dan Kerajaan Negeri adalah penting bagi merealisasikan perkasaan golongan wanita dalam bidang keusahawanan. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji kaedah untuk mendedahkan lebih ramai golongan wanita kepada hak dan tanggungjawab kewangan seperti amalan berjimat cermat, pelaburan kewangan dan sebagainya. Ke empat jaringan kerjasama institusi yang berkongsi nilai serta matlamat pembangunan yang sama seperti Bank Negara Malaysia, SME Bank, M TACRCK dan Kerajaan Negeri adalah penting bagi merealisasikan perkasa golongan wanita dalam bidang keusahawanan. Aktiviti hubungan dan kerjasama strategik agar menghasilkan impak dan manfaat yang maksimum kepada golongan wanita di Negeri Selangor. Tuan Speaker saya rasa itu sahaja saya menyokong bajet ini.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Bismillahirrahmannirohim, Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera, terima kasih Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan seluruh Ahli Dewan yang saya hormati dan kasihi sekalian. Izinkan saya memetik ayat Al Quran Allah S.W.T. "Bahasa Arab" sesungguhnya Allah menyuruh kalian menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya akhir hayat dan kita melihat bahawa menjadi satu tanggungjawab kepada sebuah Kerajaan untuk menyediakan perbelanjaan bajet belanjawan bagi mengurus tadbir sebuah negeri. Dan perbezaan antara Selangor dan Kerajaan Pusat kita lihat ialah temanya *fastabiqulhairat* (Bahasa Arab) mendahului dalam perkara-perkara kebajikan dan hal ini kita lihat bagaimana inisiatif ini, inisiatif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri diambil, ditiru, diamalkan di pusat dan juga di negeri-negeri yang lain. Syabas dan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Yang Amat

Berhormat Dato' Menteri Besar. Itu perbezaannya yang pertama, perbezaan yang kedua adalah kita tak beri dalam keadaan kita tak ada. Kita beri kerana kita ada tak macam bajet pusat, beri tapi ambil lagi teruk daripada rakyat, GST umpamanya dalam Islam GST adalah haram kerana GST ini bukan sahaja menekan orang miskin tapi dia juga menekan orang kaya. Sebab dalam Islam kita tidak benarkan ambil satu perkara dua kali. Orang kaya sudah dikenakan cukai, ada zakat tapi dikenakan lagi GST tak boleh. Orang miskin tidak ada apa-apa tapi perbelanjaannya diambil untuk menjadi suatu cukai. Ingat ini suatu perkara yang tidak dibenarkan di dalam Islam. Yang keduanya kita melihat kepada beberapa inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri. Antaranya dalam strategik pertama yang kita lihat melalui strategik-strategik yang dilakukan ini. Kita lihat bajet ini adalah merupakan satu bajet yang merupakan bajet yang menyeluruh dan mengambil perhatian terhadap seluruh persoalan rakyat daripada kecil sehinggalah mereka meninggal. Dalam salah satu daripada strategik ataupun inisiatif sudah diambil dalam inisiatif yang pertama SMART Selangor ke arah globalisasi yang mana dengan pengenalan sistem kesan sampah "*waste management system*" saya ucapkan tahniah dan saya rasa ini adalah merupakan suatu yang rakyat sedang menunggu dan khususnya di MPS saya ambil contoh bila mana Kerajaan Negeri telah mengambil alih pengurusan sampah walaupun melalui anak Syarikat KDEB. Walaupun peringkat awalnya kita lihat ada masalah tetapi akhirnya hari ini kita lihat pengurusannya semakin dapat mengatasi isu-isu yang menjadi bualan sebelum daripada ini. Cuma saya berharap melalui sistem ini soal tempat pembuangan sampah haram ini. Yang satu saya kira sudah agak lama dibangkitkan dan kita belum ada satu penyelesaian yang tuntas. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Pejabat Tanah Daerah, Majlis Perbandaran yang secara berkala mengambil tindakan-tindakan terhadap lori-lori sampah, sitaan-sitaan dibuat namun saya rasa kasihan sebab bila sitaan dibuat sama ada lori ataupun tempat tetapi kita lihat kekangan undang-undang tidak menyebelahi kita. Sehingga saya dimaklumkan salah satu dari tempat pembuangan sampah haram di Sungai Pusu walaupun Kerajaan sudah mengambil tindakan-tindakan sehingga ingin mengambil atau merampas tanah tetapi akhirnya dicabar di Mahkamah dan tuan punya tanah menang saya dimaklumkan sebegitu. Begitu juga dengan sitaan-sitaan lori sampah yang dilakukan tetapi akhirnya mereka mengambil balik lori dan kegiatan itu berterusan. Walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih, syabas kepada Pihak Berkuasa yang melakukan kerja-kerja secara berkala dan kita harap ianya akan dapat diatasi dengan lebih tuntas inn shaa Allah. Yang ke tiganya kita melihat sekarang ini kadar inflasi semasa adalah sekitar 4% di samping dengan krisis mata wang berterusan dan kebocoran di peringkat pusat, kita tidak boleh nafikan. Tahun lepas sahaja kebocoran seperti mana yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara lebih kurang 30 bilion. Ini suatu benda yang tidak boleh biarkan kerana amaun yang besar dan amat malang sekali kerana ia memberikan kesan yang besar. Saya lihat bagi menangani kebocoran ini langkah Kerajaan Selangor

terutamanya dalam isu perumahan yang menjadi suatu isu yang menghantui anak-anak muda hari ini. Anak muda kalau gaji sekitar RM2,000 ke RM5,000 saya kira belum mampu untuk memiliki rumah pada kadar harga pasaran sekarang. Dengan perbelanjaan isi rumah yang ada, skim-skim yang saya kira ditambah dalam belanjawan pada kali ini seperti RM50 juta bagi skim SMART sewa, RM15 juta bagi deposit rumah Selangor, RM13 juta untuk skim Ceria, pembinaan 156 unit rumah bagi generasi kedua FELDA, saya rasa ini satu langkah yang sangat proaktif dan perlu dipuji dan perlu dicontohi oleh semua pihak. Cuma saya nak bangkitkan sikit tentang rumah Selangorku di Temengong yang saya rasa perlu dapatkan suatu maklum balas sebab pelancaran untuk rumah Selangorku Temengong ini dibuat di Dewan Beringin Seri Gombak jadi lalu lalang situ nampak belum ada apa-apa perkembangan mungkin ada perkara-perkara yang boleh dimaklumkan oleh pihak Kerajaan ataupun PKNS yang bertanggungjawab terhadap projek tersebut. Dan juga saya ingin bangkitkan dengan pengenalan KISS kasih ibu SMART Selangor ini satu inisiatif yang bila kita war-warkan mendapat sambutan dan tepukan yang gemuruh daripada ibu-ibu sebab lahirnya daripada kasih sayang Kerajaan kepada ibu-ibu ini. Cuma saya nak tanya yang “*full stem*” yang kita amalkan sebelum ini ada ataupun akan diteruskan. Kalau harapannya “*full stem*” diteruskan bagi kelompok-kelompok yang tertentu pula atau kelompok yang terpilih. Saya juga menyentuh tentang W-fi Selangor, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan terus meningkatkan “*e-locality*” lokasi bagi SMART W-fi Selangor ini dan kita kira kita harap kita perbanyakkan juga di perumahan-perumahan rakyat kerana sekarang ini menjadi satu “*trending*” perniagaan secara “*online*” yang boleh dilakukan oleh ibu-ibu, wanita sambil di rumah. Jadi saya kira selain daripada kita meningkatkan kita juga kena melebarkan juga lagi keupayaannya supaya ia boleh lebih laju dan dapat diakses dengan lebih ramai tanpa tersekat-sekatlah. Selanjutnya langkah meningkatkan jumlah isi, jumlah kad peduli sihat daripada RM500 kepada RM700 setahun juga amat dipuji kerana inilah sedikit sebanyak dapat memberi pendapatan lebih guna kepada rakyat terutama apabila musim-musim macam sekarang ini demam, selesema, batuk dan kos rawatan pesakit luar yang semakin tinggi, kini dapat diserap melalui skim ini. Sebelum saya mengakhirkan ucapan ini saya juga ingin membawa beberapa isu-isu “*local*” di peringkat DUN Gombak Setia. Terutamanya isu ECRL iaitu landasan kereta api laju ke pantai timur yang mana saya kira antara kawasan yang terlibat ialah di kawasan DUN Gombak Setia. Kita tidak tahu saya pun tidak tahu apa dia punya perancangan tetapi hari ini mereka telah turun bertemu dengan rakyat. Jumpa secara kecil-kecilan menerangkan apa dia ECRL, kita di peringkat ADUN atau pun Kerajaan Negeri tidak tahu sedangkan saya difahamkan ada rumah-rumah atau pun ada penempatan-penempatan akan terjejas di samping kalau di Gombak Setia itu kita ada Permatang. Kuarza yang saya risau, yang saya bimbang merupakan satu-satunya yang ada juga akan terlibat dalam pembinaan ECRL ini. Saya pohon penjelasan tentang isi ECRL ini. Yang keduanya rakan-rakan daripada bukan Islam

terutamanya masyarakat Cina dan India ingin pohon supaya dapatlah diperuntukkan satu tempat untuk pengendalian mayat terutamanya bagi tempat-tempat yang mungkin sukar. Rumah Pangsapuri dan sebagainya yang mereka perlu untuk suatu tempat saya tanya orang Cina apa panggil ini dia kata rumah menangis dia kata untuk ditempatkan secepat mungkin sebab ada tempat-tempat yang tidak sesuai nak bawa jenazah ke atas jadi kita harap dapat kita timbangkan untuk diberikan suatu tempat yang boleh dibina bagi tempat pengendalian jenazah tersebut. Yang ke tiganya ajaran sesat di Gombak, Gombak ini Tuhan pun ada Rasul pun ada dan ia semakin baru-baru ini satu pertemuan di kalangan penduduk berhubung dengan ajaran *qiadami*. Kita harap kita dapat bantuan daripada Jabatan Agama Islam untuk bantu masyarakat khususnya umat Islam yang terbabit dengan perkara tersebut. Akhirnya Puan Speaker baru-baru ini ataupun sebelum daripada ini berlaku kebakaran di Gerai Greenwood pada tahun 2008 dan kita membina suatu penempatan sementara untuk penggerai dan kita lihat hari ini alhamdulillah dan berkat sokongan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, gerai baru sudah siap mungkin perpindahan akan berlaku dalam tempoh yang terdekat. Kita pohon gerai yang dibina sementara itu dirobuhkan dan dibina taman rekreasi bagi penduduk Taman Belian yang sudah lama melihat pemandangan-pemandangan yang tidak selesa di tempat mereka. Dan kita harapkan perkara ini boleh dijadikan pertimbangan di peringkat sama ada di Majlis Perbandaran dan juga di peringkat Kerajaan Negeri. Sekali lagi terima kasih dan saya menyokong bajet atau belanjawan yang dikemukakan oleh Dato' Menteri Besar, sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera, salam perpaduan, salam negeriku Selangor, salam negaraku satu Malaysia terima kasih Puan Speaker kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet 2018. Terima kasih juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai mamanda Menteri Besar untuk membentangkan bajet demi kepentingan negeri dan rakyat Negeri Selangor. Saya mengikuti ucapan Menteri Besar dengan tema membangun bangsa memakmurkan negeri macam tahun lepas juga tetapi kali ini ditambah dengan konsep *fastabiqulhairat* (Bahasa Arab) yang amat dialu-alukan. Namun konsep ini perlu selari, perlu seimbang juga dengan konsep syukur, konsep terima kasih terutamanya kepada yang memberi. Saya nak kod apa yang disebutkan oleh Sabak firman Allah surah Ibrahim ayat 7, (Bahasa Arab) Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur, ingkar sesungguhnya azab Ku amatlah keras. Jadi mengambil sempena ataupun daripada pembelajaran kita daripada ayat ini terlebih dahulu saya nak ucapkan terima kasih, syukur kepada Allah, terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana Dengkil juga tidak terkecuali daripada arus pembangunan

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Selangor seperti mana yang diumumkan oleh Menteri Besar ada peruntukan pembangunan untuk jalan Dengkil ke Sepang “*shortcut*” atau pun jalan sambung Kota Warisan dan juga selain daripada itu beberapa projek pembangunan yang lain termasuk loji pelabuhan dagang. Namun demikian, saya amat amati ucapan Dato’ Menteri Besar tidak sekali pun menyentuh atau menghargai Kerajaan Persekutuan di dalam membantu negeri dan rakyat Negeri Selangor. Malah dipersenda-sendakan pula bermacam perkara pula yang sepatutnya ianya sekurang-kurang ucapan terima kasih kepada Menteri Besar itu pun sudah memadai, tetapi memperleka dan mempersendakan. GST misalnya ini kita semua sudah maklum membawa pendapatan negara yang besar dan memulangkan semula kepada rakyat semua kita tahu GST adakah pula dikata GST itu ibu segala beban. Pada hal GST itulah yang diamalkan oleh 170 buah negara termasuk negara-negara Islam yang lain. Kali ini Kerajaan Negeri atau pun bajet Pakatan pembangkang.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Speaker, mohon mencela.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Nak kembali ke zaman ke belakang. Nak kembali ke SST.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Bagilah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Nanti kejap, saya diberi 15 minits sampai habis Tuan Speaker boleh?

TUAN SPEAKER : 10

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : 10

TUAN SPEAKER : Isu-isu Dengkil Belanjawan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Sekejap nak sentuh GST, ini pun belanjawan juga.dalam bajet.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Bagi ah.... Dengkil bagi

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Bagi saya habiskan ayat dulu. GST ini gasak sampai tonggeng. Kerajaan Persekutuan banyak buat program-program, buat usaha-usaha untuk meringankan rakyat. Contoh tadi yang disebutkan oleh kawan-

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

kawan. BRIM, Kedai Rakyat 1M, Agro Bazaar, apa nama hapuskan peranan orang tengah dan yang terbaru ini Perkhidmatan PBT dimansuhkan cukai GSTnya termasuk dalam Negeri Selangor. Apa yang Kerajaan Negeri buat? Jamal Sekinchan, Sekinchan, Jamal Sekinchan boleh jual ikan di merata tempat, jual ikan murah ini patut kita sokong kita alu-alukan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Itu Sekinchan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kerajaan Negeri boleh buat lebih lagi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Yang Berhormat, minta pencelahan

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Minta mencela, minta mencela.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kerajaan Negeri boleh buat apa Agro Bazaar, Smart Selangor dan macam-macam lagi tetapi saya tidak nampak selain daripada memperlekakan Kerajaan Persekutuan tidak ada usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Kalau ada KIKS yang baru, kasih ibu, kita alu-alukan tetapi RM30,000 sahaja Menteri Besar. BRIM ini sejuta orang rakyat orang Selangor nampak....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ok, berapa minit lagi?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : 10 saat sahaja..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ini baru intro? Yang mana Kota Anggerik? Okay saya teruskan, saya teruskan. Nanti kalau ada masa kita berdebar tempat di luar.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Di luar, di luar?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Sebab saya banyak lagi nak timbulkan isu satu lagi Menteri Besar sebut pasal isu pelaburan. Pelaburan menindak Yang Amat Berhormat, Perdana Menteri pergi ke Amerika, pergi ke China hubungan diplomatik hubungan personel YAB menarik ramai pelabur ke dalam negara termasuk Negeri Selangor.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bukan dia beban negara Dia nak jadi beban negara, memalukan negara.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ini speaker, tengok Sekinchan dah 2 jam lebih mengalahkan Menteri Besar nak bahas, kacau 10 minits lagi tau.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Okay, pencilahanlah sedikit.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Itu lagi perkara-perkara ringkas. Kita sepatutnya ucap terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan. Tol 2 tol Sungai Batu 3, Tol Sungai Rasau 150,000 pengguna sehari Alhamdulillah sempat dimansuhkan.

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Mencela, mencela, Batu 3 nak mencela boleh?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : 1.2 juta setahun Batu 3

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Batu 3 nak mencela

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kena mengucapkan terima kasih, terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan. Kawasan itu Batu 3 punya

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Ada kena mengena, Dengkil bagilah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Potensi Ketua Pembangkang. Kan kena ada

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Sepatut alu-alukan, dan kemudian kita pun mahu supaya...

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Bagilah peluang sedikit.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Mengambil usaha yang sama menghapuskan tol Spint dan Kesas yang mana Kerajaan mempunyai kepentingan. Walaupun minoriti

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat itu LDP tak sebut?

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kita tanya, kita mohon, sekarang ini Sprint, Kesas berapa juta. Salahnya kita sama-sama ikut jejak langkah Persekutuan dan ringankan beban rakyat hapuskan tol.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Mansuhkan tol LDP.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kesas dan Sprint.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : LDP.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kacau lah orang ini. Okay.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat LDP. di kawasan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Seterusnya, sekali lagi saya juga ingin menyentuh beberapa perkara lain seperti yang dituduh oleh Sekinchan, saya dengar perkataan Kleptocracy ini awal daripada Bukit Tunku, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kampung Tunku.

TUAN SPEAKER : Dengkil, masalah nak tamat. Belum lagi masuk isu Dengkil? Saya bagi peluang ini.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Nak membahaskan supaya nak betulkan persepsi daripada di kalangan-kalangan Ahli Dewan Negeri ini. Tadi Permatang ada menyebut tentang satu lagi ayat Sekinchan kleptokrasi, kleptokrasi apa itu tahu? Sama juga wang rakyat. Jadi isu-isu di Selangor ini perlu di jawab oleh Kerajaan Negeri. Menteri Selangor. Jangan main senyap, jangan kalau tidak persepsi orang nanti timbul.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta jawab

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kleptokrasi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Audit pun tak boleh di buka.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat, apa isu

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Laporan Audit tutup. Ini tak boleh bincang, itu

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Di bayar RM16 juta, walaupun kontrak telah tamat, jawab.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat nak tanya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Tidak timbul masalah. Dua isu tanah di Ijok 2,194 ekar, 2 buah Syarikat Pemaju di tarik balik oleh Mantan Menteri Besar pada ketika itu mereka saman Mahkamah, Kerajaan Negeri menang di peringkat Mahkamah Tinggi dan di Peringkat Mahkamah Rayuan lepas itu kenapa tarik balik dan berunding balik ... ini kita kena jawab. Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya tidak menimbulkan persepsi di kalangan rakyat. Lantas ini dituduh kita sebagai Kleptokrasi. Jadi....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat apa maksud itu krepektokrasi?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kerektokrasi

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Krepektokrasi, jangan jerumus dalam Kleptokrasi

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kerektokrasi, Speaker akhir sekali sebab saya 10 minits sahaja, tetapi tak apa terima kasih. Speaker, ini saya sayang speaker, dia bagi juga sampai pukul 7.00 Speaker ye? Okay, fasal beer festival ini, better beer festival ini, better beer festival ini apa peranan, apa pendirian Kerajaan? Saya tengok Sungai Pinang, Chempaka duduk sebelah menyebelah kawan, baik kawan rapat tetapi percanggahan pendapat pendirian berkenaan dengan beer festival ini nampak macam betul-betul. Hebat jadi saya nak minta Kerajaan Negeri isu ini perlu pendirian yang tegas daripada Kerajaan Negeri. Tak payahlah kita nak buat pesta besar-besaran, kita ini Batu Caves

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Johor, Melaka, Johor bagaimana? Jawab Melaka, Johor, Sabah & Sarawak?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Saya jawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jawablah itu

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Saya jawab.

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Melaka, Johor, Sarawak, Sabah jawablah. Aduh, macam mana Melaka, Johor, Sarawak Sabah ?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kita ini nak menuju negeri.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Melaka, Johor

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Menteri Besar

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Belum minum dah mabuk

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Saya cadangkan jangan lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mabuk daum ketum lah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : DBKL tolak kenapa Kerajaan Negeri nak ambil. Kita perlu bertegas dalam isu ini supaya kalau nak minum

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kita kena cakap sebelum bikin, tak serupa cakap Melaka, Melaka dengan Johor.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Jaga sensitiviti agama.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Melaka itu pun kena jaga sensitiviti, Johor, kena jaga sensitiviti serupa itu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Yang Sekinchan pertahan ini Sekinchan. Ini mabuk, mabuk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini belum cerita, dah mabuk. Tak minum pun mabuk. Ah mabuk daun ketum.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kerajaan Negeri ulas supaya kejadian ini program ini tidak berulang lagi di masa akan datang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Akhir sekali 6.55, akhir sekali saya, sekali lagi nak mengingatkan Kerajaan Negeri semasa kuasa ada ini, semasa kuasa ini ada lagi ah tinggal 3 bulan lagi supaya menjalankan tanggungjawab, amanah ini

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

dengan penuh integriti, jujur dan ikhlas untuk menikmati rakyat. Bagi kami pihak pembangkang pada ketika ini sentiasa akan memainkan peranan semak dan imbang, check and balance demi untuk kesejahteraan kepentingan rakyat di negeri Selangor Insyallah, Insyallah kerusi akan bertukar tangan kita akan kembali, kita akan kembali untuk meneraji Kerajaan untuk meneruskan pentadbiran ini dan saya ingin menyebutkan di sini bahawasanya 3 bulan. Macam mana-macam mana

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mesy PAC pun tak datang 7 kali, 8 kali, check and balance, check apa? Check balance, check shock sendiri boleh? Check shock sendiri boleh? Cakap sahaja.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Semak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tolak, tolak

TUAN SPEAKER : Bukit, Ah Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya dapat 10 minit, tak apalah 10 minit pun 20 minit pun boleh kita bahas sampai malam tengah malam ini? Selamat petang Selamat Sejahtera semua Bukit Gasing bangun untuk menyokong Perbelanjaan 2018 yang telah dibentangkan oleh Menteri Besar memang cukup banyak perkara yang kita sokong memang cukup perkara yang di luar sokong Cuma 11 Ahli UMNO ADUN tidak menyokong. Pertama saya ingin menyebut sokongan saya terhadap perbelanjaan Infrastruktur Air sebanyak RM252 juta yang dibelanjakan untuk tahun depan untuk air memanglah satu perkara yang bagus, memang satu perkara yang kita boleh bangga kerana kita dapat buat demikian kerana kita telah belanja secara berhemah untuk 9 tahun dan telah membina satu rezab yang cukup kuat. Tak banyak negeri di Malaysia dapat membelanjakan RM252 juta untuk air. Antara semua perbelanjaan air saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri pada kepentingan tajuk penukaran paip air, memang kita telah melancarkan 84 projek penukaran paip air kawasan yang paling hotspots di Negeri Selangor, perkara ini saya sambut dengan baik tetapi saya juga ingin menarik perhatian kepada kawasan-kawasan hotspots baru yang telah timbul sejak 2016. Kawasan hotspots yang terdahulu adalah daripada 2 tahun yang lepas iaitu terdapat beberapa kawasan yang hotspots baru yang kerap mempunyai isu yang gangguan air contohnya di kawasan saya di kawasan Bukit Gasing Seksyen 1, Seksyen 13, Seksyen 14 dan Seksyen 16 mempunyai kes pencapai yang amat banyak. Saya kira gangguan lebih dari 5 kali setahun adalah banyak tetapi di kes Seksyen 14 dan lebih 30 kali mereka terpaksa melalui gangguan air tahun ini. Saya rasa memang sudah sampai masanya kita mewujudkan senarai hotspots baru tambahan daripada 80 hotspots dan kita

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

mengusahakan sama ada Amahah, daripada rezab Kerajaan Negeri atau pun daripada Dana air sendiri untuk kita memberi perancangan ini kita maklumkan kepada semua penduduk apa tindakan kita akan buat kepada hotspots, hotspots ini. Paling kurang saya memohon untuk Seksyen 14 dan Seksyen 1 Petaling Jaya yang berat mempunyai gangguan paip bocor. Yang keduanya berkenaan dengan air percuma ramai penduduk Negeri Selangor menikmati air percuma 20 meter padu.. *This is a life line amount*, amat bagus kita memberi secara percuma tetapi terdapat segolongan penduduk yang tidak menikmati air percuma ini yang saya ingin menarik perhatian di dalam Dewan ini yang saya rasa kita boleh membuat sedikit perubahan kepada polisi kita supaya mereka dapat menikmati layanan yang sama. Iaitu golongan di *service apartment*, pangsapuri perkhidmatan dan sohor. Kadar komersial yang dikenakan ke atas bangunan ini kita faham dia adalah satu *legacy* isu disebabkan tanah di mana pangsapuri ini dibina adalah tanah komersial. Akan tetapi pangsapuri perkhidmatan dan *service apartment*, sohor dan sebagainya menjadi semakin popular. *This is a new normal* dengan izin di Negeri Selangor. Kalau lihat data daripada JPPH yang saya dapat 45,000 *incoming* unit, ada untuk kondominium dan flat, 45,000 *incoming* unit kepada pasaran adalah *service apartment*. Jadi cukup banyak produk yang dibina sekarang tidak sama seperti 10 tahun yang lepas, tapi pada hari ini tahun 2017 cukup banyak *service apartment* dibina berbanding dengan flat dan kondominium yang dibina. Dan ini adalah menjadi bukan produk untuk penduduk-penduduk yang terkaya, *service apartment* menjadi produk yang dibeli oleh golongan middle class, golongan biasa, banyak unit yang dikira mampu milik dalam golongan RM300, RM400 dan RM500 ribu ringgit di Negeri Selangor merupakan produk *service apartment*. Jadi saya mohon Kerajaan Negeri Selangor untuk mengkaji takrif air supaya dikenakan kepada semua unit kediaman termasuk sohor dan *service apartment* takrif air kediaman dan sekaligus mereka pun dapat menikmati 20 meter padu air percuma.

Yang ketiga, yang saya ingin bawa di sini pada hari ini ialah lesen penjaja dikecualikan bagi tahun 2018. Saya rasa ini adalah amat dihargai oleh golongan sektor *informal*, dia amat bagus untuk membantu mereka yang termiskin didalam masyarakat kami. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor satu perkara yang kita boleh buat untuk menambahbaik cara kita membantu penjaja-penjaja ini. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor mewujudkan sistem petak tetap bagi penjaja-penjaja ini. Kita telah mewujudkan petak-petak tetap bagi Smart Truck di seluruh Negeri Selangor, kita telah menggariskan di kawasan-kawasan komersial tiga petak, lima petak, dua petak dan sebagainya untuk ditempatkan Smart Truck. Jadi pengusaha Smart Truck, dia boleh mohon untuk petak tersebut, waktu pagi, tengahari ataupun malam dan mereka yang layak dapat petak tersebut. Saya mencadangkan pada hari ini bahawa kita membuat sistem yang sama untuk penjaja, untuk howker. Sektor *informal* yang sangat memerlukan bantuan untuk mendapatkan kebenaran

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

daripada PBT. Sistem yang sedia ada penjaja ini terpaksa memohon kepada PBT, dia kena mencadangkan lokasi dan saya telah menerima banyak aduan daripada penjaja ini bahawa, barang kali banyak lokasi yang dicadangkan PBT menjawab tidak sesuai jadi adalah menjadi amat susah bagi penjaja yang baru nak masuk bukan penjaja yang daripada 20 tahun yang lepas tapi penjaja yang baru nak masuk berniaga pada masa ini, tahun ini untuk mendapat satu lokasi kerana mereka perlu mencadangkan dan kena tolak. Dan mohon lagi sekali lokasi lain, kena tolak. Lepas tu mohon lagi sekali lokasi yang ketiga mungkin kena tolak, mungkin diterima. Jadi menjadi amat susah, jadi kalau kita wujudkan sistem petak, terutamanya di kawasan-kawasan komersial kita wujudkan lima petak, tiga petak dan sebagainya kita boleh mempermudah permohonan lesen oleh penjaja. *It be more organise also* dengan izin, lebih tersusun kawasan-kawasan perniagaan penjaja ini. Jadi saya jangka perkara ini boleh membantu golongan penjaja kami. Saya juga tertarik dengan sistem *open tender* yang kita telah buat selama ini untuk memastikan kita mendapat *best value for money* dengan segala kontrak yang kita tawarkan. Kita juga telah menjimatkan banyak duit kalau kita tengok anggaran kos daripada projek dengan harga tender, memang banyak projek telah merekodkan penjimatan 10%, 20% dan penjimatan ini boleh dikembalikan kepada rakyat dengan projek tambahan. Saya ingin mencadangkan satu lagi penambahbaikan. Memang *open tender* bagus kita tidak mahu kembali kepada *zaman negotiated*, kontrak, *closed tender*, tetapi saya ingin mencadangkan sistem pemantauan yang lebih baik bagi memastikan kualiti kerja kontraktor yang kita terima ini adalah memadai dengan spesifikasi dalam tender yang memuaskan hati penduduk-penduduk di Negeri Selangor. Di Petaling Jaya, seringkali kita dapat aduan prestasi ataupun mutu kerja kontraktor adalah tidak memuaskan. Apa yang dibina, *the finishing* adalah tidak memuaskan. Jalan raya yang dibuat adakah dia menepati spesifikasi. Memang ada cukup banyak penduduk yang sedia untuk membantu pegawai-pegawai kita untuk memantau kontraktor. Saya ingin mencadangkan pada hari ini Team Selangor yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dikembangkan skop dia, kita tambah satu lagi skop di mana kepada *volunteer-volunteer* ini yang berminat untuk membantu kita untuk memantau projek kita, *we tap into their willingness to volunteer* dengan izin. Kita memberi mereka satu paparan senarai projek yang berlangsung di Negeri Selangor. Kita kan telus, so kita memaparkan ini projek yang sedang berlaku, mereka diberi satu platform untuk memberi maklumbalas kalau ada apa-apa yang tidak puas ataupun puas supaya penilaian terakhir ini mesti mengambilkira semua maklum balas yang diberi oleh para sukarelawan ini. Saya jangka dengan pemantauan bersama pegawai dan juga daripada komuniti kita boleh memastikan hasil daripada kontraktor-kontraktor, projek-projek yang dilaksanakan oleh kontraktor boleh jadi terbaik. Di seluruh Malaysia tidak pernah Kerajaan membuat pemantauan jenis ini, Selangor boleh jadi yang pertama. Selangor *leads* seperti semua program yang kita

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

buat. Jadi disini saja, saya ringkas pada hari ini banyak lagi yang ingin saya ucapkan tapi saya akan bahaskan di suatu hari yang kemudian. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pembahas terakhir, Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Speaker. Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera kepada semua. Saya berdiri mewakili rakyat Batu Tiga untuk membahas Belanjawan ini dengan mengucapkan terlebih dahulu syabas kepada Menteri Besar dan juga Barisan EXCO serta seluruh kakitangan Kerajaan Negeri Selangor di atas kejayaan membentangkan Belanjawan yang berteraskan agenda ekonomi berkualiti yang sarat dengan dasar-dasar untuk memacu pertumbuhan yang mampan serta berdaya sosio-ekonomi rakyat. Ni kena laju sikit. Saya sebenarnya banyak perkara yang ingin saya bawa tetapi cukup sekadar tiga, empat perkara yang saya cuba ringkaskan. Saya ingin menyentuh satu isu iaitu isu kemiskinan dan juga kemiskinan sifar di Selangor yang mana ikut pembacaan buku terkini yang saya baca iaitu, *The Colour of Inequality - Ethnicity, Income, And Wealth In Malaysia* dengan izin oleh Dr. Muhammed Abdul Kadir. Buku ini sebenarnya sarat dengan data-data dan fakta yang menunjukkan bahawa jurang kekayaan ataupun aset adalah lebih teruk daripada jurang pendapatan *income* dari segi kaum mahupun antara yang kaya dan yang miskin. Kenapa perkara ini saya timbulkan kerana penemuan yang paling menarik dalam buku ini adalah perhatian, adalah jurang di Malaysia sekarang ini mempunyai jurang pendapatan antara bandar dan kampung amat teruk sekali malah lebih teruk daripada tahun 1957. Kita kembali ke belakang dan kita tak nampak macam mana sebenarnya isu GST yang dikatakan oleh Barisan Nasional itu telahpun membawa kita ke depan kononnya maju jauh lebih baik daripada yang lepas. Tetapi yang ingin saya nyatakan disini adalah kebimbangan saya ya, setelah saya baca buku ini dan setelah kita mendengar ucapan daripada ataupun EXCO menjawab menyatakan bahawa ada kajian daripada Jabatan Perangkaan yang memaklumkan bahawa Selangor telahpun bebas ataupun miskin sifar ini saya rasa perkara ini perlu dilihat dengan serius oleh Kerajaan Negeri Selangor. Wajar Kerajaan Negeri Selangor mempunyai satu pendekatan yang berbeza dengan pihak Federal ataupun Persekutuan sebab fakta-fakta ataupun ianya tidak reflect kepada apa yang sebenarnya berlaku di Selangor di lapangan ya. Kita lihat ramai lagi yang perlukan bantuan dan kita lihat bagaimana bebanan hidup ini begitu menyempitkan. Jadi soalan yang ingin saya tanya apakah Kerajaan Selangor ingin menstandardisedkan ataupun menseragamkan ya satu indeks yang standard iaitu bantuan untuk B.40 ini perlu lah diselaraskan kerana ada di antara skim-skim Kerajaan ini berbeza. Contohnya, kalau Peduli Sihat kita kata B.40, pendapatan 3,000 ke bawah. Untuk Kises kita kata 2,000 ke bawah pendapatan dan sebagainya, jadi saya rasa wajar adanya satu pendekatan ataupun satu indicator yang

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

selaras supaya keseluruhan B.40 ini akan dapat apa ni akan dapat manfaat yang terbaik dan tidak ada golongan yang tertinggal di kalangan B.40 ini. Tuan Speaker dan juga rakan-rakan Yang Berhormat, Hari ini kawasan Batu Tiga berdepan dengan masalah banjir sekali lagi. Banjir yang boleh dikatakan terbesar semenjak 2008. Berlaku di banyak tempat, di Taman Rashna, di Kg. Kuantan, Bukit Kuda, Taman Intan, Padang Jawa, Klang dan Petaling yang saya lihat hampir 1,000 rumah terlibat ya. Yang ingin saya bawa di sini adalah faktor-faktor yang dikenal pasti, pagi tadi *standing meeting* yang kami buat adalah bukan sahaja selain daripada hujan lebat ataupun air yang pasang tapi ada satu projek Barisan Nasional yang sebenarnya tertanggung pembuatannya iaitu WCE iaitu West Cost Expressway yang sepatutnya disiapkan tetapi masih tidak menepati masa untuk disiapkan. Ya sebenarnya bukan itu sahaja ianya tertanggung kalau dikaitkan 4.5 kilometer WCE di Batu Tiga telah siap tetapi jajaran seterusnya belum dilengkapkan. Bukan itu sahaja, pengaliran air semasa pembuatan itu tidak baik sehinggakan air-air ini disalurkan melalui taman-taman. Pihak JPS tadi pun termenung bila melihatkan bagaimana air-air ini masuk ke kawasan taman begitu laju dan deras sekali tak sampai setengah jam semua musnah ya. Bukan sahaja harta benda dalam rumah, kereta even worse Taman Rashna kerana tak ada jalan keluar untuk menyelamatkan harta mereka. Jadi saya ingin nyatakan di sini, saya ingin mengesa pihak Kerajaan selaku pemudahcara kepada projek-projek yang di buat kita ni walaupun kita marah dengan Barisan Nasional ada projek dia kita bagi pemudahcara tapi saya nak supaya Kerajaan Negeri panggil pemaju WCE ini dan semua pemaju-pemaju yang terlibat samada IJM ataupun WCT supaya isu ini ditangani segera dan sedikit peruntukan khas diberikan kepada mereka yang mengalami bencana ini dengan segera ya. Saya tak sanggup nak tengok tadi bagaimana ya muka mereka dan kepenatan yang mereka lalui daripada pukul 4 pagi sehinggakan lebih penat lagi bila tengokkan bantuan-bantuan ini, bila lihatkan apa ni kerosakan-kerosakan ataupun harta benda yang musnah. Tapi saya nak ucapkan terima kasih kepada semua agensi termasuk MPK yang telahpun bertungkus lumus menyelesaikan masalah disitu. Seterusnya Tuan Speaker, Batu Tiga juga ingin menyentuh tentang isu wanita ya terima kasih lah saya dengar ramai pencinta wanita sekarang ini. Senang EXCO wanita sekarang ya. Tahniah kerana wanita telahpun memulakan satu, ada satu Dasar Wanita Selangor yang mana IWB akan menjadi pemudah cara ataupun pelaksana pada program ini. Ianya amat komprehensif saya tengok daripada muka surat ke muka surat tetapi adakah saya nak tanya, adakah satu *roadshow* ya akan dibuat kerana jumlah 3 juta yang disalurkan ini agak besar jadi buku ini perlu difahami dan pelaksanaannya perlu dilaksanakan dengan lebih baik dan tersusun. Lepas tu, saya mencadangkan supaya ada satu *roadshow* supaya pelan tindakan ini dilaksanakan dan cadangan perlu ada satu kayu ukur untuk dibentangkan saban tahun kepada Kerajaan Selangor untuk melihatkan bagaimana pelan tindakan-pelan tindakan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Saya yakin dengan ini, in shaa Allah Selangor akan lebih memacu ya aspek-

aspek pembudayaan wanita dengan baik. Di samping itu Pusat Wanita Berdaya yang menjadi platform kepada Badan Pelaksana program-program wanita perlu diberikan perhatian yang lebih dan bagaimana ia boleh memudahkan penyelia-penyelia pengurusan ini, Pusat Wanita Berdaya ini melaksanakan program mereka. Saya mencadangkan satu bajet pengurusan ya seperti satu biji komputer ataupun laptop ataupun printer ataupun isu-isu yang berkaitan dengan pejabat ini mesti diberikan kepada penyelia dan kalau sebaiknya, cantik sangat perlu ada premis khas. Premis khas untuk memudahkan pelaksanaan pembudayaan ini dengan usaha sama dengan PBT ataupun Pejabat Daerah dengan mengguna pakai sebahagian daripada Dewan-dewan yang mungkin belum digunakan sepenuhnya. Sebab apa saya mengemukakan cadangan ini, alhamdulillah saya bersyukur kerana DUN Batu Tiga dengan kerjasama PBT khususnya Majlis Shah Alam ya telah menyediakan satu Dewan Khas untuk PWB. Bukan itu sahaja, saban minggu PWB Batu Tiga menerima kunjungan daripada merata termasuk negeri-negeri Kedah, Negeri Sembilan dan beberapa profesor daripada luar negeri. Daripada Michigin, US datang melawat ya untuk melihat sendiri bagaimana pelaksanaan Pusat Wanita Berdaya ini boleh mengangkat martabat wanita dalam aspek pembudayaan. Jadi saya harap jawapan daripada EXCO, pertanyaan bertulis saya pada soalan 124 penggal yang lepas yang menyatakan bahawa tidak ada buat masa ini Kerajaan tidak menyediakan peruntukan operasi kerana ia melibatkan implikasi kos tetapi saya syukur dengan kenaikan 30,000.00 kepada 50,000.00 ini saya mengharapkan supaya kenaikan peruntukan daripada 30,000.00 ke 50,000.00 ini diberikan peruntukan sebahagiannya untuk peruntukan pengurusan ya bagi memantapkan lagi program-program wanita dan daya saing yang diwujudkan lebih baik in shaa Allah. Akhirnya ataupun saya hanya ingin sudahkan tentang satu perkara tentang isu tol Batu Tiga dan Sg. Rasa. Tak sah kalau saya tak sentuh tentang perkara ini kerana ia melibatkan tol yang paling tinggi. Di sini saya berdiri untuk mengucapkan kesyukuran berkat perjuangan rakyat (tepek meja) bukan Barisan Nasional (tepek meja) dengan desakan yang tidak putus-putus dua tol dalam kawasan ini telah pun ditamatkan seperti perjanjian asalnya. Dengar saya cakap betul-betul, ditamatkan mengikut perjanjian asalnya kerana apa? Pada asalnya sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional ingin menyambung sehingga dua ribu tiga puluh lapan (2038). Saya dengar perbincangan Sg. Burong dia manipulatekan fakta...

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya sentuh sedikit.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tak boleh. Duduk. Kejap. Belum habis lagi (ketawa). Jadi saya nak tanya siapa yang punya angkara yang menyambung sehingga tahun 2038 ini sebenarnya? (tepek meja).

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Bagi lah saya jawab, bagi saya jawab, boleh?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tak perlu. Sebab saya dah ada jawapan dia.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya call Menteri Kerja Raya tadi dia suruh jawab.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Untuk mengimbau semula isu tol ini seawal 2011 ya banyak pihak telah bangkitkan isu mansuhkan tol ini kerana apa? Pada ketika itu bila mana tol ini sebenarnya daripada tahun 1993 telah diwujudkan dan pada 2012 Kerajaan Barisan Nasional ingin naikkan daripada satu ringgit sepuluh sen kepada dua ringgit empat puluh sen di situ bantahan rakyat telah pun bermula sebenarnya (tepek meja). Di mana Barisan Nasional pada ketika itu? Tak ada. Mana ada. Tapi apa Menteri jawab? Dengar sini saya jawab, saya beritahu. Menteri kata seperti mana biasa, alasan yang diberi adalah kerana mematuhi syarat yang sudah termaktub dengan syarikat konsesi. Ok, tapi kalau syarat ini tidak menyebelahi pihak rakyat adakah ia wajar diteruskan? Jadi disebabkan desakan ini tol tak naik tetapi ada tidak ketelusan di situ, tol dipanjangkan daripada 2018 ke 2038. Saya masih ingat, masa tahun 2013 kempen saya kepada rakyat Batu Tiga, tolak habis-habisan BN sebab mereka mengenakan tol ini dan mereka buktikan telah menolak BN dalam perkara ini. (Tepuk meja). Ada satu lagi perkara yang ingin saya dedahkan di sini. Iaitu, tol Batu Tiga Sg. Rasa adalah tol paling tinggi kutipannya di Malaysia. Ada satu penemuan oleh pihak kajian lalu lintas mengatakan bahawa kutipan hariannya pada 2018, 1 juta ringgit ya. 1 juta ringgit, kalau tol Batu Tiga sahaja purata 61 juta kutipan dalam masa tempoh setahun kan. Kalau kita kali konsesi 20 tahun makna 1.2 bilion telah pun dikutip. Itu baru tol Batu Tiga belum tol Sg. Rasa lagi. Tetapi apa yang penting di sini, kita nak cakap, kita desak Kerajaan Barisan Nasional ini untuk mansuh atau tamatkan dah lama. Kg. Tunku sendiri pada 27 Mac 2012 telah mengamuk membawa isu di dalam Dewan ini. Jadi apa yang ingin saya sebut di sini saya cuma nak ingatkan kepada Kerajaan Negeri Selangor kan, walaupun saya marah Barisan Nasional, saya nak juga Kerajaan Negeri Selangor berhati-hati. Saya harap kita, di mana-mana tol yang sedia ada ni boleh tak Kerajaan Selangor dalam konteks untuk memastikan ketelusan kepada rakyat dan juga kepada pentadbiran kita. Kita setkan atau kita letakkan satu dasar iaitu mana-mana kutipan tol yang telah mencapai bayaran balik maka tempoh tamat perkhidmatan itu boleh disegerakan. Tidak perlu tunggu kepada tempoh konsesi. Contohnya kalau 20 tahun konsesinya tetapi kutipannya dah dapat dalam tempoh 10 tahun tamatkan segera. Jadi itu ya. Haah itu, MB kata menang Putrajaya. In shaa Allah. Tapi saya nak beritahu tentang satu perkara yang lebih khusus iaitu bila Sg. Burong kata suruh Selangor kaji balik mana-mana kita ada pegangan, milikan dalam tol-tol ini supaya dimansuhkan jadi saya nak gesa lah supaya Kerajaan Barisan Nasional juga mempunyai banyak pegangan-pegangan di dalam tol di seluruh negara ini, boleh kita mansuhkan semua tol di Malaysia ini. Boleh? Boleh? Setuju? Haah Boleh, jadi itu sahajalah ucapan saya tapi apa yang ingin saya nyatakan di sini, inilah Dasar sebuah

7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Belanjawan berteraskan agenda ekonomi. Ada satu perkara yang sedikit menyedihkan saya, saya melihat seronok dengan angka 22.7% KDNK Selangor kita berikan kepada Federal tapi Federal bercakap di situ seolah-olahnya kita defisit macam mereka tapi saya nak cadang boleh tak kalau 1% sahaja daripada KDNK ini dipulangkan sebagai hasil kepada Kerajaan ataupun pendapatan kepada Kerajaan Selangor, saya yakin bajet defisit ini akan jadi bajet surplus. In shaa Allah ya. (Tepuk meja). Jadi untuk itu, saya tamatkan ucapan saya, terima kasih kepada semua. Insya-Allah saya menyokong perbahasan yang dikemukakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, seramai 30 orang ADUN telah pun berbahas, hampir 70% kali ini untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-Undang Bekalan. Jadi saya tangguhkan Dewan sehingga esok pukul 10 pagi untuk EXCO gulung esok ya. Jadi Dewan ditangguhkan

(Dewan ditangguhkan pada jam 7.24 malam)